



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

K C M S

Kit Celik Mengarang Selangor
THINK . TOHUCOKEP . KECAHA

Bahasa Melayu Format Baharu

UNIT BAHASA SEKTOR PEMBELAJARAN
JPN SELANGOR

KCMS: THINK. TOHUCOKEP. KECAHA

Bahasa Melayu Format Baharu

Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

Diterbitkan oleh:

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

Kementerian Pendidikan Malaysia

Jalan Jambu Bol 4/3e, Seksyen 4,

40604 Shah Alam, Selangor

Tel : 03-55186500

Faks : 03-55102133

Web : <http://jpnselangor.moe.gov.my>

e ISBN 978-967-18864-3-4



© Hak cipta Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Semua hak cipta terpelihara. Hak cipta Kementerian Pendidikan Malaysia 2021. Semua petikan daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

November 2021

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Kata Alu-aluan

ii

Panel Penulis

iii

BAHAGIAN A

Panduan Penulisan Bahagian A

1 – 36

Item 1 hingga Item 9

Latihan sendiri

BAHAGIAN B

Panduan Penulisan Bahagian B

37 - 218

Item 1 hingga Item 23

Latihan sendiri



<http://bit.ly/KCMS2020>
Salinan lembut buku KCMS



<https://bit.ly/e-kcms>
Google sites e-KCMS

Kata Alu-aluan **PENGARAH PENDIDIKAN**



HAJAH ANISMAH BINTI M. NOH

Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, modul **KCMS: THINK – TOHUCOKEP – KECAHA Bahasa Melayu Format Baharu SPM** ini berjaya dihasilkan.

Modul ini diterbitkan sebagai panduan untuk semua guru Bahasa Melayu rentetan daripada perubahan item-item format SPM baharu mulai tahun 2021. Murid-murid juga boleh menggunakan modul ini sebagai bahan rujukan untuk mempelajari cara membina ayat-ayat ketika menghasilkan karangan dengan berdasarkan item yang disediakan.

Karangan-karangan contoh yang dimuatkan dalam modul ini menggunakan Teknik THINK – TOHUCOKEP – KECAHA sepenuhnya sebagaimana yang terdapat dalam Kit Celik Mengarang Selangor (KCMS). Saya berdoa semoga usaha ini akan mempermudah tugas guru untuk mengajarkan kemahiran menulis terutamanya dalam aspek penjaan idea dalam kalangan anak didik masing-masing.

Saya merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Unit Bahasa JPN Selangor atas inisiatif menghasilkan modul ini, serta jutaan terima kasih dan tahniah kepada semua SISC+ dan guru Bahasa Melayu yang terlibat atas komitmen dan kerjasama yang cemerlang dalam usaha menjayakan penerbitan modul ini.

Akhirulkalam, mudah-mudahan modul ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua guru dan murid serta mampu menjadi pemangkin untuk meningkatkan kemahiran penulisan karangan di negeri Selangor.

We learn, We Plan, We Commit, and We Deliver with Precision

Sekian, terima kasih.

Panel Penulis

PENASIHAT

Hajah Anismah binti M. Noh
Pengarah Pendidikan JPN Selangor

PENGERUSI

Datin Nor Faridah binti A. Bakar
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembelajaran

TIMBALAN PENGERUSI

Hajah Hanisah binti Mohd Yusof
KPPK Bahasa, Sektor Pembelajaran

KETUA PANEL

Azilawati binti Abu Bakar
KPP Bahasa, Sektor Pembelajaran

SETIAUSAHA

Rubiaton binti Ibrahim
PP Bahasa, Sektor Pembelajaran

PANEL BAHAN



Nor Khairiah binti Haris
Norliza binti Husin
Eva Sornam Gunasegaran
Ratna Sari Dewi Binti Robat
Sahizaismawaty binti Kamarudin
Mohd Sukri bin Mohd Yusoff
Aini binti Hassan
Nor Masyitah Ayu binti Ismail
Nord Arnee binti Zainol
Norelyza binti Suartam
Nurulhaiza binti Abu Bakar
Rohaiza binti Omar
Salmo binti Zakaria
Alias bin Derais @ Idris
Ang Ying Chee
Krishnaveni a/p Yellumalai
Nazima@ Noraida binti Abu Naim
Noor Azrina binti Mohamad Anuar
Siti Norulyani binti Md Zim
Zainab binti Abdullah
Kalyani a/p Murugiah
Nor Adilah binti Hassan
Shuhana binti Mohamed
Fuaziah binti Fa'at

SMK Pandan Mewah
SMK Perimbun
SMK Tengku Ampuan Jemaah
SMK Dato' Hamzah Pelabuhan Klang
SMK Tengku Ampuan Jemaah
SMK Sungai Burong
SMK Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
SMK Bandar Puncak Jalil
SMK Seksyen 4 Bandar Kinrara
SMK Subang Utama
SMK Taman Desaminium
SMK Puchong Perdana
SMK Taman Desaminium
SMK (P) Sri Aman
SMK Seksyen 10 Kota Damansara
SMK Bandar Sri Damansara 2
SMK Damansara Jaya
SMK Assunta
SMK Seksyen 10 Kota Damansara
SMK Bandar Utama Damansara 3
SMK Dengkil
SMK Putra Perdana
SMK Putra Perdana
SMK Bandar Baru Salak Tinggi



PENASIHAT BAHASA (Munshi Dewan)

Mohd Rosle bin Said
Alex Leong Jun Wei

PPD Klang
PPD Petaling Utama



KAWAL MUTU & PROOFREADING

Azilawati binti Abu Bakar
Rubiaton binti Ibrahim
Mohd Rosle bin Said
Alex Leong Jun Wei
Ummal Salmah binti MSM Sultan Dulkarunain
Dr Rahayu binti Akhesah
Dr Dolbasar bin Kasan
Dr Jiani binti Jaman
Norita binti Ariffin
Hasfariza binti Abdul Hamid
Ang Ying Chee
Nazima@ Noraida binti Abu Naim
Noor Azrina binti Mohamad Anuar

JPN Selangor
JPN Selangor
PPD Klang
PPD Petaling Utama
PPD Hulu Selangor
PPD Kuala Selangor
PPD Kuala Selangor
PPD Petaling Perdana
PPD Sepang
SMK Kampong Soeharto
SMK Seksyen 10 Kota Damansara
SMK Damansara Jaya
SMK Assunta



REKA LETAK & GRAFIK

Rubiaton binti Ibrahim
Syuhaila binti Elias
Maria Farinna binti Zainal Abidin
Chia Lee Shan
Flora Lim Mei Ching
Farhana binti Che Ani @ Abd Ghani
Sakinah binti Khalid @ Halit
Noor Azura binti Mohd Hanapi

JPN Selangor
PPD Gombak
PPD Petaling Utama
SJKC Pandamaran A
SK Taman Sungai Besi Indah
SK Sungai Kertas
SK Taman Ehsan
SK Bandar Anggerik



BAHAGIAN A

PANDUAN PENULISAN KARANGAN BAHAGIAN A

01

Pastikan karangan anda mempunyai pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan yang sesuai.

02

Penulisan mesti merangkumi semua bahan dalam petikan.

03

Akur dengan arahan dalam soalan

04

Untuk menghasilkan karangan yang cemerlang, calon boleh mengembangkan hanya dua isi dengan jelasnya dan matang, diperkukuh dengan contoh yang sesuai serta menggunakan bahasa yang berbudaya (iaitu 4 – 5 ayat dengan menggunakan kerangka TOHUCOKEP)



BAHAGIAN A 30 MARKAH

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas (MBK) di Malaysia. Huraikan pendapat anda tentang **masa depan MBK di Malaysia**. Panjang huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**

PERANAN IBU BAPA


Memastikan anak yang merupakan MBK tidak dipinggirkan daripada aspek sosial dan akademik

Membina hubungan positif dengan pihak sekolah

BANTUAN DAN KHIDMAT SOKONGAN KEPADA MURID BERKEPERLUAN KHAS

- Elaun Murid Khas RM150 setiap bulan
- Bayaran makanan asrama dikecualikan bagi MBK di asrama SPK
- Lanjut tempoh belajar maksimum dua tahun
- Tambahan satu tahun jika murid mengikuti Pendidikan vokasional SPMKV
- Tambahan masa semasa menduduki peperiksaan awam
- Menerima bantuan dan sokongan semasa menduduki peperiksaan awam
- Pembantu pengurusan murid
- Perkhidmatan sokongan daripada pegawai bidang khusus Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK)

PELUANG PENDIDIKAN MURID BERKEPERLUAN KHAS



SPK

Sekolah Pendidikan Khas (SPK) adalah sekolah yang menyediakan Pendidikan khas bagi murid berkeperluan khas bagi murid berkeperluan khas (MBK) pada semua peringkat persekolahan.

PPKI

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) merupakan program pendidikan bagi MBK yang dihadiri oleh MBK di kelas khas di sekolah harian biasa kerajaan atau bantuan kerajaan.

PPI

Program Pendidikan Inklusif (PPI) adalah program pendidikan bagi MBK yang dihadiri oleh MBK bersama-sama dengan murid arus perdana dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.

Langkah 1 : Bina PENDAHULUAN menggunakan teknik TIK

TEMA	Murid Berkeperluan Khas (MBK) ialah murid yang disahkan oleh pakar perubatan sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan tertentu.
ISU	Namun begitu, segelintir ibu bapa tidak ingin menghantar anak sendiri yang berkeperluan khas untuk mengikuti pendidikan khas.
KEHENDAK	Oleh sebab itu, pelbagai pihak memainkan peranan untuk membantu MBK demi masa depan golongan ini.



TOHUCOKEP

Langkah 2 : Bina 3 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

ISI
1

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Ibu bapa berperanan untuk memastikan MBK mendapat pendidikan sewajarnya.

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Ibu bapa hendaklah sentiasa membina hubungan yang positif dengan sekolah dan memberikan galakan serta dorongan kepada anak-anak mereka.

Ayat 3
(KE)

Ayat **Kesan**

Melalui pelibatan ibu bapa, anak-anak MBK akan dibimbing secara terancang dan memudahkan mereka mengikuti sesi pembelajaran.

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan peluang pendidikan untuk MBK.

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Mereka boleh belajar di Sekolah Pendidikan Khas (SPK), mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan mengikuti Program Pendidikan Inklusif (PPI) di sekolah harian.

Ayat 3
(KE)

Ayat **Kesan**

MBK akan diajar tentang pengurusan diri semasa berada di sekolah dan hidup berdikari selepas tamat persekolahan nanti.

ISI
2

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Pihak kerajaan juga menyediakan bantuan dan khidmat sokongan kepada MBK.

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Antara bantuan yang diterima oleh MBK ialah elaun murid khas sebanyak RM150 setiap bulan dan pembantu pengurusan murid.

Ayat 3
(PE)

Ayat **Penegas**

Bantuan yang diberikan dapat meringankan beban mereka.

KECAHA

Langkah 3 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan	<i>Kesimpulannya, semua pihak yang terbabit wajar memainkan peranan untuk menjamin masa depan MBK di Malaysia.</i>	Ke
Cadangan	<i>Oleh itu, kita haruslah bekerjasama untuk merealisasikan impian mereka agar mereka dapat hidup berdikari selepas tamat persekolahan nanti.</i>	Ca
Harapan	<i>Sesungguhnya, kejayaan mereka dalam kerjaya pasti akan merancakkan ekonomi negara.</i>	Ha



Murid Berkeperluan Khas (MBK) ialah murid yang disahkan oleh pakar perubatan sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan tertentu. Antara ketidakupayaan tersebut adalah dari aspek pendengaran, penglihatan dan pembelajaran. Namun begitu, MBK perlu mengikuti pendidikan khas agar mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Ibu bapa berperanan untuk memastikan MBK mendapat pendidikan sewajarnya. Ibu bapa juga hendaklah sentiasa membina hubungan yang positif dengan sekolah dan memberikan galakan serta dorongan kepada anak-anak mereka. Melalui pelibatan ibu bapa, anak-anak MBK akan dibimbing secara terancang dan memudahkan mereka mengikuti sesi pembelajaran.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan peluang pendidikan untuk MBK. Mereka boleh belajar di Sekolah Pendidikan Khas (SPK), mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan mengikuti Program Pendidikan Inklusif (PPI) di sekolah harian. MBK diajar tentang pengurusan diri semasa berada di sekolah dan hidup berdikari selepas tamat persekolahan nanti.

Selain itu, KPM juga menyediakan bantuan dan khidmat sokongan kepada MBK. Antara bantuan yang diterima ialah elaun murid khas sebanyak RM150 sebulan dan pembantu pengurusan murid. Bantuan yang diberikan dapat meringankan beban mereka.

Kesimpulannya, MBK wajar mendapat pendidikan bersesuaian dengan kecenderungan mereka. Oleh itu, semua pihak hendaklah membantu merealisasikan impian mereka agar mereka boleh hidup berdikari selepas tamat persekolahan nanti. Sesungguhnya, kejayaan mereka dalam kerjaya turut merancakkan ekonomi negara.

(187 patah perkataan)

BAHAGIAN A 30 MARKAH

[Masa dicadangkan: 30 minit]


Maklumat di bawah berkaitan dengan sukan dan rekreasi.

Huraikan pendapat anda tentang **sukan dan rekreasi**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Mutakhir ini, pemodenan sukan bergerak seiring dengan kemajuan dunia dan membawa falsafah yang lebih luas. Pertumbuhan pelbagai bidang sukan yang rancak ini digerakkan dengan lebih dinamik dan profesional melalui pertubuhan bukan kerajaan dan juga Kementerian Belia dan Sukan. Penglibatan masyarakat dalam bidang sukan juga telah banyak memberikan manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Sumber: Internet



Langkah 1 : Bina PENDAHULUAN menggunakan teknik TIK

TEMA	Pada umumnya, kita mengetahui bahawa bidang sukan rancak digerakkan oleh pihak kerajaan dan swasta di negara kita.	T
ISU	Namun begitu, aktiviti sukan kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya golongan muda.	I
KEHENDAK	Sebenarnya, penglibatan dalam bidang sukan membawa faedah kepada setiap individu tanpa mengira umur dan jantina.	K

TOHUCOKEP

Langkah 2 : Bina 3 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

ISI
1

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Faedah pertama melibatkan diri dalam sukan ialah sukan dapat membentuk badan yang sihat.

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Aktiviti sukan dapat membina otot yang kuat dan membakar lemak dalam badan sekiranya bersukan secara konsisten.

Ayat 3
(P)

Ayat **Penegas**

Amalan bersukan penting kerana badan yang cergas menjana minda yang cerdas.

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Amalan bersukan juga dapat mengelakkan tekanan perasaan

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Perkara ini bermaksud ketika melakukan aktiviti sukan, badan kita akan membebaskan hormon endorphin yang akan menyebabkan kita berasa gembira.

Ayat 3
(P)

Ayat **Penegas**

Penglibatan individu dalam sukan dapat mengelakkan tekanan perasaan.

ISI
2

Ayat 1
(TO)Ayat **Topik**

Amalan bersukan turut memupuk semangat kerjasama.

Ayat 2
(HU)Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Aktiviti sukan dapat membentuk individu mengamalkan sikap bekerjasama ketika bermain dalam satu pasukan.

Ayat 3
(KE)Ayat **Kesan**

Impaknya, aktiviti sukan dapat membentuk sikap kerjasama tanpa mengira bangsa dan agama bagi aur dengan tebing.

KECAHA

Langkah 3 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan	<i>Sebagai penutup bicara, kita haruslah melibatkan diri dalam aktiviti sukan pada masa lapang untuk menikmati manfaatnya.</i>	Ke
Cadangan	<i>Bagi tujuan itu, ibu bapa, pihak sekolah dan kerajaan harus menggalakkan generasi muda untuk melibatkan diri dalam sukan.</i>	Ca
Harapan	<i>Semoga penglibatan diri dalam sukan dapat melahirkan rakyat yang sihat dan ceria.</i>	Ha



KARANGAN LENGKAP

Pada umumnya, kita mengetahui bahawa bidang sukan sedang rancak digerakkan oleh pihak kerajaan dan swasta di negara kita. Namun begitu, aktiviti sukan kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Malaysia terutamanya golongan muda. Sebenarnya, penglibatan dalam bidang sukan sangat berfaedah kepada setiap individu tanpa mengira umur dan jantina.

Penglibatan diri dalam sukan ialah sukan dapat membentuk badan yang sihat. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti sukan dapat membina otot yang kuat dan membakar lemak dalam badan sekiranya aktiviti sukan itu dijalankan secara konsisten. Jelaslah bahawa amalan bersukan penting kerana badan yang cergas menjanakan minda yang cerdas.

Selain itu, amalan bersukan juga dapat mengelakkan tekanan perasaan. Perkara ini bermaksud ketika melakukan aktiviti sukan, badan kita akan membebaskan hormon endorphin yang akan menyebabkan kita berasa gembira. Secara tegasnya, penglibatan individu dalam sukan juga dapat mengurangkan tekanan dan mengatasi masalah kelesuan fizikal.

Seterusnya, amalan bersukan juga dapat memupuk semangat kerjasama. Perkara ini dikatakan demikian kerana aktiviti sukan dapat membentuk sikap individu mengamalkan kerjasama ketika bermain dalam satu pasukan. Impaknya, sikap kekitaan akan wujud tanpa mengira bangsa dan agama bagi aur dengan tebing.

Kesimpulannya, individu yang aktif dalam aktiviti sukan dapat menggunakan masa lapang mereka dengan lebih bermanfaat. Ibu bapa pula perlu menggalakkan anak-anak mereka bersukan agar anak-anak akan sihat jasmani dan rohani serta sentiasa ceria. Oleh itu, pihak kerajaan perlu menyediakan pelbagai kemudahan sukan di sekolah mahupun di dalam komuniti masyarakat.

(218 patah perkataan)

BAHAGIAN A 30 MARKAH

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan sejarah dan warisan.

Huraikan pendapat anda tentang **sejarah dan warisan**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Kesedaran generasi kini terhadap kepentingan sejarah dapat disifatkan sekadar bermusim kerana kebiasaannya ramai akan mula mengambil kisah mengenainya hanya menjelang tarikh penting tertentu seperti Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Apabila berlalu sambutan itu, minat mereka dalam hal ini kembali hambar, malah kadang kala mereka tidak peduli tentang apa-apa yang berlaku di sekeliling setiap hari dan kaitannya dengan sejarah. Kesannya, generasi muda yang diharapkan menjadi pewaris masa depan dikatakan mempunyai pengetahuan yang amat cetek mengenai negara sendiri, lantaran kurang berminat terhadap menghayati sejarah tanah air.

Sumber : <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018>



jadikan tempat bersejarah
iaitu sebagai destinasi
percutian

menerapkan
nilai jati diri

**Tips seronok belajar
Sejarah**

menggunakan peta
pemikiran atau peta minda

menanamkan
perasaan 'ingin tahu'

pelibatan
yang aktif

Langkah 1 : Bina PENDAHULUAN menggunakan teknik TIK

TEMA	Pada Umumnya, kita mengetahui bahawa negara kita mempunyai warisan sejarah yang unik.	T
ISU	Akan tetapi, generasi muda tidak mempunyai pengetahuan tentang sejarah negara kita malah mata pelajaran Sejarah dianggap sebagai subjek yang membosankan.	I
KEHENDAK	Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi memastikan mata pelajaran Sejarah diminati oleh generasi muda.	K

TOHUCOKEP

Langkah 2 : Bina 3 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

ISI
1

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Ibu bapa perlu memainkan peranan dengan memilih tempat bersejarah sebagai destinasi pelancongan

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Ibu bapa perlu membawa anak-anak mereka ke Melaka atau Langkawi yang banyak dengan tempat-tempat bersejarah.

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Ibu bapa dapat memperkenalkan warisan sejarah bak kata pepatah tak kenal maka tak cinta.

ISI
2

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Pihak sekolah dapat menarik minat murid mempelajari sejarah melalui penggunaan peta minda

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Guru menerangkan susun galur sejarah dengan bahan grafik.

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Ibu bapa dapat memperkenalkan warisan sejarah bak kata pepatah tak kenal maka tak cinta.

Ayat 1
(TO)Ayat **Topik**

Pihak sekolah dapat memupuk jati diri murid melalui sambutan bulan kebangsaan negara kita.

Ayat 2
(HU)Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Pihak sekolah menganjurkan pelbagai aktiviti menarik yang berkaitan dengan hari kebangsaan negara kita sepanjang bulan Ogos.

Ayat 3
(CO)Ayat **Contoh**

Usaha pihak sekolah yang sedemikian dapat membentuk jati diri dalam kalangan murid.

KECAHA

Langkah 3 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan	<i>Kesimpulannya, kita haruslah mengetahui dan mempelajari sejarah negara tercinta.</i>
Cadangan	<i>Bagi tujuan itu, pihak kerajaan perlu mengadakan sambutan Hari Kemerdekaan secara besar-besaran bagi menyemarakkan semangat patriotik</i>
Harapan	<i>Semoga warisan sejarah akan terus hidup subur dalam kalangan generasi muda di Malaysia.</i>

Ke

Ca

Ha



KARANGAN LENGKAP

Pada umumnya, kita mengetahui bahawa negara kita mempunyai warisan sejarah yang unik. Akan tetapi, generasi muda tidak mempunyai pengetahuan tentang sejarah negara kita malah mata pelajaran Sejarah dianggap membosankan. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi memastikan warisan sejarah diminati oleh generasi muda.

Pada pendapat saya, ibu bapa perlu memainkan peranan dengan memilih tempat bersejarah sebagai destinasi pelancongan. Hal ini bermaksud, ibu bapa perlu membawa anak-anak mereka ke Melaka atau Langkawi yang banyak dengan tempat-tempat bersejarah. Secara tidak langsung mereka dapat memperkenalkan warisan sejarah kepada anak-anak mereka bak kata pepatah tak kenal maka tak cinta.

Dalam pada itu, pihak sekolah dapat menarik minat murid mempelajari sejarah melalui penggunaan peta minda. Hal ini bermaksud, guru perlu menerangkan susur galur sejarah dengan menggunakan bahan grafik. Tegasnya, usaha yang sedemikian dapat menarik minat murid untuk mendalami peristiwa sejarah negara kita bak kata pepatah ada hati semua jadi.

Seterusnya, pihak sekolah juga dapat memupuk jati diri murid melalui sambutan bulan kebangsaan melalui pelbagai aktiviti yang menarik. Implikasinya, usaha pihak sekolah yang sedemikian sudah pasti dapat membentuk jati diri dalam kalangan murid.

Kesimpulannya, kita haruslah mengetahui dan mempelajari sejarah negara kita yang tercinta. Oleh itu, pihak kerajaan perlu mengadakan sambutan Hari Kemerdekaan secara besar-besaran untuk menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda.

(226 patah perkataan)

BAHAGIAN A 30 MARKAH

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan aktiviti riadah.

Huraikan pendapat anda tentang **aktiviti riadah**.

Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

KUALA LUMPUR: Masa bersama-sama keluarga antara saat paling sesuai untuk dimanfaatkan dengan melakukan aktiviti fizikal secara santai bertujuan mengekalkan kecergasan.

Kita sepatutnya memulakan langkah pertama dengan hanya berjalan kaki sebagai sebahagian pengisian yang lebih menyihatkan ketika menghabiskan masa berharga bersama-sama mereka. Walaupun aktiviti ini nampak mudah, namun tidak ramai sedar kebaikannya dalam usaha untuk mengekalkan kesihatan jantung. Tanpa kita sedari, aktiviti sedemikian juga mampu memupuk amalan gaya hidup sihat.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/>



Amalkan Gaya Hidup Sihat: Anda Sihat Anda Ceria

Langkah 1 : Bina PENDAHULUAN menggunakan teknik TIK

TEMA	Penjagaan kesihatan badan amat penting kepada semua individu.
ISU	Salah satu aktiviti yang dapat mengekalkan kesihatan badan ialah aktiviti riadah.
KEHENDAK	Aktiviti riadah banyak membawa kebaikan.

T

I

K

TOHUCOKEP

Langkah 2 : Bina 3 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

ISI
1

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**
Aktiviti riadah dapat menyihatkan badan kita.

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Aktiviti ini membolehkan kita mengekalkan kecergasan badan kita. Sebagai contoh, aktiviti berjalan kaki mampu mengekalkan kesihatan jantung kita.

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**
Oleh yang demikian, jelaslah bahawa aktiviti ini dapat menyihatkan badan.

ISI
2

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**
Aktiviti riadah juga mampu membebaskan seseorang daripada tekanan.

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Melalui aktiviti riadah seperti bersiar-siar di taman, kita dapat menenangkan fikiran. Kita dapat melupakan seketika beban dan tekanan kerja atau belajar.

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**
Aktiviti riadah mampu membebaskan kita daripada tekanan hidup.

Ayat 1
(TO)Ayat **Topik**

Kita dapat mengisi masa senggang dengan aktiviti yang menyihatkan badan.

Ayat 2
(HU)Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Kita dapat berbasikal pada masa senggang. Kesannya, masa kita terisi secara berfaedah dan badan kita pula kekal sihat kerana aktiviti fizikal ini.

Ayat 3
(CO)Ayat **Contoh**

Aktiviti riadah membolehkan kita mengisi masa senggang dengan lebih bermanfaat.

KECAHA

Langkah 3 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan	<i>Kesimpulannya, aktiviti riadah mempunyai pelbagai faedah terutamanya terhadap kesihatan badan.</i>
Cadangan	<i>Oleh hal yang demikian, kita wajar menjadikan aktiviti ini sebagai amalan dalam hidup.</i>
Harapan	<i>Jika aktiviti ini menjadi amalan harian, rakyat sihat negara sejahtera.</i>

Ke

Ca

Ha



KARANGAN LENGKAP

Penjagaan kesihatan badan amat penting kepada semua individu. Salah satu aktiviti yang dapat mengekalkan kesihatan badan ialah aktiviti riadah. Aktiviti riadah banyak membawa kebaikan kepada diri seseorang.

Aktiviti riadah dapat menyihatkan badan kita. Hal ini dikatakan demikian kerana, aktiviti ini membolehkan kita mengekalkan kecergasan badan kita. Contohnya, aktiviti berjalan kaki mampu mengekalkan kesihatan jantung kita. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa aktiviti riadah dapat menyihatkan badan kita.

Selain itu, aktiviti riadah juga mampu membebaskan seseorang daripada tekanan perasaan. Melalui aktiviti riadah seperti bersiar-siar di taman dapat menenangkan dan merehatkan fikiran. Dengan cara ini, kita dapat melupakan seketika beban dan tekanan kerja atau belajar. Tuntasnya, aktiviti riadah mampu membebaskan kita daripada tekanan kehidupan.

Selanjutnya, kita dapat mengisi masa senggang dengan aktiviti yang menyihatkan badan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kita dapat berbasikal pada masa senggang. Kesannya, kita akan mengisi masa senggang secara berfaedah dan badan kekal sihat. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa aktiviti riadah yang kita lakukan dapat mengisi masa senggang dengan lebih bermanfaat.

Kesimpulannya, aktiviti riadah mempunyai pelbagai faedah terutamanya terhadap kesihatan badan. Oleh itu, kita wajar menjadikan aktiviti ini sebagai amalan kehidupan. Sekiranya aktiviti ini menjadi amalan harian nescaya rakyat akan sihat dan negara menjadi sejahtera.



(197 patah perkataan)

BAHAGIAN A 30 MARKAH

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan amalan membaca.

Huraikan pendapat anda tentang **amalan membaca dalam kalangan masyarakat**.
Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.



DBKL wujudkan 600 kios buku sempena KLBBC 2020

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mewujudkan 600 kios buku di sekitar ibu negara sempena program Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC2020) bermula 23 April sehingga 22 April, 2021.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata kini terdapat lebih 60 kios buku di kawasan strategik dan lokasi tumpuan di ibu negara termasuk di KLCC, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Masjid India yang membabitkan kos keseluruhan RM750,000.

"Setiap kios ini berjumlah antara RM7,000 dan RM12,000 mengikut saiz dan reka bentuk. Oleh itu, orang awam disaran menggunakan perkhidmatan ini secara berhemah dan sematkan budaya membaca walau di mana jua berada," katanya.

Menurut Nor Hisham, penyediaan kios buku ini bertujuan membentuk masyarakat kota berilmu yang sentiasa membudayakan amalan membaca.

"KLWBC2020 bukanlah satu kemegahan, sebaliknya kita mahu semua orang membaca untuk sepanjang hayat. Itu adalah matlamat kita dan program itu bukan hanya berlangsung

di Kuala Lumpur, sebaliknya di seluruh negara," katanya yang turut mengalu-alukan kerjasama semua pihak untuk menyumbang bahan bacaan demi manfaat bersama.

Kini diperluaskan

Sementara itu, Nor Hisham berkata perkhidmatan bas perpustakaan bergerak atas inisiatif Perpustakaan Kuala Lumpur itu dapat memuatkan sehingga 1,500 naskhah buku, kini diperluaskan ke penduduk di taman-taman perumahan sekitar ibu kota.

"Kita tidak lagi menunggu komuniti kota pergi ke per-

pustakaan tetapi, kita bawa buku dan perpustakaan kepada penduduk," katanya.

Tambahnya, empat unit bas perpustakaan itu akan bergerak ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sekitar Bukit Jalil, Perkasa, Raya Permai dan Sri Johor.

Selain buku, perpustakaan bas yang mula dilaksanakan pada awal 1990-an dengan tumpuan di sekolah itu turut menyediakan kemudahan buku elektronik (e-book), komputer, pangkalan data, talian wi-fi percuma, ruang aktiviti dan khidmat nasihat. BERNAMA



Nor Hisham Ahmad Dahlan

Langkah 1 : Bina PENDAHULUAN menggunakan teknik TIK

TEMA	Pendidikan	T
ISU	Membaca jambatan ilmu membawa pengertian bahawa amalan membaca perlu dibudayakan dalam kehidupan masyarakat demi kecemerlangan masa depan seseorang.	I
KEHENDAK	Oleh itu, pelbagai langkah perlu kita ambil untuk memupuk amalan membaca.	K

TOHUCOKEP

Langkah 2 : Bina 3 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

ISI
1

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Pemupukan amalan membaca perlu bermula dari rumah melalui teladan ibu bapa.

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

*Ibu bapa yang membaca sudah pasti akan melahirkan anak yang akan mengisi setiap masa lapang mereka dengan aktiviti membaca bak kata peribahasa **bagaimana acuan begitulah kuihnya**.*

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Ibu bapa disarankan mengajak anak-anak untuk membaca surat khabar atau majalah bersama-sama dengan mereka pada waktu senggang.

ISI
2

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Langkah untuk memupuk amalan membaca adalah dengan menyertai pertandingan membaca yang dianjurkan oleh pelbagai pihak.

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Hadiah yang ditawarkan sebaik-baiknya menarik minat setiap golongan masyarakat di samping memenuhi keperluan pendidikan atau kerjaya mereka pada musim pandemik ini.

Ayat 3
(K)

Ayat **Kesan**

Setiap individu akan teruja untuk menyertai pertandingan membaca dan merealisasikan hasrat membudayakan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

Ayat 1
(TO)Ayat **Topik**

Dalam pada itu, DBKL telah mewujudkan 600 kios bersempena dengan program Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC 2020).

Ayat 2
(HU)Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, terdapat lebih 60 kios buku diwujudkan di kawasan strategik di ibu negara termasuk KLCC, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Masjid India yang membabitkan kos keseluruhan RM750,000.

Ayat 3
(P)Ayat **Penegas**

Situasi ini sudah pasti mampu menyemai minat membaca dalam kalangan warga kota.

KECAHA

Langkah 3 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan	<i>Kesimpulannya, semua pihak sewajarnya mengambil langkah sederhana dalam usaha membudayakan amalan membaca kerana bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi.</i>	Ke
Cadangan		Ca
Harapan	<i>Kita berharap semoga segala yang dirancang bakal membuahkan hasil yang mampu membangunkan negara.</i>	Ha



KARANGAN LENGKAP

Membaca jambatan ilmu membawa pengertian bahawa amalan membaca perlu dibudayakan dalam kehidupan masyarakat demi kecemerlangan masa depan seseorang. Oleh itu, pelbagai langkah perlu kita ambil untuk memupuk amalan membaca.

Pemupukan amalan membaca perlu bermula dari rumah melalui teladan ibu bapa. Tidak dapat dinafikan bahawa, ibu bapa yang membaca sudah pasti akan melahirkan anak yang akan mengisi setiap masa lapang mereka dengan aktiviti membaca bak kata peribahasa bagaimana acuan begitulah kuihnya. Sebagai contoh, ibu bapa disarankan mengajak anak-anak untuk membaca surat khabar atau majalah bersama-sama dengan mereka pada waktu senggang.

Seterusnya, pemupukan amalan membaca adalah dengan menyertai pertandingan membaca yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Dalam konteks ini, hadiah yang ditawarkan sebaik-baiknya menarik minat setiap golongan masyarakat di samping memenuhi keperluan pendidikan atau kerjaya mereka pada musim pandemik ini. Impaknya, setiap individu akan teruja untuk menyertai pertandingan membaca dan merealisasikan hasrat membudayakan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

Dalam pada itu, DBKL telah mewujudkan 600 kios bersempena dengan program Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC 2020). Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, terdapat 60 kios buku diwujudkan di kawasan strategik di ibu negara termasuk di KLCC, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Masjid India yang membabitkan kos keseluruhan RM750,000. Situasi ini sudah pasti mampu menyemai minat membaca dalam kalangan warga kota.

Kesimpulannya, semua pihak sewajarnya mengambil langkah sederhana dalam usaha membudayakan amalan membaca kerana bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi. Kita berharap semoga segala yang dirancang bakal membuahkan hasil yang mampu membangunkan negara.

(204 patah perkataan)

BAHAGIAN A 30 MARKAH

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan perpaduan.

Huraikan pendapat anda tentang **perpaduan**.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

GELANGGANG

Ini gelanggang kita
yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang
lebih lima dekad yang lalu
Satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu
di kemudian hari.

KOMSAS Tingkatan 4

IBU BAPA

SEKOLAH

PERPADUAN

SWASTA

KERAJAAN



Langkah 1 : Bina PENDAHULUAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Perpaduan merupakan asas kemakmuran sesebuah negara.</i>
ISU	<i>Malangnya, kenyataan ini kurang disedari oleh segelintir masyarakat</i>
KEHENDAK	<i>Konsep perpaduan harus dihayati dan dipikul sebagai satu amanat oleh setiap warganegara.</i>

T

I

K

TOHUCOKEP

Langkah 2 : Bina 3 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

ISI
1

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Perpaduan amat penting untuk memastikan keharmonian negara.

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Keharmonian negara menjamin kejayaan dan melambangkan imej negara di persada dunia

Ayat 3
(P)

Ayat **Penegas**

Oleh itu, rakyat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama harus bersatu padu demi negara kita.

ISI
2

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Salah satu aktiviti yang dapat menggalakkan perpaduan ialah aktiviti gotong-royong.

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Aktiviti gotong-royong bukan sahaja dapat membersihkan kawasan persekitaran malah dapat mewujudkan ikatan silaturahim dalam kalangan masyarakat yang berbeza latar belakang yang terlibat dengan aktiviti ini.

Ayat 3
(P)

Ayat **Penegas**

Aktiviti gotong-royong merupakan salah satu kaedah untuk mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

**Ayat 1
(TO)**

Ayat Topik

Ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam usaha memupuk perpaduan.

**Ayat 2
(HU)**

Ayat Huraian (mengapa/sebab)

Ibu bapa harus menjadi teladan kepada anak-anak dengan mewujudkan hubungan yang baik dengan jiran tetangga.

**Ayat 3
(P)**


Ayat Penegas

Anak-anak muda akan turut menjalinkan hubungan yang mesra dengan masyarakat pelbagai bangsa kerana ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

KECAHA

Langkah 3 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
K esimpulan	<i>Kesimpulannya, masyarakat perlu mengekalkan perpaduan untuk menjamin kemakmuran sesebuah negara.</i>	Ke
C adangan	<i>Oleh itu, setiap masyarakat perlu melibatkan diri dalam setiap aktiviti kemasyarakatan.</i>	Ca
H arapan	<i>Konsep perpaduan ini harus dihayati oleh setiap warganegara agar dapat melahirkan masyarakat yang harmoni.</i>	Ha





KARANGAN LENGKAP

Perpaduan merupakan asas kemakmuran sesebuah negara. Malangnya, kenyataan ini kurang disedari oleh segelintir masyarakat. Konsep perpaduan perlu dihayati dan dipikul sebagai satu amanat oleh setiap warganegara.

Perpaduan amat penting untuk memastikan keharmonian sesebuah negara. Hal ini dikatakan demikian kerana keharmonian negara dapat menjamin kejayaan dan melambangkan imej negara di persada dunia. Oleh itu, rakyat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama harus bersatu padu demi negara kita.

Salah satu aktiviti yang dapat menggalakkan perpaduan ialah aktiviti gotong-royong. Aktiviti gotong-royong bukan sahaja dapat membersihkan kawasan persekitaran malah dapat mewujudkan ikatan silaturahim dalam kalangan masyarakat yang berbeza latar belakang yang terlibat dengan aktiviti ini. Jelaslah bahawa aktiviti gotong-royong merupakan salah satu kaedah untuk menggerakkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

Ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam usaha memupuk perpaduan. Ibu bapa harus menjadi teladan kepada anak-anak dengan mewujudkan hubungan yang baik dengan jiran tetangga. Dengan ini, anak-anak muda akan turut menjalin hubungan yang mesra dengan masyarakat pelbagai bangsa kerana ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Kesimpulannya, masyarakat perlu mengekalkan perpaduan untuk menjamin kemakmuran sesebuah negara. Oleh itu, setiap masyarakat perlu melibatkan diri dalam setiap aktiviti kemasyarakatan. Konsep perpaduan ini harus dihayati oleh setiap warganegara agar dapat melahirkan masyarakat yang harmoni.

(183 patah perkataan)

BAHAGIAN A 30 MARKAH

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan kesihatan.

Huraikan pendapat anda **tentang pencegahan wabak penyakit**.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Panduan Menghadapi Wabak Penyakit

Berikutan dengan penularan wabak penyakit seperti COVID-19, Influenza A, dan H1N1, semua kakitangan syarikat dinasihatkan agar mengambil langkah berjaga-jaga. Antara langkah yang perlu diambil adalah seperti yang berikut:

- Pakai pelitup muka dan cuci tangan dengan sabun atau gunakan pensanitasi tangan.
- Gunakan sapu tangan atau tisu semasa batuk dan bersin.
- Jangan hantar anak yang menghidap penyakit berjangkit ke pusat jagaan kanak-kanak.
- Dapatkan rawatan dengan segera jika anda mengalami demam, batuk, dan sukar hendak bernafas.
- Tinggal di rumah hingga penyakit sembuh jika diberi cuti sakit.
- Jangan meludah di merata-rata tempat.
- Bersihkan permukaan lantai dan meja yang terkena cecair hidung dan mulut.
- Elakkan diri daripada menyentuh anak atau ahli keluarga jika menghidap penyakit berjangkit.

Semoga para pekerja syarikat dapat memberikan kerjasama untuk mematuhi garis panduan yang diberikan ini.

Sekian, terima kasih.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

IMUNISASI COVID-19

ANDA MUNGKIN MENGALAMI KESAN SAMPINGAN SEMENTARA ATAU RINGAN SELEPAS VAKSINASI COVID-19

Kedaaan ini merupakan tanda-tanda badan sedang membina muniti melindungi diri daripada jangkitan

KEKESIHATAN MALAYSIA

MINIHEALTH

QR CODE



Langkah 1 : Bina PENDAHULUAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Kesihatan perlu dititikberatkan oleh semua lapisan masyarakat</i>
ISU	<i>Hal ini dikatakan demikian kerana penularan penyakit di Malaysia masih tinggi</i>
KEHENDAK	<i>Oleh hal yang demikian, beberapa langkah perlu diambil untuk mencegah wabak penyakit</i>



TOHUCOKEP

Langkah 2 : Bina 3 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

ISI
1

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Langkah untuk mencegah wabak penyakit ialah kita hendaklah menggunakan sapu tangan dan tisu ketika bersin.

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Langkah ini dapat mengelakkan sebaran virus melalui sentuhan dan sebaran udara seperti Influenza A, H1N1 dan Covid-19.

Ayat 3
(P)

Ayat **Penegas**

Pengunaan sapu tangan atau tisu ketika bersin antara langkah untuk menjaga kesihatan.

ISI
2

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Langkah lain untuk mencegah wabak penyakit ialah kita hendaklah mendapatkan rawatan dengan segera.

Ayat 2
(CO)

Ayat **Contoh**

(mengapa/sebab)

Jika kita mengalami simptom penyakit seperti demam dan sukar bernafas, kita hendaklah segera melakukan pemeriksaan kesihatan untuk mendapat rawatan awal.

Ayat 3
(CO)

Ayat **Penegas**

Jelaslah bahawa segera mendapatkan rawatan merupakan langkah untuk mencegah wabak penyakit.

**Ayat 1
(TO)**

Ayat Topik
Kita perlu mendapatkan suntikan imunisasi.

**Ayat 2
(HU)**

Ayat Huraian (mengapa/sebab)
Suntikan imunisasi dapat membina imunisasi dalam badan untuk mencegah penyakit berjangkit seperti COVID-19.

**Ayat 3
(CO)**

Ayat Penegas
Dengan kata lain, suntikan imunisasi dapat melindungi diri dari wabak penyakit.

KECAHA

Langkah 3 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
K esimpulan	<i>Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah yang boleh kita lakukan untuk mencegah penularan wabak penyakit.</i>	Ke
C adangan	<i>Oleh sebab itu, kita hendaklah sentiasa proaktif untuk menjaga kesihatan diri</i>	Ca
H arapan	<i>Mudahan-mudahan dengan adanya langkah yang pragmatik, masyarakat Malaysia akan menjadi sihat dan sejahtera.</i>	Ha





KARANGAN LENGKAP

Kesihatan perlu dititikberatkan oleh semua lapisan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana penularan penyakit di Malaysia masih tinggi. Oleh hal yang demikian, beberapa langkah perlu diambil untuk mencegah wabak penyakit.

Salah satu langkah untuk mencegah wabak penyakit ialah kita hendaklah menggunakan sapu tangan dan tisu ketika bersin. Langkah ini dapat mengelakkan sebaran virus melalui sentuhan dan sebaran udara seperti Influenza A, H1N1 dan Covid-19. Maka benarlah bahawa penggunaan sapu tangan atau tisu ketika bersin antara langkah untuk menjaga kesihatan.

Langkah lain untuk menjaga kesihatan ialah kita hendaklah mendapatkan rawatan dengan segeranya jika kita jatuh sakit. Sebagai contoh, jika kita mengalami simptom penyakit seperti demam dan sukar bernafas, kita hendaklah segera melakukan pemeriksaan kesihatan untuk mendapat rawatan awal. Dengan itu, jelaslah bahawa segera mendapatkan rawatan merupakan langkah untuk mencegah wabak penyakit.

Seterusnya, langkah untuk menjaga kesihatan ialah kita perlu mendapatkan suntikan imunisasi. Hal ini dikatakan demikian kerana suntikan imunisasi dapat membina imunisasi dalam badan untuk mencegah penyakit berjangkit seperti COVID-19. Dengan kata-kata lain, suntikan imunisasi dapat melindungi diri daripada wabak penyakit.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah yang boleh kita lakukan untuk mencegah penularan wabak penyakit. Oleh sebab itu, kita hendaklah sentiasa proaktif untuk menjaga kesihatan diri. Mudahan-mudahan dengan langkah yang pragmatik, masyarakat Malaysia akan menjadi sihat dan sejahtera.

(192 patah perkataan)

BAHAGIAN A 30 MARKAH

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Gambar dan maklumat di bawah berkaitan dengan e-sukan.

Berdasarkan bahan-bahan tersebut, huraikan pendapat anda tentang **e-sukan**.

Panjang karangan anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Menonjolkan bakat dalam permainan video.
Pelibatan dalam kokurikulum.
Mengatasi masalah sosial.



Pelopori e-sukan peringkat daerah

KUALA KUBU BHARU - E-sukan semakin berkembang di negara ini apabila mendapat permintaan tinggi penggemar permainan elektronik itu sehingga menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa.

"Morsianz Gaming Studio adalah satu-satunya pusat permainan e-sukan di daerah ini dan kita komited untuk melahirkan anak muda berbakat memandangkan sukan ini sudah diiktiraf.

Langkah 1 : Bina PENDAHULUAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>E-sukan atau sukan elektronik merupakan permainan video yang dipertandingkan dan dimainkan oleh generasi kini .</i>
ISU	<i>E-sukan semakin berkembang di Malaysia dan mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan penggemar permainan elektronik.</i>
KEHENDAK	<i>Persoalannya, apakah kebaikan-kebaikan e-sukan?</i>

T

I

K

TOHUCOKEP

Langkah 2 : Bina 3 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

ISI
1

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Pelibatan murid dalam e-sukan membuka peluang kepada murid-murid yang mahir dalam permainan video untuk menyerlahkan bakat mereka.

Ayat 2
(HU+CO)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Murid yang kurang aktif dalam aktiviti fizikal seperti olahraga dan badminton ,masih berpeluang untuk menonjolkan bakat melalui e-sukan dengan menggunakan kemahiran kognitif mereka.

Ayat 3
(P)

Ayat **Penegas**

Oleh itu , e-sukan memberikan peluang kepada semua murid untuk menyerlahkan bakat mereka.

ISI
2

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Seterusnya, murid-murid juga berpeluang untuk memperoleh markah kokurikulum dengan menyertai e-sukan.

Ayat 2
(HU+CO)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Murid-murid masih berpeluang memperoleh markah kokurikulum (PAJSK) melalui penyertaan e-sukan anjuran peringkat sekolah, daerah ,negeri dan kebangsaan.

Ayat 3
(P)

Ayat **Penegas**

Penyertaan murid dalam kokurikulum dapat dipertingkatkan melalui e-sukan.

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Sukan elektronik ini dapat mengurangkan pelbagai gejala sosial yang melibatkan murid-murid sekolah.

Ayat 2
(CO)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Sebagai contohnya, isu merokok dan menghisap vape dapat diatasi sekiranya murid-murid diberikan peluang menyertai e-sukan dengan pihak penganjur menawarkan pelbagai hadiah menarik.

Ayat 3
(KE)

Ayat **Kesan**

e-Sukan berupaya mengurangkan gejala sosial dalam kalangan murid sekolah.

KECAHA

Langkah 3 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan	<i>Kesimpulannya, terdapat banyak manfaat e-sukan.</i>
Cadangan	<i>Pelibatan murid sekolah dalam e-sukan perlu diperkasakan.</i>
Harapan	<i>Kita mengharapkan Kementerian Pendidikan Malaysia dapat menjadikan e-sukan sebagai salah satu aktiviti kokurikulum di semua peringkat sekolah.</i>

Ke

Ca

Ha



KARANGAN LENGKAP

E-sukan atau sukan elektronik merupakan permainan video yang dipertandingkan dan dimainkan oleh generasi kini. E-sukan semakin berkembang di Malaysia dan mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan penggemar permainan elektronik. Persoalannya, apakah kebaikan-kebaikan e-sukan?

Pelibatan murid dalam e-sukan membuka peluang kepada murid-murid yang mahir dalam permainan video untuk menyerlahkan bakat mereka. Murid yang kurang aktif dalam aktiviti fizikal seperti olahraga dan badminton, masih berpeluang untuk menonjolkan bakat melalui e-sukan dengan menggunakan kemahiran kognitif mereka. Oleh itu, e-sukan memberikan peluang kepada semua murid untuk menyerlahkan bakat mereka.

Seterusnya, murid-murid juga berpeluang memperoleh markah kokurikulum dengan menyertai e-sukan. Murid-murid masih berpeluang memperoleh markah kokurikulum (**PAJSK**) melalui penyertaan e-sukan anjuran peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan. Benarlah bahawa penyertaan murid dalam kokurikulum dapat dipertingkatkan melalui e-sukan.

Selanjutnya, sukan elektronik ini dapat mengurangkan pelbagai gejala sosial yang melibatkan murid-murid sekolah. Sebagai contohnya, isu merokok dan menghisap vape dapat diatasi sekiranya murid-murid diberikan peluang menyertai e-sukan dengan pihak penganjur menawarkan pelbagai hadiah menarik. Tegasnya e-sukan berupaya mengurangkan gejala sosial dalam kalangan murid-murid sekolah.

Kesimpulannya, terdapat banyak manfaat yang akan diperoleh apabila murid terlibat dalam e-sukan. Pelibatan murid sekolah dalam e-sukan perlu diperkasakan. Kita mengharapkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia menjadikan e-sukan sebagai aktiviti kokurikulum di semua peringkat sekolah.

(201 patah perkataan)

BAHAGIAN A 30 MARKAH

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan **permainan tradisional**. Huraikan pendapat anda tentang permainan tradisional. Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

KUANTAN - Permainan tradisional yang kian dilupakan seperti dam aji menyemai semangat cinta akan warisan budaya di samping dapat memberikan pendedahan tentang kehebatan permainan rakyat. Permainan yang menjadi identiti negara semakin dipinggirkan oleh masyarakat terutamanya generasi muda berikutan perkembangan pesat teknologi maklumat yang membuka ruang kepada peningkatan permainan moden di alam maya yang menyebabkan mereka lebih menjiwai permainan berasaskan komputer dan digital.

Sumber: Berita *Sinar Harapan*

BANGKITLAH

Ayuh bangkitlah
Jangan leka diayun arus globalisasi
Tinggalan nenek moyang
Pasti ada makna mendalam
Malangnya kini
Di tangan si kecil gajet jadi tatapan
Bukan lagi permainan tradisional
Anak muda yang dahulunya tangkas
kini leka dalam alam maya

Ayuh bangkitlah
Ibu bapa main peranan
Kembalikan warisan kebudayaan

Ayuh bangkitlah
Para guru
Bimbinglah anak murid
Peri pentingnya permainan tradisional

Ayuh media massa gegarkan
Kehangatan warisan kebanggaan negara
Sebelum terkubur jadi kenangan.

Nukilan: Kalyani Murugiah



Langkah 1 : Bina PENDAHULUAN menggunakan teknik TIK

TEMA	Masyarakat umum mengetahui bahawa permainan tradisional menjadi warisan kebudayaan dan kebanggaan bangsa Malaysia.	T
ISU	Namun begitu, permainan ini semakin dipinggirkan berikutan kemajuan teknologi maklumat.	I
KEHENDAK	Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi memastikan permainan tradisional diminati oleh generasi muda.	K

TOHUCOP

Langkah 2 : Bina 3 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOP

ISI
1

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Usaha pertama bagi memastikan permainan tradisional terus diminati oleh generasi muda ialah ibu bapa perlu memainkan peranan untuk mengembalikan warisan kebudayaan ini.

Ayat 2
(HU+CO)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab) + Ayat **Contoh**

Ibu bapa bukan hanya menggalakkan anak-anak bermain permainan seperti congkak, layang-layang, guli malah bermain bersama-sama mereka.

Ayat 3
(P)

Ayat **Penegas**

Peranan ibu bapa amat penting kerana melentur buluh biar dari rebungunya.

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Pihak sekolah turut berperanan untuk menghidupkan permainan tradisional.

Ayat 2
(CO)

Ayat **Contoh**

Sekolah harus memperkenalkan permainan tradisional seperti petanque dan boling padang.

Ayat 3
(P)

Ayat **Penegas**

Usaha pihak sekolah ini dapat menarik minat generasi muda untuk terus meminati permainan tradisional.

ISI
2

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik**

Pihak media massa juga perlu memainkan peranan untuk menguar-uarkan permainan tradisional.

Ayat 2
(CO)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Pihak media massa boleh menyiarkan dokumentari tentang permainan tradisional di televisyen.

Ayat 3
(P)

Ayat **Penegas**

Usaha pihak media massa mampu membawa perubahan dengan memberi kesedaran kepada remaja.

KECAHA

Langkah 3 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan	<i>Kesimpulannya, semua pihak perlulah memainkan peranan untuk menyemarakkan permainan tradisional.</i>	Ke
Cadangan	<i>Bagi tujuan itu, pihak kerajaan perlu menganjurkan pertandingan permainan tradisional secara besar-besaran kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.</i>	Ca
Harapan	<i>Kita berharap semoga permainan tradisional yang menjadi warisan kebudayaan negara akan terus berkekalan, tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.</i>	Ha





KARANGAN LENGKAP

Masyarakat umum mengetahui bahawa permainan tradisional menjadi warisan kebudayaan dan kebanggaan bangsa Malaysia. Namun begitu, permainan ini semakin dipinggirkan berikutan kemajuan teknologi maklumat. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi memastikan permainan tradisional diminati oleh generasi muda.

Usaha pertama bagi memastikan permainan tradisional terus diminati oleh generasi muda ialah ibu bapa perlu memainkan peranan untuk mengembalikan warisan kebudayaan ini. Hal ini bermaksud ibu bapa bukan hanya menggalakkan anak-anak bermain permainan seperti congkak, layang-layang, guli malah bermain bersama-sama mereka. Jelaslah bahawa peranan ibu bapa amat penting kerana melentur buluh biar dari rebungunya.

Selain itu, pihak sekolah turut berperanan untuk menghidupkan permainan tradisional. Dalam hal ini, sekolah harus memperkenalkan permainan tradisional seperti petanque dan boling padang. Tegasnya, usaha pihak sekolah ini dapat menarik minat generasi muda untuk terus meminati permainan tradisional.

Bukan itu sahaja, pihak media massa juga perlu memainkan peranan untuk menguar-uarkan permainan tradisional. Sebagai contoh pihak media massa boleh menyiarkan dokumentari tentang permainan tradisional di televisyen. Tegasnya, usaha pihak media massa mampu membawa perubahan dengan memberi kesedaran kepada remaja.

Kesimpulannya, semua pihak perlulah memainkan peranan untuk menyemarakkan permainan tradisional. Bagi tujuan itu, pihak kerajaan perlu menganjurkan pertandingan permainan tradisional secara besar-besaran kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Kita berharap semoga permainan tradisional yang menjadi warisan kebudayaan negara akan terus berkekalan, tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

(200 patah perkataan)



BAHAGIAN B

PANDUAN PENULISAN KARANGAN BAHAGIAN B

01

Idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelasnya dan matangnya disertakan dengan contoh yang sesuai.

02

Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat.

03

Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis

04

Penggunaan unsur bahasa yang bervariasi

05

Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.




Malaysia kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional yang tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. Permainan tradisional seperti congkak, gasing, dan galah panjang dimainkan oleh masyarakat dahulu sebagai pengisi masa lapang. Sayangnya permainan tradisional yang menunjukkan kebudayaan sesuatu tempat itu mula terpinggir sedikit demi sedikit terpinggir dengan perkembangan pesat teknologi gajet dan penambahan aplikasi permainan secara maya.

Metro Online, 31 Julai 2019

Petikan akhbar di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan nasib permainan tradisional yang semakin dipinggirkan oleh masyarakat. Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk memartabatkan permainan tradisional semula. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana bagi menggalakkan masyarakat agar mengenali dan bermain permainan tradisional. Tajuk rencana tersebut ialah 'Usaha-usaha Pelbagai Pihak untuk Memartabatkan Permainan Tradisional dalam Kalangan Masyarakat'.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	Permainan tradisional	T
ISU	Permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat	I
KEHENDAK	Usaha-usaha pelbagai pihak untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
Tema	Malaysia kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.	T
Huraian Tema	Permainan tradisional seperti congkak, gasing, dan galah panjang dimainkan oleh masyarakat dahulu sebagai pengisi masa lapang.	H
Isu	Walau bagaimanapun, permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat kini.	I
Huraian (Perspektif/ Kesan Negatif)	Keadaan ini berlaku disebabkan oleh perkembangan pesat teknologi gajet dan aplikasi permainan secara maya.	N
Kehendak soalan	Usaha-usaha pelbagai pihak untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Malaysia kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Permainan tradisional seperti congkak, gasing, dan galah panjang dimainkan oleh masyarakat dahulu sebagai pengisi masa lapang. Walau bagaimanapun, permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat kini. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh perkembangan pesat teknologi gajet dan aplikasi permainan secara maya. Oleh sebab itu, usaha-usaha pelbagai pihak amat perlu untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Usaha yang pertama tentulah datangnye daripada ibu bapa memainkan peranan signifikan dalam usaha untuk memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Ibu bapa sering menjadi suri teladan untuk anak-anak mereka yang sedang meningkat dewasa kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Ibu bapa boleh bermain permainan tradisional seperti congkak, batu seremban dan gasing pada masa lapang dengan anak-anak.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Anak-anak dapat mewarisi teknik dan cara-cara bermain permainan tradisional daripada ibu bapa mereka.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Peranan ibu bapa untuk memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak sejak kecil pasti akan dapat melahirkan masyarakat yang mengenali permainan tradisional pada masa akan datang, bak kata peribahasa, melentur buluh biarlah dari rebungnye.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Usaha yang pertama tentulah datangnye daripada ibu bapa yang memainkan peranan signifikan dalam usaha untuk memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa sering menjadi suri teladan untuk anak-anak mereka yang sedang meningkat dewasa kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya. Sebagai contohnya, ibu bapa boleh bermain permainan tradisional seperti congkak, batu seremban dan gasing pada masa lapang dengan anak-anak. Secara tidak langsung, anak-anak dapat mewarisi teknik dan cara-cara bermain permainan tradisional daripada ibu bapa mereka. Tegasnya, peranan ibu bapa untuk memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak sejak kecil pasti akan dapat melahirkan masyarakat yang mengenali permainan tradisional pada masa akan datang, bak kata peribahasa, melentur buluh biarlah dari rebungnye.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
Peranan pihak sekolah juga amat penting untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Pihak sekolah mampu merancang pelbagai program agar murid-murid lebih mengenali dan meminati permainan tradisional kerana tak kenal maka tak cinta.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**
Pihak sekolah boleh menganjurkan kelab permainan tradisional dan mengadakan pelbagai pertandingan berkaitan dengan permainan tradisional.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**
Murid-murid akan lebih mendekatkan diri dengan permainan tradisional dan mengekalkan warisan bangsa ini dalam diri mereka.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**
Pihak sekolah berperanan penting untuk memartabatkan permainan tradisional kembali dalam kalangan masyarakat sejak bangku sekolah lagi.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain ibu bapa, peranan pihak sekolah juga amat penting untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat. Hal ini berlaku demikian kerana, pihak sekolah mampu merancang pelbagai program agar murid-murid lebih mengenali dan meminati permainan tradisional kerana tak kenal maka tak cinta. Sebagai buktinya, pihak sekolah boleh menganjurkan kelab permainan tradisional dan mengadakan pelbagai pertandingan berkaitan dengan permainan tradisional. Impaknya, Murid-murid akan lebih mendekatkan diri dengan permainan tradisional dan mengekalkan warisan bangsa ini dalam diri mereka. Jelaslah bahawa, pihak sekolah berperanan penting untuk memartabatkan permainan tradisional kembali dalam kalangan masyarakat sejak bangku sekolah lagi.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)

Pihak media massa turut memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam usaha untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Pihak media massa boleh menghebahkan kepentingan permainan tradisional melalui surat khabar, majalah, radio, Internet dan televisyen.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Iklan-iklan yang menarik dan dokumentari mengenai permainan tradisional boleh disiarkan melalui pelbagai rancangan dalam televisyen dan Internet.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**

Masyarakat di negara ini akan tertarik untuk mengetahui, mengenali dan bermain permainan tradisional ini.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**

Sudah terang lagi bersuluh bahawa peranan media massa amat penting untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Seterusnya, pihak media massa turut memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam usaha untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat. Pihak media massa boleh menghebahkan kepentingan permainan tradisional melalui surat khabar, majalah, radio, Internet dan televisyen. Sebagai contohnya, iklan-iklan yang menarik dan dokumentari mengenai permainan tradisional boleh disiarkan melalui pelbagai rancangan dalam televisyen dan Internet. Implikasinya, masyarakat di negara ini akan tertarik untuk mengetahui, mengenali dan bermain permainan tradisional ini. Sudah terang lagi bersuluh bahawa peranan media massa amat penting untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)

Kepentingan peranan pihak kerajaan seperti Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan tidak dapat dinafikan untuk memartabatkan permainan tradisional semula dalam kalangan masyarakat.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Pihak kerajaan boleh mengadakan pesta permainan tradisional pada peringkat negeri dan kebangsaan untuk mengetengahkan permainan tradisional.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Pihak kerajaan menganjurkan pertandingan layang-layang dalam Festival Layang-layang Sedunia di Pasir Gudang.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**

Masyarakat dapat melihat kemeriahan bermain permainan layang-layang dan berasa seronok bermain permainan itu.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**

Usaha yang konsisten daripada pihak kerajaan sudah pasti akan mampu memartabatkan permainan tradisional kembali dalam kalangan masyarakat.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Akhir sekali, kepentingan peranan pihak kerajaan seperti Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan tidak dapat dinafikan untuk memartabatkan permainan tradisional semula dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak kerajaan boleh mengadakan pesta permainan tradisional pada peringkat negeri dan kebangsaan untuk mengetengahkan permainan tradisional. Sebagai buktinya, pihak kerajaan menganjurkan pertandingan layang-layang dalam Festival Layang-layang Sedunia di Pasir Gudang. Kesannya, masyarakat dapat melihat kemeriahan bermain permainan layang-layang dan berasa seronok bermain permainan itu. Pendek kata, usaha yang konsisten daripada pihak kerajaan sudah pasti akan mampu memartabatkan permainan tradisional kembali dalam kalangan masyarakat.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	Kesimpulannya , peranan pelbagai pihak yang melangkah sederhana pastinya mampu memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat di negara ini.	Ke
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	Pada masa yang sama , masyarakat Malaysia perlulah bersungguh-sungguh dalam usaha memastikan permainan tradisional sentiasa terpelihara dan tidak hilang ditelan zaman, bak kata peribahasa, tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.	Ca
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	Sudah pastinya , masyarakat akan mempertahankan khazanah warisan tinggalan nenek moyang kita yang ulung ini agar tidak terus dilupakan oleh generasi akan datang.	Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, peranan pelbagai pihak yang melangkah sederhana pastinya mampu memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat di negara ini. **Pada masa yang sama**, masyarakat Malaysia perlulah bersungguh-sungguh dalam usaha memastikan permainan tradisional sentiasa terpelihara dan tidak hilang ditelan zaman, bak kata peribahasa, tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. **Sudah pastinya**, masyarakat akan mempertahankan khazanah warisan tinggalan nenek moyang kita yang ulung ini agar tidak terus dilupakan oleh generasi akan datang.



Usaha-usaha Pelbagai Pihak untuk Memartabatkan Permainan Tradisional dalam Kalangan Masyarakat

oleh: Hasif Danish bin Khairul Anuar

Malaysia kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Permainan tradisional seperti congkak, gasing, dan galah panjang dimainkan oleh masyarakat dahulu sebagai pengisi masa lapang. Walau bagaimanapun, permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat kini. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh perkembangan pesat teknologi gajet dan aplikasi permainan secara maya. Oleh sebab itu, usaha-usaha pelbagai pihak amat perlu untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat.

Usaha yang pertama tentulah datangnya daripada ibu bapa yang memainkan peranan signifikan dalam usaha untuk memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa sering menjadi suri teladan untuk anak-anak mereka yang sedang meningkat dewasa kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya. Sebagai contohnya, ibu bapa boleh bermain permainan tradisional seperti congkak, batu seremban dan gasing pada masa lapang dengan anak-anak. Secara tidak langsung, anak-anak dapat mewarisi teknik dan cara-cara bermain permainan tradisional daripada ibu bapa mereka. Tegasnya, peranan ibu bapa untuk memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak sejak kecil pasti akan dapat melahirkan masyarakat yang mengenali permainan tradisional pada masa akan datang, bak kata peribahasa, melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Selain ibu bapa, peranan pihak sekolah juga amat penting untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat. Hal ini berlaku demikian kerana, pihak sekolah mampu merancang pelbagai program agar murid-murid lebih mengenali dan meminati permainan tradisional kerana tak kenal maka tak cinta. Sebagai buktinya, pihak sekolah boleh menganjurkan kelab permainan tradisional dan mengadakan pelbagai pertandingan berkaitan dengan permainan tradisional. Impaknya, Murid-murid akan lebih mendekatkan diri dengan permainan tradisional dan mengekalkan warisan bangsa ini dalam diri mereka. Jelaslah bahawa, pihak sekolah berperanan penting untuk memartabatkan permainan tradisional kembali dalam kalangan masyarakat sejak bangku sekolah lagi.

Seterusnya, pihak media massa turut memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam usaha untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat. Pihak media massa boleh menghebahkan kepentingan permainan tradisional melalui surat khabar, majalah, radio, Internet dan televisyen. Sebagai contohnya, iklan-iklan yang menarik dan dokumentari mengenai permainan tradisional boleh disiarkan melalui pelbagai rancangan dalam televisyen dan Internet. Implikasinya, masyarakat di negara ini akan tertarik untuk mengetahui, mengenali dan bermain permainan tradisional ini. Sudah terang lagi bersuluh bahawa peranan media massa amat penting untuk memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Akhir sekali, kepentingan peranan pihak kerajaan seperti Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan tidak dapat dinafikan untuk memartabatkan permainan tradisional semula dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak kerajaan boleh mengadakan pesta permainan tradisional pada peringkat negeri dan kebangsaan untuk mengetengahkan permainan tradisional. Sebagai buktinya, pihak kerajaan menganjurkan pertandingan layang-layang dalam Festival Layang-layang Sedunia di Pasir Gudang. Kesannya, masyarakat dapat melihat kemeriahan bermain permainan layang-layang dan berasa seronok bermain permainan itu. Pendek kata, usaha yang konsisten daripada pihak kerajaan sudah pasti akan mampu memartabatkan permainan tradisional kembali dalam kalangan masyarakat.

Kesimpulannya, peranan pelbagai pihak yang melangkah sederap pastinya mampu memartabatkan permainan tradisional dalam kalangan masyarakat di negara ini. Pada masa yang sama, masyarakat Malaysia perlulah bersungguh-sungguh dalam usaha memastikan permainan tradisional sentiasa terpelihara dan tidak hilang ditelan zaman, bak kata peribahasa, tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Sudah pastinya, masyarakat akan mempertahankan khazanah warisan tinggalan nenek moyang kita yang ulung ini agar tidak terus dilupakan oleh generasi akan datang.

(478 patah perkataan)


BAHASA Jiwa Bangsa, bahasa menunjukkan bangsa, bahasa juga mampu menyatukan semua. Tanpa bahasa kita akan hidup berpecah-belah. Perkara 152, Perlembagaan Malaysia memperuntukan bahasa kebangsaan di negara kita ialah bahasa Melayu. Adakah bahasa kebangsaan kita semakin dipinggirkan mengikut arus pemodenan? Jika semua pihak alpa, tidak mustahil bahasa kita akan hilang ditelan zaman dan tidak lagi dihormati. Semangat cintakan bahasa Melayu patut diterapkan kepada generasi muda kerana mereka bakal meneruskan agenda negara dan memulihara warisan bangsa.

Sumber:<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019>

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan bahasa Melayu yang semakin dipinggirkan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Huraikan peranan pihak sekolah dalam mengangkat dan memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan (Tema-bahan stimulus).</i>	T
ISU	<i>Bahasa kebangsaan kita semakin dipinggirkan akibat daripada arus pemodenan. (Isu-bahan stimulus)</i>	I
KEHENDAK	<i>Pihak sekolah memainkan peranan penting untuk mengangkat dan memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid.</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan perkara ini jelas terbukti melalui Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia.</i>	T
H uraian Tema	<i>Bahasa Melayu menjadi bahasa yang melambangkan bangsa dan menyatupadukan rakyat Malaysia.</i>	H
I su	<i>Bahasa kebangsaan kita semakin dipinggirkan oleh masyarakat di negara ini.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Bahasa kebangsaan akan terus tenggelam dan tidak mustahil bahasa kita akan hilang ditelan zaman.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Oleh itu, pihak sekolah perlu memainkan peranan penting di dalam mengangkat dan memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Pada umumnya kita mengetahui bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan perkara ini jelas terbukti melalui Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia.

Hal ini dikatakan sedemikian kerana bahasa Melayu menjadi bahasa yang melambangkan bangsa dan menyatupadukan rakyat Malaysia. Namun demikian, bahasa kebangsaan kita semakin dipinggirkan oleh masyarakat di negara ini. Kesannya, bahasa kebangsaan akan hilang ditelan zaman. Oleh itu, pihak sekolah memainkan peranan penting untuk mengangkat dan memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
Pihak sekolah berperanan untuk mengangkat dan memartabatkan bahasa Melayu dengan memastikan semua guru menggunakan bahasa Melayu dengan betulnya.

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Guru menjadi suri teladan kepada murid kerana cara guru bertutur dan bahasa yang digunakan akan menjadi ikutan.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat **Contoh**
Guru haruslah mengelakkan diri daripada menggunakan bahasa rojak atau bahasa pasar di dalam kelas..

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat **Kesan**
Murid akan membiasakan diri untuk bertutur menggunakan Bahasa Melayu dengan cara yang betul

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat **Penegas**
Tegasnya, guru berperanan untuk melahirkan murid yang menggunakan bahasa Melayu dengan betulnya bak kata pepatah betulkan yang biasa dan biasakan yang betul.

P**SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Pihak sekolah berperanan untuk mengangkat dan memartabatkan bahasa Melayu dengan memastikan semua guru menggunakan bahasa Melayu dengan betulnya. Hal ini bermaksud, guru menjadi suri teladan kepada murid kerana cara guru bertutur dan bahasa yang digunakan akan menjadi ikutan. Sebagainya contohnya, guru haruslah mengelakkan diri daripada menggunakan bahasa rojak atau bahasa pasar di dalam kelas. Kesannya, murid akan membiasakan diri untuk bertutur menggunakan bahasa Melayu dengan cara yang betul. Tegasnya, guru berperanan untuk melahirkan murid yang menggunakan bahasa Melayu dengan betulnya bak kata pepatah betulkan yang biasa dan biasakan yang betul.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi kedua)
Pihak sekolah dapat mengadakan pelbagai program berkaitan bahasa Melayu.

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Guru Bahasa Melayu perlu menjalankan pelbagai pertandingan dalam talian seiring dengan kemajuan teknologi.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat **Contoh**
Pertandingan peribahasa atau latihan tatabahasa dalam bentuk Wordwall, Padlet, Google Form dapat diberikan kepada setiap tingkatan secara berkala.

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat **Kesan**
Pertandingan dalam talian dapat menarik murid yang suka menggunakan gajet untuk mengenali peribahasa Melayu dan mempelajari tatabahasa.

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat **Penegas**
Pertandingan dalam talian juga dapat menarik minat murid dalam menguasai dan meminati bahasa Melayu.

P**SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Dalam pada itu, pihak sekolah boleh mengadakan pelbagai program berkaitan bahasa Melayu. Hal ini bermaksud, guru Bahasa Melayu perlu menjalankan pelbagai pertandingan dalam talian seiring dengan kemajuan teknologi. Misalnya, pertandingan peribahasa atau latihan tatabahasa dalam bentuk Wordwall, Padlet, Google Form dapat diberikan kepada setiap tingkatan secara berkala. Impaknya, pertandingan dalam talian dapat menarik minat murid yang suka menggunakan gajet untuk mengenali peribahasa Melayu dan mempelajari tatabahasa. Jelaslah bahawa pertandingan dalam talian juga dapat menarik minat murid untuk menguasai dan meminati bahasa Melayu.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi kedua)*Pihak sekolah turut berperanan untuk memartabatkan bahasa Melayu dengan mengadakan aktiviti semasa perhimpunan rasmi diadakan.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Aktiviti yang diadakan dalam perhimpunan rasmi itu dapat disaksikan oleh semua murid.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Sebagai contohnya, pada setiap minggu, guru perlu rajin menjalankan aktiviti bercerita, bersajak atau membaca rencana.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Murid yang berada dalam perhimpunan akan mendengar rakan mereka menyampaikan maklumat menggunakan bahasa Melayu.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Cara ini dapat menarik minat murid untuk menguasai bahasa Melayu bak kata pepatah sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Bukan itu sahaja, pihak sekolah turut berperanan untuk memartabatkan bahasa Melayu dengan mengadakan aktiviti semasa perhimpunan rasmi diadakan. Perkara ini dikatakan demikian kerana aktiviti yang diadakan dalam perhimpunan rasmi itu dapat disaksikan oleh semua murid. Sebagai contohnya, pada setiap minggu, guru perlu rajin menjalankan aktiviti bercerita, bersajak atau membaca rencana. Impikasinya, murid yang berada dalam perhimpunan akan mendengar rakan mereka menyampaikan maklumat menggunakan bahasa Melayu. Secara tegasnya, cara ini dapat menarik minat murid untuk menguasai bahasa Melayu bak kata pepatah sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1 (TO)	Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi keempat) <i>Guru Bahasa Melayu perlu mengadakan aktiviti yang menarik semasa proses pengajaran dan pembelajaran.</i>	To
Ayat 2 (HU)	Ayat Huraian (mengapa/sebab) <i>Guru Bahasa Melayu perlu mengadakan aktiviti kumpulannya.</i>	Hu
Ayat 3 (CO)	Ayat Contoh <i>Aktiviti pembentangan, membaca berita dan lakonan boleh dilaksanakan di dalam kelas.</i>	Co
Ayat 4 (KE)	Ayat Kesan <i>Murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti dan lama-kelamaan murid akan meminati subjek Bahasa Melayu.</i>	Ke
Ayat 5 (P)	Ayat Penegas <i>Tegasnya, aktiviti menarik di dalam kelas dapat menarik minat murid untuk menguasai bahasa Melayu bak kata pepatah tak kenal maka tak cinta.</i>	P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Guru Bahasa Melayu perlu mengadakan aktiviti yang menarik semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bermaksud guru Bahasa Melayu perlu mengadakan aktiviti kumpulan untuk mengajarkan kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Sebagai contohnya, aktiviti pembentangan, membaca berita dan lakonan boleh dilaksanakan di dalam kelas. Kesannya, murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti dan lama-kelamaan murid akan meminati subjek Bahasa Melayu. Tegasnya, aktiviti menarik di dalam kelas dapat menarik minat-murid untuk menguasai bahasa Melayu bak kata pepatah tak kenal maka tak cinta.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Pihak sekolah perlulah memainkan peranan utama de memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid.</i>	Ke
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Semua guru perlu berganding bahu untuk memastikan murid bertutur dalam bahasa Melayu dengan betul.</i>	Ca
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Pihak sekolah diharapkan dapat memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid bak kata pepatah di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.</i>	Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Sebagai kesimpulannya, pihak sekolah perlulah memainkan peranan utama untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Bagi tujuan itu, semua guru perlu berganding bahu dalam memastikan murid bertutur dalam bahasa Melayu dengan betul. Semoga usaha murni pihak sekolah diharapkan dapat memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid bak kata pepatah di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.



Pada umumnya kita mengetahui bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan perkara ini jelas terbukti melalui Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia. Hal ini dikatakan sedemikian kerana bahasa Melayu menjadi bahasa yang melambangkan bangsa dan menyatupadukan rakyat Malaysia. Namun demikian, bahasa kebangsaan kita semakin dipinggirkan oleh masyarakat di negara ini. Kesannya, bahasa kebangsaan akan lenyap ditelan zaman. Oleh itu, pihak sekolah memainkan peranan penting untuk mengangkat dan memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid.

Pihak sekolah berperanan untuk mengangkat dan memartabatkan bahasa Melayu dengan memastikan semua guru menggunakan bahasa Melayu dengan betulnya. Hal ini bermaksud, guru menjadi suri teladan kepada murid kerana cara guru bertutur dan bahasa yang digunakan akan menjadi ikutan. Sebagainya contohnya, guru haruslah mengelakkan diri daripada menggunakan bahasa rojak atau bahasa pasar di dalam kelas. Kesannya, murid yang mendengar itu akan membiasakan diri untuk bertutur menggunakan bahasa Melayu dengan cara yang betul. Tegasnya, guru berperanan untuk melahirkan murid yang menggunakan bahasa Melayu dengan betulnya bak kata pepatah betulkan yang biasa dan biasakan yang betul.

Dalam pada itu, pihak sekolah boleh berperanan dengan mengadakan pelbagai program berkaitan bahasa Melayu. Hal ini bermaksud, guru Bahasa Melayu perlu menjalankan pelbagai pertandingan dalam talian seiring dengan kemajuan teknologi. Misalnya, pertandingan peribahasa atau latihan tatabahasa dalam bentuk Wordwall, Padlet, Google Form dapat diberikan kepada setiap tingkatan secara berkala. Impaknya, pertandingan dalam talian dapat menarik minat murid yang suka menggunakan gajet untuk mengenali peribahasa Melayu dan mempelajari tatabahasa. Jelaslah bahawa pertandingan dalam talian juga dapat menarik minat murid untuk menguasai dan meminati bahasa Melayu.

Bukan itu sahaja, pihak sekolah turut berperanan untuk memartabatkan bahasa Melayu dengan mengadakan aktiviti semasa perhimpunan rasmi diadakan. Perkara ini dikatakan demikian kerana aktiviti yang diadakan dalam perhimpunan rasmi itu dapat disaksikan oleh semua murid. Contohnya, pada setiap minggu, guru perlu rajin menjalankan aktiviti bercerita, bersajak atau membaca rencana. Impikasinya, murid yang berada di perhimpunan akan mendengar rakan mereka menyampaikan maklumat menggunakan bahasa Melayu. Secara tegasnya, cara ini dapat menarik minat murid untuk menguasai bahasa Melayu bak kata pepatah sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit.

Guru Bahasa Melayu perlu mengadakan aktiviti menarik semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bermaksud guru Bahasa Melayu perlu mengadakan aktiviti kumpulan untuk mengajarkan kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Sebagai contohnya, aktiviti pembentangan, membaca berita dan lakonan boleh dilaksanakan di dalam kelas. Kesannya, murid dapat melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti dan lama-kelamaan murid akan meminati subjek Bahasa Melayu. Tegasnya, aktiviti menarik di dalam kelas dapat menarik minat-murid untuk menguasai bahasa Melayu bak kata pepatah tak kenal maka tak cinta.

Sebagai kesimpulannya, pihak sekolah perlulah memainkan peranan utama untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Bagi tujuan itu, semua guru perlu berganding bahu dalam memastikan murid bertutur dalam bahasa Melayu dengan betulnya. Pihak sekolah diharapkan dapat memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid bak kata pepatah di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

(500 patah perkataan)

Amalan berjimat cermat amat digalakkan dalam kehidupan. Peribahasa Melayu mengatakan “Ingat sementara belum kena, jimat sementara belum habis”, amatlah tepat diamalkan dalam kehidupan kita seharian. Sehubungan dengan itu, amalan berjimat cermat sudah pasti akan melahirkan masyarakat yang bijak dan progresif. Kita juga diingatkan supaya tidak boros dalam perbelanjaan dan bersikap sederhana dalam hidup.


Sumber: Internet

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan amalan berjimat cermat dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sebagai remaja, jelaskan cara-cara yang anda lakukan untuk mengamalkan amalan berjimat cermat.

CADANGAN ISI PENTING

Isi-isi penting:
Amalan Berjimat Cermat



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Amalan berjimat cermat merupakan amalan yang mulia.</i>	T
ISU	<i>Generasi muda kini tidak mengamalkan sikap berjimat cermat.</i>	I
KEHENDAK	<i>Saya perlu mengamalkan beberapa cara untuk berjimat cermat.</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Pada umumnya, kita mengetahui bahawa amalan berjimat cermat merupakan amalan yang mulia bagi menjamin kehidupan yang bahagia.</i>	T
H uraian Tema	<i>Hal ini dikatakan demikian kerana amalan berjimat cermat membolehkan seseorang itu mengamalkan sikap kesederhanaan.</i>	H
I su	<i>Namun begitu, generasi muda kini tidak mengamalkan sikap berjimat cermat dan boros berbelanja.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Kesannya, golongan muda tidak ada simpanan yang tetap di bank dan hanya sedar apabila menghadapi masalah, bak kata pepatah, sudah terhantuk baru terngadah.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Oleh itu, sebagai remaja, saya mengamalkan beberapa cara untuk berjimat cermat demi masa depan.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Pada umumnya, kita mengetahui bahawa amalan berjimat cermat merupakan amalan yang mulia bagi menjamin kehidupan yang bahagia. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan berjimat cermat membolehkan seseorang itu mengamalkan sikap kesederhanaan. Namun begitu, generasi muda kini tidak mengamalkan sikap berjimat cermat dan boros berbelanja. Kesannya, golongan muda tidak ada simpanan yang tetap di bank dan hanya sedar apabila menghadapi masalah, bak kata pepatah, sudah terhantuk baru terngadah. Oleh itu, sebagai remaja, saya mengamalkan beberapa cara untuk berjimat cermat demi masa depan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
Cara pertama yang saya lakukan untuk mengamalkan amalan berjimat cermat ialah saya bijak menggunakan wang saku.

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Saya berhemat ketika menggunakan wang saku yang diberikan oleh ibu bapa.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat **Contoh**
Saya menerima wang saku sebanyak dua ringgit sehari dan saya hanya membelanjakan seringgit sahaja.

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat **Kesan**
Baki wang perbelanjaan sebanyak seringgit itu saya simpan di dalam tabung kerana saya percaya bahawa sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit.

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat **Penegas**
Lebihan wang saku itu dapat disimpan untuk kegunaan pada masa hadapan saya, bak kata pepatah, sediakan payung sebelum hujan.

P**SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Cara pertama yang saya lakukan untuk mengamalkan amalan berjimat cermat ialah saya bijak menggunakan wang saku. Hal ini bermaksud saya berhemat ketika menggunakan wang saku yang diberikan oleh ibu bapa. Sebagai contoh, saya menerima wang saku sebanyak dua ringgit sehari dan saya hanya membelanjakan seringgit sahaja. Kesannya, baki wang perbelanjaan sebanyak seringgit itu saya simpan di dalam tabung kerana saya percaya bahawa sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit. Tegasnya, lebihan wang saku itu dapat disimpan untuk kegunaan pada masa hadapan saya, bak kata pepatah, sediakan payung sebelum hujan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
Bagi menjimatkan wang perbelanjaan, saya rajin membawa bekal ke sekolah.

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Perkara ini dikatakan sedemikian kerana penyediaan makanan sendiri jauh lebih murah berbanding dengan pembelian makanan di sekolah.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat **Contoh**
Pada setiap pagi, ibu saya rajin menyediakan sarapan dan makan tengah hari untuk saya bawa.

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat **Kesan**
Saya bukan sahaja dapat menjimatkan wang saku malah saya dapat makan makanan berkhasiat, bak kata pepatah, sambil menyelam sambil minum air.

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat **Penegas**
Jelaslah bahawa amalan membawa bekal ke sekolah turut menjadikan saya sebagai seorang yang berjimat cermat.

P**SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Selain itu, bagi menjimatkan wang perbelanjaan, saya rajin membawa bekal ke sekolah. Perkara ini dikatakan sedemikian kerana penyediaan makanan sendiri jauh lebih murah berbanding dengan pembelian makanan di sekolah. Misalnya, pada setiap pagi, ibu saya rajin menyediakan sarapan dan makan tengah hari untuk saya bawa. Impaknya, saya bukan sahaja dapat menjimatkan wang saku malah saya dapat makan makanan berkhasiat, bak kata pepatah, sambil menyelam sambil minum air. Maka, jelaslah bahawa amalan membawa bekal ke sekolah turut menjadikan saya sebagai seorang yang berjimat cermat.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)

Sebagai seorang yang mengamalkan sikap berjimat cermat, saya turut berhemat ketika menggunakan barangan elektrik di rumah.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)

Saya tidak mahu ibu bapa saya menanggung perbelanjaan bil elektrik yang tinggi.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh

Saya selalu menggosok pakaian sekolah saya untuk lima hari sekali gus dan hanya menggunakan alat pendingin hawa apabila cuaca sangat panas.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan

Saya dapat membantu ibu bapa untuk meringankan beban kewangan.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas

Saya akan membudayakan amalan penggunaan elektrik secara berhemat.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Bukan itu sahaja, sebagai seorang yang mengamalkan sikap berjimat cermat, saya turut berhemat ketika menggunakan barangan elektrik di rumah. Hal ini dikatakan demikian kerana saya tidak mahu ibu bapa saya menanggung perbelanjaan bil elektrik yang tinggi. Contohnya, saya selalu menggosok pakaian sekolah saya untuk lima hari sekali gus dan hanya menggunakan alat pendingin hawa apabila cuaca sangat panas. Dengan berbuat demikian, saya dapat membantu ibu bapa untuk meringankan beban kewangan. Tegasnya, saya akan membudayakan amalan penggunaan elektrik secara berhemat.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Cara saya yang terakhir dalam mengamalkan sikap berjimat cermat ialah saya juga merancang perbelanjaan pada setiap bulan.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Amalan merancang perbelanjaan ini penting untuk memastikan kita tidak membeli barangan sesuka hati.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Saya hanya membeli barang keperluan yang penting sahaja dan mengelakkan sikap rambang mata setiap kali keluar bersama-sama keluarga kerana sikap boros berbelanja itu amalan syaitan.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Saya dapat menjauhi sikap tamak dan mementingkan kebendaan.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Kebijaksanaan untuk merancang perbelanjaan menjadi amalan saya untuk berjimat cermat.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Cara saya yang terakhir dalam mengamalkan sikap berjimat cermat ialah saya juga merancang perbelanjaan pada setiap bulan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana amalan merancang perbelanjaan ini penting untuk memastikan kita tidak membeli barangan sesuka hati. Sebagai contohnya, saya hanya membeli barang keperluan yang penting sahaja dan mengelakkan sikap rambang mata setiap kali keluar bersama-sama keluarga kerana sikap boros berbelanja itu amalan syaitan. Implikasinya, saya dapat menjauhi sikap tamak dan mementingkan kebendaan. Pendek kata, kebijaksanaan untuk merancang perbelanjaan menjadi amalan saya untuk berjimat cermat.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Sebagai penutup bicara, banyak amalan yang saya praktikkan untuk mengamalkan amalan berjimat cermat.</i>
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Sehubungan dengan itu, ibu bapa perlulah mendidik anak sejak kecil lagi tentang amalan berjimat cermat dengan menyediakan tabungan untuk anak dan menjadi suri teladan dengan mempamerkan sikap berjimat cermat.</i>
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Saya berharap amalan berjimat cermat dapat melahirkan generasi muda berpegang pada peribahasa beringat-ingat sebelum kena, berjimat-jimat sebelum habis.</i>

Ke

Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Sebagai penutup bicara, banyak amalan yang saya praktikkan untuk mengamalkan amalan berjimat cermat. Sehubungan dengan itu, ibu bapa perlulah mendidik anak sejak kecil lagi tentang amalan berjimat cermat dengan menyediakan tabungan untuk anak dan menjadi suri teladan dengan mempamerkan sikap berjimat cermat. Saya berharap amalan berjimat cermat dapat melahirkan generasi muda berpegang pada peribahasa beringat-ingat sebelum kena, berjimat-jimat sebelum habis.



Pada umumnya, kita mengetahui bahawa amalan berjimat cermat merupakan amalan yang mulia bagi menjamin kehidupan yang bahagia. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan berjimat cermat membolehkan seseorang itu mengamalkan sikap kesederhanaan. Namun begitu, generasi muda kini tidak mengamalkan sikap berjimat cermat dan boros berbelanja. Kesannya, golongan muda tidak ada simpanan yang tetap di bank dan hanya sedar apabila menghadapi masalah, bak kata pepatah, sudah terhantuk baru terngadah. Oleh itu, sebagai remaja, saya mengamalkan beberapa cara untuk berjimat cermat demi masa depan.

Cara pertama yang saya lakukan untuk mengamalkan amalan berjimat cermat ialah saya bijak menggunakan wang saku. Hal ini bermaksud saya berhemat ketika menggunakan wang saku yang diberikan oleh ibu bapa. Sebagai contoh, saya menerima wang saku sebanyak dua ringgit sehari dan saya hanya membelanjakan seringggit sahaja. Kesannya, baki wang perbelanjaan sebanyak seringggit itu saya simpan di dalam tabung kerana saya percaya bahawa sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit. Tegasnya, lebih wang saku itu dapat disimpan untuk kegunaan pada masa hadapan saya, bak kata pepatah, sediakan payung sebelum hujan.

Selain itu, bagi menjimatkan wang perbelanjaan, saya rajin membawa bekal ke sekolah. Perkara ini dikatakan sedemikian kerana penyediaan makanan sendiri jauh lebih murah berbanding dengan pembelian makanan di sekolah. Misalnya, pada setiap pagi, ibu saya rajin menyediakan sarapan dan makan tengah hari untuk saya bawa. Impaknya, saya bukan sahaja dapat menjimatkan wang saku malah saya dapat makan makanan berkhasiat, bak kata pepatah, sambil menyelam sambil minum air. Maka, jelaslah bahawa amalan membawa bekal ke sekolah turut menjadikan saya sebagai seorang yang berjimat cermat.

Bukan itu sahaja, sebagai seorang yang mengamalkan sikap berjimat cermat, saya turut berhemat ketika menggunakan barangan elektrik di rumah. Hal ini dikatakan demikian kerana saya tidak mahu ibu bapa saya menanggung perbelanjaan bil elektrik yang tinggi. Contohnya, saya selalu menggosok pakaian sekolah saya untuk lima hari sekali gus dan hanya menggunakan alat pendingin hawa apabila cuaca sangat panas. Dengan berbuat demikian, saya dapat membantu ibu bapa untuk meringankan beban kewangan. Tegasnya, saya akan membudayakan amalan penggunaan elektrik secara berhemat.

Cara saya yang terakhir dalam mengamalkan sikap berjimat cermat ialah saya juga merancang perbelanjaan pada setiap bulan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana amalan merancang perbelanjaan ini penting untuk memastikan kita tidak membeli barangan sesuka hati. Sebagai contohnya, saya hanya membeli barang keperluan yang penting sahaja dan mengelakkan sikap rambang mata setiap kali keluar bersama-sama keluarga kerana sikap boros berbelanja itu amalan syaitan. Implikasinya, saya dapat menjauhi sikap tamak dan mementingkan kebendaan. Pendek kata, kebijaksanaan untuk merancang perbelanjaan menjadi amalan saya untuk berjimat cermat.

Sebagai penutup bicara, banyak amalan yang saya praktikkan untuk mengamalkan amalan berjimat cermat. Sehubungan dengan itu, ibu bapa perlulah mendidik anak sejak kecil lagi tentang amalan berjimat cermat dengan menyediakan tabungan untuk anak dan menjadi suri teladan dengan mempamerkan sikap berjimat cermat. Saya berharap amalan berjimat cermat dapat melahirkan generasi muda berpegang pada peribahasa beringat-ingat sebelum kena, berjimat-jimat sebelum habis.

(511 patah perkataan)

Pencapaian cemerlang dalam bidang akademik perlu diseimbangkan dengan pencapaian dalam kemahiran insaniah. Hanya dengan memiliki keseimbangan dalam kedua-dua komponen ini, pelajar akan mampu bersaing dalam pasaran kerja dengan jayanya. Untuk membantu setiap pelajar memiliki segala kemahiran insaniah yang diperlukan, mereka mesti melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh institusi pendidikan. Selain itu, pelibatan dalam pelbagai program antarabangsa juga dapat meningkatkan kemahiran insaniah mereka, terutama kemahiran berkomunikasi dalam bahasa asing seperti bahasa Inggeris.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Pendidikan Asas Kemajuan
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 halaman 64

Petikan di atas menunjukkan bahawa seseorang yang ingin menempuh alam pekerjaan bukan sahaja memerlukan pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik, malah juga memerlukan kemahiran insaniah. Oleh itu, sebagai individu yang akan menempuh alam kerjaya suatu hari nanti, apakah persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh setiap remaja?

Bincangkan.

CADANGAN ISI PENTING

Isi-isi penting

Persediaan menempuh alam kerjaya


Kelayakan akademik yang tinggi

Kemahiran dalam bidang teknologi dan komunikasi

Kemahiran insaniah

Bijak mengurus masa dengan berkualiti

Bersedia secara emosi dan fizikal



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Kerjaya</i>	T
ISU	<i>Tidak ada kemahiran insaniah walaupun cemerlang dalam akademik</i>	I
KEHENDAK	<i>Persediaan menghadapi alam pekerjaan</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Kerjaya yang hebat menjadi idaman setiap insan kerana menjanjikan masa depan yang cerah.</i>	T
H uraian Tema	<i>Kerjaya yang hebat menjanjikan gaji yang lumayan selain membawa kepuasan kepada diri seseorang</i>	H
I su	<i>Segelintir remaja tidak memahami bahawa kemahiran insaniah sama pentingnya dengan pencapaian akademik yang cemerlang.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Pelajar cemerlang yang menceburi bidang kerjaya kegemaran mereka akhirnya gagal memajukan diri.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Persediaan yang perlu dilakukan oleh remaja untuk menempuh alam pekerjaan?</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Kerjaya yang hebat menjadi idaman setiap insan kerana menjanjikan masa depan yang cerah. Hal ini dikatakan demikian kerana kerjaya yang hebat menjanjikan gaji yang lumayan selain membawa kepuasan kepada diri seseorang. Namun demikian, segelintir remaja tidak memahami bahawa kemahiran insaniah sama pentingnya dengan pencapaian akademik yang cemerlang. Sebagai natijahnya, sesetengah pelajar cemerlang yang menceburi bidang kerjaya kegemaran mereka akhirnya gagal memajukan diri. Persoalannya, apakah persediaan yang perlu dilakukan oleh remaja untuk menempuh alam pekerjaan?

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Persediaan utama untuk menghadapi alam kerjaya ialah seseorang remaja hendaklah memastikan mereka mempunyai kelayakan akademik yang tinggi di samping kemahiran insaniah yang terpuji***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Kelayakan akademik sangat penting untuk menentukan bidang pekerjaan yang bakal diceburi oleh mereka manakala nilai murni memastikan seseorang itu menjadi insan yang berjaya.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Seseorang itu bercita-cita menjadi seorang doktor, sudah tentu mereka perlu mempunyai pencapaian yang cemerlang dalam mata pelajaran Sains terutamanya Biologi.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Penguasaan yang tinggi dalam ilmu Biologi serta nilai-nilai kemanusiaan, doktor yang baik akan dilahirkan.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Seorang pekerja yang hebat adalah dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran insaniah yang dimiliki oleh mereka..***P**

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Persediaan utama untuk menghadapi alam kerjaya ialah seseorang remaja hendaklah memastikan mereka mempunyai kelayakan akademik yang tinggi di samping kemahiran insaniah yang terpuji. Kelayakan akademik sangat penting untuk menentukan bidang pekerjaan yang bakal diceburi oleh mereka manakala nilai murni memastikan seseorang itu menjadi insan yang berjaya. Andai kata seseorang itu bercita-cita menjadi seorang doktor, sudah tentu mereka perlu mempunyai pencapaian yang cemerlang dalam mata pelajaran sains terutamanya Biologi. Penguasaan yang tinggi dalam ilmu Biologi serta nilai-nilai kemanusiaan, doktor yang baik akan dilahirkan. Jelaslah bahawa keutamaan penting seorang pekerja yang hebat adalah dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran insaniah yang dimiliki oleh mereka.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
Kemahiran dalam bidang teknologi dan komunikasi juga antara persediaan yang perlu bagi seorang remaja untuk menjadi pekerja yang cemerlang.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Dunia tanpa sempadan memerlukan seorang pekerja mahir menguasai teknologi agar pencapaian dalam kerjaya akan berkualiti

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**
Seorang guru yang berdepan dengan situasi pandemik Covid-19 memerlukan kemahiran menggunakan aplikasi seperti Google Meet dan Google Classroom untuk mereka berhubung dengan anak-anak didik mereka.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**
Pelajar tidak ketinggalan dalam pelajaran kerana sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dilakukan secara dalam talian.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**
Kemahiran teknologi dapat meningkatkan kualiti pekerja dalam alam pekerjaan.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Kemahiran dalam bidang teknologi dan komunikasi juga antara persediaan yang perlu bagi seorang remaja untuk menjadi pekerja yang cemerlang. Kini, dunia tanpa sempadan memerlukan seorang pekerja mahir menguasai teknologi agar pencapaian dalam kerjaya akan berkualiti. Sebagai contohnya, seorang guru yang berdepan dengan situasi pandemik Covid-19 memerlukan kemahiran menggunakan aplikasi seperti *Google Meet* dan *Google Classroom* untuk mereka berhubung dengan anak-anak didik mereka. Oleh itu, murid-murid tidak ketinggalan dalam pelajaran kerana sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dilakukan secara dalam talian. Sesungguhnya kemahiran teknologi dapat meningkatkan kualiti pekerja dalam alam pekerjaan..

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)

Remaja hendaklah memiliki kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi sebagai persediaan menempuh alam pekerjaan.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)

Kemahiran berkomunikasi merupakan nilai tambah bagi pihak majikan memilih pekerja.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh

Kemahiran komunikasi amat penting bagi seseorang pekerja tidak kira sama ada di sektor awam atau swasta. Mereka perlu mahir berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat yang pelbagai kaum.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan

Komunikasi yang baik seperti pertuturan yang santun dan berhemah antara pekerja dengan pekerja yang lain akan memudahkan pengurusan sesebuah organisasi sekali gus meningkatkan kualiti kerja.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas

Kemahiran komunikasi sangat penting bagi seorang remaja sebelum mereka menempuh alam pekerjaan.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain itu, remaja hendaklah memiliki kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi sebagai persediaan menempuh alam pekerjaan. Hal ini dikatakan demikian kerana kemahiran berkomunikasi merupakan nilai tambah bagi pihak majikan memilih pekerja. Kemahiran komunikasi amat penting bagi seseorang pekerja tidak kira sama ada di sektor awam atau swasta. Mereka perlu mahir berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat yang pelbagai kaum. Komunikasi yang baik seperti pertuturan yang santun dan berhemah antara pekerja dengan pekerja yang lain akan memudahkan pengurusan sesebuah organisasi sekali gus meningkatkan kualiti kerja. Sememangnya kemahiran komunikasi sangat penting bagi seorang remaja sebelum mereka menempuh alam pekerjaan.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Kesimpulannya, setiap remaja yang bakal menempuh alam pekerjaan hendaklah melengkapkan diri dengan ciri-ciri pekerja yang cemerlang agar mereka menjadi pilihan utama para majikan.</i>
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Oleh itu, remaja hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan pencapaian ilmu pengetahuan yang tinggi dan dalam masa yang sama berusaha meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran teknologi maklumat dan lain-lain lagi. Mereka juga perlu mempersiapkan diri mereka dengan nilai-nilai murni seperti disiplin dan berintegriti.</i>
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Seandainya semua remaja yang bakal menceburi alam pekerjaan sentiasa bersiap sedia dengan pelbagai ilmu dan kemahiran, sudah tentu hasrat negara untuk melahirkan insan kamil yang berkepakaran dalam pelbagai bidang suatu hari nanti dapat direalisasikan.</i>

Ke

Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, setiap remaja yang bakal menempuh alam pekerjaan hendaklah melengkapkan diri dengan ciri-ciri pekerja yang cemerlang agar mereka menjadi pilihan utama para majikan. Oleh itu, remaja hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan pencapaian ilmu pengetahuan yang tinggi dan dalam masa yang sama berusaha meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran teknologi maklumat dan lain-lain lagi. Mereka juga perlu mempersiapkan diri mereka dengan nilai-nilai murni seperti disiplin dan berintegriti. Seandainya semua remaja yang bakal menceburi alam pekerjaan sentiasa bersiap sedia dengan pelbagai ilmu dan kemahiran, sudah tentu hasrat negara untuk melahirkan insan kamil yang berkepakaran dalam pelbagai bidang suatu hari nanti dapat direalisasikan.



Kerjaya yang hebat menjadi idaman setiap insan kerana menjanjikan masa depan yang cerah. Hal ini dikatakan demikian kerana kerjaya yang hebat menjanjikan gaji yang lumayan selain membawa kepuasan kepada diri seseorang. Namun demikian, segelintir remaja tidak memahami bahawa kemahiran insaniah sama pentingnya dengan pencapaian akademik yang cemerlang. Sebagai natijah, sesetengah pelajar cemerlang yang menceburi bidang kerjaya kegemaran mereka akhirnya gagal memajukan diri. Persoalannya, apakah persediaan yang perlu dilakukan oleh remaja untuk menempuh alam pekerjaan?

Persediaan utama untuk menghadapi alam kerjaya ialah seseorang remaja hendaklah memastikan mereka mempunyai kelayakan akademik yang tinggi di samping kemahiran insaniah yang terpuji. Kelayakan akademik sangat penting untuk menentukan bidang pekerjaan yang bakal diceburi oleh mereka manakala nilai murni memastikan seseorang itu menjadi insan yang berjaya. Andai kata seseorang itu bercita-cita menjadi seorang doktor, sudah tentu mereka perlu mempunyai pencapaian yang cemerlang dalam mata pelajaran sains terutamanya Biologi. Dengan adanya penguasaan yang tinggi dalam ilmu Biologi serta nilai-nilai kemanusiaan, doktor yang baik akan dilahirkan. Jelaslah bahawa keutamaan penting seorang pekerja yang hebat adalah dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran insaniah yang dimiliki oleh mereka.

Kemahiran dalam bidang teknologi dan komunikasi juga antara persediaan yang perlu bagi seorang remaja untuk menjadi pekerja yang cemerlang. Kini, dunia tanpa sempadan memerlukan seorang pekerja mahir menguasai teknologi agar pencapaian dalam kerjaya akan berkualiti. Sebagai contohnya, seorang guru yang berdepan dengan situasi pandemik Covid-19 memerlukan kemahiran menggunakan aplikasi seperti Google Meet dan Google Classroom untuk mereka berhubung dengan anak-anak didik mereka. Oleh itu, murid-murid tidak ketinggalan dalam pelajaran kerana sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dilakukan secara dalam talian. Sesungguhnya kemahiran teknologi dapat meningkatkan kualiti pekerja dalam alam pekerjaan.

Selain itu, remaja hendaklah memiliki kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi sebagai persediaan menempuh alam pekerjaan. Hal ini dikatakan demikian kerana kemahiran berkomunikasi merupakan nilai tambah bagi pihak majikan memilih pekerja. Kemahiran komunikasi amat penting bagi seseorang pekerja tidak kira sama ada di sektor awam atau swasta. Mereka perlu mahir berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat yang pelbagai kaum. Komunikasi yang baik seperti pertuturan yang santun dan berhemah antara pekerja dengan pekerja yang lain akan memudahkan pengurusan sesebuah organisasi sekali gus meningkatkan kualiti kerja. Sememangnya kemahiran komunikasi sangat penting bagi seorang remaja sebelum mereka menempuh alam pekerjaan.

Kesimpulannya, setiap remaja yang bakal menempuh alam pekerjaan hendaklah melengkapkan diri dengan ciri-ciri pekerja yang cemerlang agar mereka menjadi pilihan utama para majikan. Oleh itu, remaja hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan pencapaian ilmu pengetahuan yang tinggi dan dalam masa yang sama berusaha meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran teknologi maklumat dan lain-lain lagi. Mereka juga perlu mempersiapkan diri mereka dengan nilai-nilai murni seperti disiplin dan berintegriti. Seandainya semua remaja yang bakal menceburi alam pekerjaan sentiasa bersiap sedia dengan pelbagai ilmu dan kemahiran, sudah tentu hasrat negara untuk melahirkan insan kamil yang berkepakaran dalam pelbagai bidang suatu hari nanti dapat direalisasikan.

(550 patah perkataan)

Hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab sukan elektronik yang terbesar di Asia Tenggara seharusnya menjadi pemangkin bagi para remaja untuk mendalami bidang sukan baharu ini dan mendapatkan manfaat daripadanya. Hal ini dikatakan demikian kerana e-sukan tidak seharusnya dilihat sebagai memenuhi hobi semata-mata, tetapi sewajarnya dilihat sebagai platform untuk melonjakkan diri dan negara ke persada dunia.


Sumber : *Dewan Siswa* Bil. 3 2019
- “Memperkasakan E-sukan dalam kalangan remaja”

Di Malaysia, e-sukan merupakan antara bidang sukan yang baharu dan sedang berkembang. Dahulu, masyarakat beranggapan bahawa sukan elektronik ini tidak mendatangkan faedah dan melalaikan golongan muda sehingga mengabaikan pelajaran.

Jelaskan manfaat-manfaat permainan e-sukan kepada remaja.

CADANGAN ISI PENTING

Isi-isi penting
manfaat-manfaat permainan e-
sukan kepada remaja



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>E-sukan</i>	T
ISU	<i>Masyarakat menganggap e-sukan melalaikan golongan remaja</i>	I
KEHENDAK	<i>Manfaat permainan e-sukan kepada remaja</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Sukan elektronik atau e-sukan menjadi fenomena baharu dalam kalangan golongan remaja</i>	T
H uraian Tema	<i>Sukan elektronik merupakan satu bentuk permainan video untuk bersaing dengan individu lain secara dalam talian.</i>	H
I su	<i>Masyarakat menganggap sukan elektronik ini tidak mendatangkan faedah dan boleh melalaikan golongan remaja</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Persepsi negatif ini harus diubah memandangkan e-sukan telah diiktiraf di peringkat global</i>	N
K ehendak soalan	<i>Terdapat banyak bukti e-sukan memberikan manfaat kepada pemainnya terutama golongan remaja</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Sukan elektronik atau e-sukan menjadi fenomena baharu dalam kalangan golongan remaja. Sukan elektronik merupakan satu bentuk permainan video untuk bersaing dengan individu lain secara dalam talian. Namun begitu, masyarakat menganggap sukan elektronik ini tidak mendatangkan faedah dan boleh melalaikan golongan remaja. Persepsi negatif ini harus diubah memandangkan e-sukan telah diiktiraf di peringkat global. Sebenarnya, terdapat banyak bukti e-sukan memberikan manfaat kepada pemainnya terutama golongan remaja.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
Manfaat permainan e-sukan kepada remaja ialah pemain e-sukan mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah dan berfikiran kreatif

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Individu yang terlibat secara langsung dengan arena e-sukan mempunyai kemahiran kognitif yang tinggi dan mereka mampu melakukan 400 pergerakan dalam seminit pada papan kekunci.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat **Contoh**
Permainan Mobile Legends, FIFA dan Tekken 7, pemain perlu berhadapan dengan pelbagai pilihan untuk melepasi halangan bagi kemenangan.

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat **Kesan**
Pemain mempunyai ketajaman minda untuk berhadapan dengan sebarang kemungkinan dan risiko sebelum membuat keputusan, bak kata pepatah “kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya”

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat **Penegas**
Remaja dapat menyelesaikan masalah dan berfikiran kreatif sekiranya terlibat dalam e-sukan.

P**SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Manfaat permainan e-sukan kepada remaja ialah pemain e-sukan mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah dan berfikiran kreatif. Hal ini dikatakan demikian kerana individu yang terlibat secara langsung dengan arena e-sukan mempunyai kemahiran kognitif yang tinggi dan mereka mampu melakukan 400 pergerakan dalam seminit pada papan kekunci. Sebagai contoh, dalam permainan *Mobile Legends*, FIFA dan *Tekken 7*, pemain perlu berhadapan dengan pelbagai pilihan untuk melepasi halangan bagi kemenangan. Kesannya, pemain mempunyai ketajaman minda untuk berhadapan dengan sebarang kemungkinan dan risiko sebelum membuat keputusan, bak kata pepatah “kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya”.Jelaslah bahawa remaja dapat menyelesaikan masalah dan berfikiran kreatif sekiranya terlibat dalam e-sukan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Manfaat e-sukan kepada remaja ialah remaja dapat memperluas jaringan sosial mereka.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Remaja yang terlibat dalam e-sukan mempunyai kenalan yang berada di luar negara kerana setiap pemain perlu berinteraksi dengan pemain lain yang tidak diketahui latar belakang dan asal usul.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Permainan League of Legends, Fifa Online dan Crossfire, mereka perlu bermain bersama-sama untuk mendapat keserasian.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Oleh itu, tidak hairanlah para pemain e-sukan ini mempunyai komuniti kenalan yang besar.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Izharnya, remaja dapat menambah kenalan baharu tanpa sempadan geografi.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Seterusnya, manfaat e-sukan kepada remaja dapat memperluas jaringan sosial mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja yang terlibat dalam e-sukan mempunyai kenalan yang berada di luar negara kerana setiap pemain perlu berinteraksi dengan pemain lain yang tidak diketahui latar belakang dan asal usul. Misalnya, dalam permainan *League of Legends*, *Fifa Online* dan *Crossfire*, mereka perlu bermain bersama-sama untuk mendapat keserasian. Oleh itu, tidak hairanlah para pemain e-sukan ini mempunyai komuniti kenalan yang besar. Izharnya, remaja dapat menambah kenalan baharu tanpa sempadan geografi.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Satu lagi manfaat e-sukan kepada remaja ialah e-sukan meningkatkan kecerdasan visual.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Kecerdasan visual merupakan kemahiran mevisualisasi ruang dan kebolehan untuk mengesan dan menggambarkan bentuk, ruang, warna dan garisan.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Permainan Minecraft melatih minda pemain untuk bergerak tanpa peta dan memahami jarak serta ruang dengan lebih mendalam.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Kemahiran ini membantu pemain dalam koordinasi pergerakan seperti menari, membaca dan mengira.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Jelaslah bahawa e-sukan dapat meningkatkan kecerdasan visual remaja.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Di samping itu, satu lagi manfaat e-sukan kepada remaja ialah e-sukan meningkatkan kecerdasan visual. Hal ini dikatakan demikian kerana, kecerdasan visual merupakan kemahiran mevisualisasi ruang dan kebolehan untuk mengesan dan menggambarkan bentuk, ruang, warna dan garisan. Sebagai contoh, *Minecraft* melatih minda pemain untuk bergerak tanpa peta dan memahami jarak serta ruang dengan lebih mendalam. Kesannya, kemahiran ini membantu pemain dalam koordinasi pergerakan seperti menari, membaca dan mengira. Maka, jelaslah bahawa e-sukan dapat meningkatkan kecerdasan visual remaja.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Manfaat e-sukan kepada remaja ialah remaja dapat menjana pendapatan pada usia yang muda.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Remaja yang berbakat dalam e-sukan telah memperoleh pendapatan yang lumayan melalui pertandingan e-sukan.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Dalam usia yang masih muda, Muhammad Luqman dan Ahmad Shahrin yang mewakili pasukan GBX E-sport telah mencipta sejarah dalam permainan video FIFA 21 di peringkat global dan kejayaan ini memberi mereka pulangan yang lumayan.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***E-sukan ini bukan sahaja dapat memberikan pendapatan yang lumayan malah mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Manfaat e-sukan kepada remaja ialah e-sukan menjanakan pendapatan yang lumayan.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Akhir sekali, manfaat e-sukan kepada remaja ialah remaja dapat menjana pendapatan pada usia yang muda. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak remaja yang berbakat dalam e-sukan telah memperoleh pendapatan yang lumayan melalui pertandingan e-sukan. Sebagai contoh, dalam usia yang masih muda, Muhammad Luqman dan Ahmad Shahrin yang mewakili pasukan GBX E-sport telah mencipta sejarah dalam permainan video FIFA 21 di peringkat global dan kejayaan ini memberi mereka pulangan yang lumayan. Kesannya, e-sukan ini bukan sahaja dapat memberikan pendapatan yang lumayan malah mengharumkan nama Malaysia di persada dunia. Jelaslah bahawa manfaat e-sukan kepada remaja ialah e-sukan menjanakan pendapatan yang lumayan.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Tuntasnya, e-sukan mempunyai ruang untuk terus gemilang pada masa hadapan, kerana e-sukan membantu remaja meningkatkan kemahiran sebagai atlet ruang maya.</i>	Ke
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Usaha memperkasakan e-sukan wajar dilaksanakan untuk terus mengembangkan sukan digital ini dalam kalangan remaja kerana peribahasa Melayu ada mengatakan, “tak kenal maka tak cinta”</i>	Ca
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Kita berharap semoga pihak kementerian pendidikan memberikan perhatian kepada pembangunan sukan ini serta mempromosikan kelebihan e-sukan ini kepada masyarakat pada masa hadapan.</i>	Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Tuntasnya, e-sukan mempunyai ruang untuk terus gemilang pada masa hadapan, kerana e-sukan membantu remaja meningkatkan kemahiran sebagai atlet ruang maya. Usaha memperkasakan e-sukan wajar dilaksanakan untuk terus mengembangkan sukan digital ini dalam kalangan remaja kerana peribahasa Melayu ada mengatakan, “tak kenal maka tak cinta”. Kita berharap semoga pihak kementerian pendidikan memberikan perhatian kepada pembangunan sukan ini serta mempromosikan kelebihan e-sukan ini kepada masyarakat pada masa hadapan.



Sukan elektronik atau e-sukan menjadi fenomena baharu dalam kalangan golongan remaja. Sukan elektronik merupakan satu bentuk permainan video untuk bersaing dengan individu lain secara dalam talian. Namun begitu, masyarakat menganggap sukan elektronik ini tidak mendatangkan faedah dan boleh melalaikan golongan remaja. Persepsi negatif ini harus diubah memandangkan e-sukan telah diiktiraf di peringkat global. Sebenarnya, terdapat banyak bukti e-sukan memberikan manfaat kepada pemainnya terutama golongan remaja.

Manfaat permainan e-sukan kepada remaja ialah pemain e-sukan mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah dan berfikir kreatif. Hal ini dikatakan demikian kerana individu yang terlibat secara langsung dengan arena e-sukan mempunyai kemahiran kognitif yang tinggi dan mereka mampu melakukan 400 pergerakan dalam seminit pada papan kekunci. Sebagai contoh, dalam permainan *Mobile Legends*, FIFA dan *Tekken 7*, pemain perlu berhadapan dengan pelbagai pilihan untuk melepasi halangan bagi kemenangan. Kesannya, pemain mempunyai ketajaman minda untuk berhadapan dengan sebarang kemungkinan dan risiko sebelum membuat keputusan, bak kata pepatah “kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya”.

Jelaslah bahawa remaja dapat menyelesaikan masalah dan berfikir kreatif sekiranya terlibat dalam e-sukan.

Seterusnya, manfaat e-sukan kepada remaja dapat memperluas jaringan sosial mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja yang terlibat dalam e-sukan mempunyai kenalan yang berada di luar negara kerana setiap pemain perlu berinteraksi dengan pemain lain yang tidak diketahui latar belakang dan asal usul. Misalnya, dalam permainan *League of Legends*, *Fifa Online* dan *Crossfire*, mereka perlu bermain bersama-sama untuk mendapat keserasian. Oleh itu, tidak hairanlah para pemain e-sukan ini mempunyai komuniti kenalan yang besar. Izharnya, remaja dapat menambah kenalan baharu tanpa sempadan geografi.

Di samping itu, satu lagi manfaat e-sukan kepada remaja ialah e-sukan meningkatkan kecerdasan visual. Hal ini dikatakan demikian kerana kecerdasan visual merupakan kemahiran mevisualisasi ruang dan kebolehan untuk mengesan dan menggambarkan bentuk, ruang, warna dan garisan. Sebagai contoh, *Minecraft* melatih minda pemain untuk bergerak tanpa peta dan memahami jarak serta ruang dengan lebih mendalam. Kesannya, kemahiran ini membantu pemain dalam koordinasi pergerakan seperti menari, membaca dan mengira. Maka, jelaslah bahawa e-sukan dapat meningkatkan kecerdasan visual remaja.

Akhir sekali, manfaat e-sukan kepada remaja ialah remaja dapat menjana pendapatan pada usia yang muda. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak remaja yang berbakat dalam e-sukan telah memperoleh pendapatan yang lumayan melalui pertandingan e-sukan. Sebagai contoh, dalam usia yang masih muda, Muhammad Luqman dan Ahmad Shahrin yang mewakili pasukan GBX E-sport telah mencipta sejarah dalam permainan video FIFA 21 di peringkat global dan kejayaan ini memberi mereka pulangan yang lumayan. Kesannya, e-sukan ini bukan sahaja dapat memberikan pendapatan yang lumayan malah mengharumkan nama Malaysia di persada dunia. Jelaslah bahawa manfaat e-sukan kepada remaja ialah e-sukan menjanakan pendapatan yang lumayan.

Tuntasnya, e-sukan mempunyai ruang untuk terus gemilang pada masa hadapan, kerana e-sukan membantu remaja meningkatkan kemahiran sebagai atlet ruang maya. Usaha memperkasakan e-sukan wajar dilaksanakan untuk terus mengembangkan sukan digital ini dalam kalangan remaja kerana peribahasa Melayu ada mengatakan, “tak kenal maka tak cinta”. Kita berharap semoga pihak Kementerian pendidikan memberikan perhatian kepada pembangunan sukan ini serta mempromosikan kelebihan e-sukan ini kepada masyarakat pada masa hadapan.


Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin berkata, sains merupakan elemen penting yang memungkinkan bukan sahaja kawalan terhadap pandemik itu, tetapi juga adaptasi terhadap perubahan gaya hidup masyarakat. Menurut beliau lagi, COVID-19 telah melonjakkan peranan sains, teknologi dan inovasi seperti membantu kajian para saintis dalam penghasilan vaksin serta sistem pemantauan penularan penyakit.

Sumber: Internet

Petikan di atas menjelaskan impak sains, teknologi dan inovasi di negara ini, terutamanya pada era pandemik COVID-19.

Huraikan kepentingan-kepentingan sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	Sains, teknologi dan inovasi	T
ISU	Sains, teknologi dan inovasi membawa impak yang amat besar dalam pelbagai aspek kehidupan.	I
KEHENDAK	Kepentingan-kepentingan sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan.	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	Sains, teknologi dan inovasi ialah bidang yang sangat penting. Pada era revolusi perindustrian 4.0, perkembangan bidang ini menjadi amat pesat bagai cendawan tumbuh selepas hujan.	T
H uraian Tema	Pada era ini, penemuan sains telah membawa impak yang amat besar dalam pelbagai aspek kehidupan. Penggunaan teknologi dan penghasilan inovasi turut menjadi pemangkin dalam perubahan hidup manusia sejagat.	H I
I su	Pengaplikasian elemen sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan manusia pada hari ini menjadi suatu kemestian.	N
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	Bidang ini meliputi pelbagai keperluan hidup manusia seperti komunikasi, perubatan, keselamatan, pengangkutan dan kesihatan. Semua bidang ini dapat dianggap lumpuh jika tidak diaplikasi dengan elemen sains teknologi dan inovasi pada masa ini.	K
K ehendak soalan	Jelaslah bahawa terdapat pelbagai kepentingan sains teknologi dan inovasi dalam kehidupan.	

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Sains, teknologi dan inovasi ialah bidang yang sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana pada era ini, penemuan sains telah membawa impak yang amat besar dalam pelbagai aspek kehidupan. Oleh hal yang demikian, pengaplikasian elemen sains, teknologi dan inovasi dalam pelbagai bidang menjadi suatu kemestian. Semua bidang ini dapat dianggap lumpuh jika tidak diaplikasi dengan elemen sains teknologi dan inovasi pada masa ini. Dengan demikian, jelaslah bahawa terdapat pelbagai kepentingan sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1 (TO)	Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi pertama) <i>Bidang sains, teknologi dan inovasi menyebabkan berlakunya pelbagai penemuan yang penting dan bermanfaat kepada manusia.</i>	To
Ayat 2 (HU)	Ayat Huraian (mengapa/sebab) <i>Pelbagai permasalahan hidup manusia dapat diselesaikan menerusi penemuan sains.</i>	Hu
Ayat 3 (CO)	Ayat Contoh <i>Pada era pandemik COVID-19, menerusi ilmu sains, para saintis berjaya menemukan vaksin yang dapat mengelakkan lebih ramai manusia daripada terkorban akibat virus ini.</i>	Co
Ayat 4 (KE)	Ayat Kesan <i>Penemuan sains ini telah berjaya menyelamatkan banyak penduduk di dunia.</i>	Ke
Ayat 5 (P)	Ayat Penegas <i>Jelaslah bahawa dengan adanya ilmu sains, teknologi dan inovasi ini, keselamatan dan kesihatan warga dunia dapat diselamatkan menerusi pelbagai penemuan yang penting dan berfaedah.</i>	P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Bidang sains, teknologi dan inovasi menyebabkan berlakunya pelbagai penemuan yang penting dan bermanfaat kepada manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai permasalahan hidup manusia dapat diselesaikan menerusi penemuan sains. Sebagai contoh, pada era pandemik COVID-19, menerusi ilmu sains, para saintis berjaya menemukan vaksin yang dapat mengelakkan lebih ramai manusia daripada terkorban akibat virus ini. Sebagai impak, penemuan sains ini telah menyelamatkan banyak penduduk di dunia. Tuntasnya, jelaslah bahawa dengan adanya ilmu sains, teknologi dan inovasi ini, keselamatan dan kesihatan warga dunia dapat diselamatkan menerusi pelbagai penemuan yang penting dan berfaedah.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1 (TO)	Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi pertama) <i>Bidang teknologi juga memperlihatkan pelbagai ciptaan peralatan yang canggih dan pintar sesuai dengan keperluan hidup manusia masa ini.</i>	To
Ayat 2 (HU)	Ayat Huraian (mengapa/sebab) <i>Keperluan hidup manusia berubah dan penghasilan rekaan bukan sekadar canggih tetapi mempunyai ciri-ciri pintar untuk memudahkan kehidupan.</i>	Hu
Ayat 3 (CO)	Ayat Contoh <i>Penciptaan peralatan seperti mesin basuh pintar dan pembersih hampagas robotik untuk kegunaan harian.</i>	Co
Ayat 4 (KE)	Ayat Kesan <i>Aktiviti-aktiviti di rumah menjadi mudah dan dapat diselesaikan dengan berkesan.</i>	Ke
Ayat 5 (P)	Ayat Penegas <i>Jelaslah bahawa pelbagai ciptaan yang canggih terhasil dengan adanya sains, teknologi dan inovasi.</i>	P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain itu, bidang teknologi juga memperlihatkan pelbagai ciptaan peralatan yang canggih dan pintar sesuai dengan keperluan hidup manusia masa ini. Hal ini dikatakan demikian kerana keperluan hidup manusia berubah dan penghasilan rekaan bukan sekadar canggih tetapi mempunyai ciri-ciri pintar untuk memudahkan kehidupan. Sebagai contoh, penciptaan peralatan seperti mesin basuh pintar dan pembersih hampagas robotik untuk kegunaan harian. Kesannya, aktiviti-aktiviti di rumah menjadi mudah dan dapat diselesaikan dengan berkesan. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa pelbagai ciptaan yang canggih terhasil dengan adanya sains, teknologi dan inovasi.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Kemajuan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi juga memudahkan jaringan komunikasi antara manusia.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Teknologi dan inovasi yang kian berkembang saban hari menyebabkan capaian dan jaringan Internet bertambah baik. Kemunculan pelbagai peranti komunikasi pintar seperti cendawan tumbuh selepas hujan membolehkan manusia berinteraksi dengan mudah.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Peranti pintar seperti telefon dan komputer riba yang disambungkan dengan jaringan Internet menyebabkan manusia dapat berhubung pada bila-bila dan di mana-mana sahaja, sekalipun berbeza benua.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Manusia dapat berkomunikasi dengan lebih kerap dan perhubungan yang sedia terjalin dapat dikekalkan dan dieratkan.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Jelaslah bahawa sains, teknologi dan inovasi dapat menyatukan semua manusia dengan jaringan komunikasi yang berkesan.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Selanjutnya, kemajuan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi juga memudahkan jaringan komunikasi antara manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana teknologi dan inovasi yang kian berkembang saban hari menyebabkan capaian dan jaringan Internet bertambah baik. Kemunculan pelbagai peranti komunikasi pintar seperti cendawan tumbuh selepas hujan membolehkan manusia berinteraksi dengan mudah. Sebagai contoh, peranti pintar seperti telefon dan komputer riba yang disambungkan dengan jaringan Internet menyebabkan manusia dapat berhubung pada bila-bila dan di mana-mana sahaja, sekalipun berbeza benua. Kesannya, manusia dapat berkomunikasi dengan lebih kerap dan perhubungan yang sedia terjalin dapat dikekalkan dan dieratkan. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa sains, teknologi dan inovasi dapat menyatukan semua manusia dengan jaringan komunikasi yang berkesan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Penghasilan pelbagai inovasi, kehidupan manusia menjadi mudah.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Inovasi berfungsi untuk menyelesaikan apa-apa masalah yang wujud dalam kehidupan manusia.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Penciptaan telefon pintar, manusia tidak lagi perlu bergantung sepenuhnya pada komputer. Telefon pintar dapat dibawa ke mana-mana dan digunakan pada bila-bila.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Urusan manusia dapat diselesaikan dengan mudahnya dan pantas seperti kilat.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Inovasi amat penting dalam kehidupan kerana berfungsi sebagai penyelesaian masalah kepada manusia.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Seterusnya, melalui penghasilan pelbagai inovasi, kehidupan manusia menjadi mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana inovasi berfungsi untuk menyelesaikan apa-apa masalah yang wujud dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh, melalui penciptaan telefon pintar, manusia tidak lagi perlu bergantung sepenuhnya pada komputer. Telefon pintar dapat dibawa ke mana-mana dan digunakan pada bila-bila. Kesannya, banyak urusan manusia dapat diselesaikan dengan mudahnya dan pantas seperti kilat. Tuntasnya, inovasi amat penting dalam kehidupan kerana berfungsi sebagai penyelesaian masalah kepada manusia.



Sains, teknologi dan inovasi ialah bidang yang sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana pada era ini, penemuan sains telah membawa impak yang amat besar dalam pelbagai aspek kehidupan. Oleh hal yang demikian, pengaplikasian elemen sains, teknologi dan inovasi dalam pelbagai bidang menjadi suatu kemestian. Semua bidang ini dapat dianggap lumpuh jika tidak diaplikasi dengan elemen sains teknologi dan inovasi pada masa ini. Dengan demikian, jelaslah bahawa terdapat pelbagai kepentingan sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan.

Bidang sains, teknologi dan inovasi menyebabkan berlakunya pelbagai penemuan yang penting dan bermanfaat kepada manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai permasalahan hidup manusia dapat diselesaikan menerusi penemuan sains. Sebagai contoh, pada era pandemik COVID-19, menerusi ilmu sains, para saintis berjaya menemukan vaksin yang dapat mengelakkan lebih ramai manusia daripada terkorban akibat virus ini. Sebagai impak, penemuan sains ini telah menyelamatkan banyak penduduk di dunia. Tuntasnya, jelaslah bahawa dengan adanya ilmu sains, teknologi dan inovasi ini, keselamatan dan kesihatan warga dunia dapat diselamatkan menerusi pelbagai penemuan yang penting dan berfaedah.

Selain itu, bidang teknologi juga memperlihatkan pelbagai ciptaan peralatan yang canggih dan pintar sesuai dengan keperluan hidup manusia masa ini. Hal ini dikatakan demikian kerana keperluan hidup manusia berubah dan penghasilan rekaan bukan sekadar canggih tetapi mempunyai ciri-ciri pintar untuk memudahkan kehidupan. Sebagai contoh, penciptaan peralatan seperti mesin basuh pintar dan pembersih hampagas robotik untuk kegunaan harian. Kesannya, aktiviti-aktiviti di rumah menjadi mudah dan dapat diselesaikan dengan berkesan. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa pelbagai ciptaan yang canggih terhasil dengan adanya sains, teknologi dan inovasi.

Selanjutnya, kemajuan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi juga memudahkan jaringan komunikasi antara manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana teknologi dan inovasi yang kian berkembang saban hari menyebabkan capaian dan jaringan Internet bertambah baik. Kemunculan pelbagai peranti komunikasi pintar seperti cendawan tumbuh selepas hujan membolehkan manusia berinteraksi dengan mudah. Sebagai contoh, peranti pintar seperti telefon dan komputer riba yang disambungkan dengan jaringan Internet menyebabkan manusia dapat berhubung pada bila-bila dan di mana-mana sahaja, sekalipun berbeza benua. Kesannya, manusia dapat berkomunikasi dengan lebih kerap dan perhubungan yang sedia terjalin dapat dikekalkan dan dieratkan. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa sains, teknologi dan inovasi dapat menyatukan semua manusia dengan jaringan komunikasi yang berkesan.

Seterusnya, melalui penghasilan pelbagai inovasi, kehidupan manusia menjadi mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana inovasi berfungsi untuk menyelesaikan apa-apa masalah yang wujud dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh, melalui penciptaan telefon pintar, manusia tidak lagi perlu bergantung sepenuhnya pada komputer. Telefon pintar dapat dibawa ke mana-mana dan digunakan pada bila-bila. Kesannya, banyak urusan manusia dapat diselesaikan dengan mudahnya dan pantas seperti kilat. Tuntasnya, inovasi amat penting dalam kehidupan kerana berfungsi sebagai penyelesaian masalah kepada manusia.


Kesimpulannya, jelaslah kepada kita bahawa sains, teknologi dan inovasi mempunyai pelbagai kepentingan dalam kehidupan. Oleh hal yang demikian, kita mestilah memanfaatkan dan mengaplikasikan perkembangan sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan seharian. Dalam hal ini, kita haruslah mengelakkan sikap seperti katak di bawah tempurung. Jika kita memanfaatkan perkembangan sains, teknologi dan inovasi, negara kita akan dapat bergerak seiring dengan negara-negara maju dalam mendepani cabaran revolusi perindustrian 4.0. Ingat, jika negara mencapai kemajuan, kehidupan rakyat pasti sejahtera.

Kajian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia membuktikan bahawa amalan penjagaan kesihatan dalam kalangan rakyat di Malaysia masih rendah iaitu hanya 6.6 peratus berbanding rakyat Amerika Syarikat sebanyak 12 peratus. Kajian itu mengambil kira pengetahuan tentang gaya pemakanan sihat termasuk pengambilan kalori, jumlah hidangan dan pengambilan lemak.

Sumber: Sinar Harian *Online*, 8 Julai 2021

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa amalan penjagaan kesihatan masih rendah dalam kalangan masyarakat di negara ini. Sehubungan dengan itu, masyarakat perlulah dididik agar mementingkan amalan penjagaan kesihatan dalam kehidupan mereka. Bincangkan usaha-usaha yang anda lakukan untuk menjaga kesihatan diri.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	Kesihatan	T
ISU	Amalan penjagaan kesihatan dalam kalangan rakyat masih rendah	I
KEHENDAK	Cara-cara yang saya lakukan untuk menjaga kesihatan diri	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	Penjagaan kesihatan amat penting kepada setiap manusia.	T
H uraian Tema	Penjagaan kesihatan dapat mencegah diri daripada menghidap pelbagai penyakit kronik.	H
I su	Kajian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia membuktikan bahawa amalan penjagaan kesihatan dalam kalangan rakyat di Malaysia masih rendah iaitu hanya 6.6 peratus berbanding rakyat Amerika Syarikat sebanyak 12 peratus.	I
N egatif (Perspektif/ Kesan Negatif)	Akibatnya, rakyat di negara ini menghidapi pelbagai penyakit kronik terutamanya obesiti dan penyakit jantung.	N
K ehendak soalan	Kajian ini telah menyedarkan saya agar cepat bertindak dan melakukan usaha-usaha yang konsisten untuk menjaga kesihatan diri.	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Penjagaan kesihatan amat penting kepada setiap manusia. Penjagaan kesihatan dapat mencegah diri daripada menghidap pelbagai penyakit kronik. Kajian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia membuktikan bahawa amalan penjagaan kesihatan dalam kalangan rakyat di Malaysia masih rendah iaitu hanya 6.6 peratus berbanding rakyat Amerika Syarikat sebanyak 12 peratus. Akibatnya, rakyat di negara ini menghidapi pelbagai penyakit kronik terutamanya obesiti dan penyakit jantung. Kajian ini telah menyedarkan saya agar cepat bertindak dan melakukan usaha-usaha yang konsisten untuk menjaga kesihatan diri.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **To**pik (gabungkan soalan dan isi pertama)
Saya akan mengamalkan gaya pemakanan yang sihat.

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat **Hu**raian (mengapa/sebab)
Pemakanan yang sihat mengandungi pelbagai nutrien seperti protein, karbohidrat dan serat.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat **Co**ntoh
Saya akan mengikut piramid makanan dalam pemilihan menu atau jenis makanan harian yang sihat lebih banyak makan buah-buahan dan sayur-sayuran, makanan bijirin dan mengurangkan makanan berlemak.

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat **Ke**san
Saya akan lebih berhati-hati dalam pemilihan makanan yang sihat apabila mengetahui kandungan zat dan kandungan kalori dalam setiap hidangan harian melalui panduan dalam piramid makanan.

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat **P**enegas
Saya akan mengamalkan gaya pemakanan sihat untuk memastikan kesihatan diri saya terjamin kerana hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

P**SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Usaha pertama yang akan saya lakukan untuk menjaga kesihatan diri ialah mengamalkan gaya pemakanan sihat. Hal ini dikatakan demikian kerana pemakanan yang sihat mengandungi pelbagai nutrien seperti protein, karbohidrat dan serat. Contohnya, saya akan mengikut piramid makanan dalam pemilihan menu atau jenis makanan harian yang sihat. Saya akan makan lebih banyak buah-buahan, sayur-sayuran, makanan bijirin dan mengurangkan makanan berlemak. Sehubungan dengan itu, saya akan lebih berhati-hati dalam pemilihan makanan yang sihat apabila mengetahui kandungan zat dan kalori dalam setiap hidangan harian melalui panduan dalam piramid makanan. Tegasnya, saya akan mengamalkan gaya pemakanan sihat untuk memastikan kesihatan diri saya terjamin kerana hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi pertama)
Saya juga akan melakukan aktiviti riadah untuk menjaga kesihatan diri.

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat Huraian (mengapa/sebab)
Saya beriadah, kelenjar peluh akan mengeluarkan peluh dan haba daripada badan.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat Contoh
Saya akan memastikan diri saya melakukan kegiatan riadah seperti berjoging dan berbasikal selama 30 minit dua kali seminggu untuk mendapatkan tahap kesihatan yang optimum.

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat Kesan
Pengaliran darah ke otak dapat berjalan dengan lancar serta lemak-lemak yang berlebihan dalam tubuh badan dapat dikurangkan.

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat Penegas
Aktiviti riadah yang saya lakukan sememangnya membantu saya untuk menjaga kesihatan diri dan mencerdaskan otak saya kerana badan cergas otak cerdas.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain itu, saya juga akan melakukan aktiviti riadah untuk menjaga kesihatan diri. Hal ini berlaku demikian kerana apabila saya beriadah, kelenjar peluh akan mengeluarkan peluh dan haba daripada badan. Sebagai tamsilnya, saya akan memastikan diri saya melakukan kegiatan riadah seperti berjoging dan berbasikal selama 30 minit dua kali seminggu untuk mendapatkan tahap kesihatan yang optimum. Impaknya, pengaliran darah ke otak dapat berjalan dengan lancar serta lemak-lemak yang berlebihan dalam tubuh badan dapat dikurangkan. Jelaslah bahawa aktiviti riadah yang saya lakukan sememangnya membantu saya untuk menjaga kesihatan diri dan mencerdaskan otak saya kerana badan cergas otak cerdas.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)
*aya akan memastikan diri saya mendapatkan
tidur dan rehat yang secukupnya serta berkualiti dalam satu hari.*

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)
*Setelah penat belajar pada waktu siang, tidur sekejap dan rehat
yang berkualiti amat penting untuk mengembalikan semula tenaga
yang telah hilang.*

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh
*Saya akan tidur dengan cukup iaitu sekurang-kurangnya 6 hingga
8 jam sehari supaya badan saya cergas ketika bangun
keesokannya.*

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan
*Tidur yang mencukupi dapat mengurangkan tekanan dan penyakit
sakit kepala yang saya hidapi. Selain itu, saya dapat menumpukan
perhatian ketika belajar atau melakukan sesuatu perkara.*

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas
*Sudah terang lagi bersuluh bahawa tidur dan rehat amat penting
dan berkesan untuk kesihatan diri.*

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Seterusnya, saya akan memastikan diri saya mendapatkan tidur dan rehat yang secukupnya serta berkualiti dalam satu hari. Setelah penat belajar pada waktu siang, tidur sekejap dan rehat yang berkualiti amat penting untuk mengembalikan semula tenaga yang telah hilang. Saya akan tidur dengan cukup iaitu sekurang-kurangnya 6 hingga 8 jam sehari supaya badan saya cergas ketika bangun keesokannya. Implikasinya, tidur yang mencukupi dapat mengurangkan tekanan dan penyakit sakit kepala yang saya hidapi. Selain itu, saya dapat menumpukan perhatian ketika belajar atau melakukan sesuatu perkara. Sudah terang lagi bersuluh bahawa tidur dan rehat amat penting dan berkesan untuk kesihatan diri.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Saya akan melakukan pemeriksaan kesihatan untuk memastikan kesihatan diri saya pada tahap yang baik.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Saya akan dapat memastikan anggota dalaman tubuh saya seperti jantung, hati, buah pinggang dan pankreas berfungsi dengan baik.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Saya akan menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala iaitu sekurang-kurangnya dua kali setahun atau enam bulan sekali. Pemeriksaan kesihatan meliputi tekanan darah, paras gula dalam darah, tahap kolesterol dan sebagainya.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Penyakit kronik seperti penyakit jantung koronari, tekanan darah tinggi, dan kencing manis dapat dikesan lebih awal kerana mencegah lebih baik daripada mengubati.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Saya akan sentiasa memastikan diri saya mendapatkan pemeriksaan doktor secara berjadual untuk menjaga kesihatan diri.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Akhir sekali, saya akan melakukan pemeriksaan kesihatan untuk memastikan kesihatan diri saya pada tahap yang baik. Hal ini amat penting kerana melalui cara ini saya akan dapat memastikan anggota dalaman tubuh saya seperti jantung, hati, buah pinggang dan pankreas berfungsi dengan baik. Saya akan menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala iaitu sekurang-kurangnya dua kali setahun atau enam bulan sekali. Pemeriksaan kesihatan meliputi tekanan darah, paras gula dalam darah, tahap kolesterol dan sebagainya. Impaknya, penyakit kronik seperti penyakit jantung koronari, tekanan darah tinggi, dan kencing manis dapat dikesan lebih awal kerana mencegah lebih baik daripada mengubati. Pendek kata, saya akan sentiasa memastikan diri saya mendapatkan pemeriksaan doktor secara berjadual untuk menjaga kesihatan diri.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Kesimpulannya, saya akan melakukan cara-cara seperti yang saya huraikan di atas untuk memastikan kesihatan diri saya berada pada tahap yang terbaik.</i>
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Bagi tujuan itu, saya akan sentiasa berbincang dan bekerjasama dengan ahli keluarga kerana muafakat membawa berkat. Selain itu, saya akan mengajak ahli keluarga untuk bersama-sama beriadah dan membuat pemeriksaan kesihatan supaya kesihatan kami terpelihara.</i>
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Penjagaan kesihatan diri yang saya amalkan ini diharapkan dapat mencegah diri saya daripada pelbagai penyakit kronik. Seterusnya, saya akan dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan negara selaras dengan slogan ‘Rakyat Sihat, Negara Sejahtera’.</i>

Ke


Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, saya akan melakukan usaha-usaha seperti yang saya huraikan di atas untuk memastikan kesihatan diri saya berada pada tahap yang terbaik. Bagi tujuan itu, saya akan sentiasa berbincang dan bekerjasama dengan ahli keluarga kerana muafakat membawa berkat. Selain itu, saya akan mengajak ahli keluarga untuk bersama-sama beriadah dan membuat pemeriksaan kesihatan. Penjagaan kesihatan diri yang saya amalkan ini diharapkan dapat mencegah daripada pelbagai penyakit kronik. Seterusnya, saya akan dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan negara selaras dengan slogan ‘Rakyat Sihat, Negara Sejahtera’.





Penjagaan kesihatan amat penting kepada setiap manusia. Penjagaan kesihatan dapat mencegah diri daripada menghidap pelbagai penyakit kronik. Kajian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia membuktikan bahawa amalan penjagaan kesihatan dalam kalangan rakyat di Malaysia masih rendah iaitu hanya 6.6 peratus berbanding rakyat Amerika Syarikat sebanyak 12 peratus. Akibatnya, rakyat di negara ini menghidapi pelbagai penyakit kronik terutamanya obesiti dan penyakit jantung. Kajian ini telah menyedarkan saya agar cepat bertindak dan melakukan usaha-usaha yang konsisten untuk menjaga kesihatan diri.

Usaha pertama yang akan saya lakukan untuk menjaga kesihatan diri ialah mengamalkan gaya pemakanan sihat. Hal ini dikatakan demikian kerana pemakanan yang sihat mengandungi pelbagai nutrien seperti protein, karbohidrat dan serat. Contohnya, saya akan mengikut piramid makanan dalam pemilihan menu atau jenis makanan harian yang sihat. Saya akan makan lebih banyak buah-buahan, sayur-sayuran, makanan bijirin dan mengurangkan makanan berlemak. Sehubungan dengan itu, saya akan lebih berhati-hati dalam pemilihan makanan yang sihat apabila mengetahui kandungan zat dan kalori dalam setiap hidangan harian melalui panduan dalam piramid makanan. Tegasnya, saya akan mengamalkan gaya pemakanan sihat untuk memastikan kesihatan diri saya terjamin kerana hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Selain itu, saya juga akan melakukan aktiviti riadah untuk menjaga kesihatan diri. Hal ini berlaku demikian kerana apabila saya beriadah, kelenjar peluh akan mengeluarkan peluh dan haba daripada badan. Sebagai tamsilnya, saya akan memastikan diri saya melakukan kegiatan riadah seperti berjoging dan berbasikal selama 30 minit dua kali seminggu untuk mendapatkan tahap kesihatan yang optimum. Impaknya, pengaliran darah ke otak dapat berjalan dengan lancar serta lemak-lemak yang berlebihan dalam tubuh badan dapat dikurangkan. Jelaslah bahawa aktiviti riadah yang saya lakukan sememangnya membantu saya untuk menjaga kesihatan diri dan mencerdaskan otak saya kerana badan cergas otak cerdas.

Seterusnya, saya akan memastikan diri saya mendapatkan tidur dan rehat yang secukupnya serta berkualiti dalam satu hari. Setelah penat belajar pada waktu siang, tidur sekejap dan rehat yang berkualiti amat penting untuk mengembalikan semula tenaga yang telah hilang. Saya akan tidur dengan cukup iaitu sekurang-kurangnya 6 hingga 8 jam sehari supaya badan saya cergas ketika bangun keesokannya. Implikasinya, tidur yang mencukupi dapat mengurangkan tekanan dan penyakit sakit kepala yang saya hidapi. Selain itu, saya dapat menumpukan perhatian ketika belajar atau melakukan sesuatu perkara. Sudah terang lagi bersuluh bahawa tidur dan rehat amat penting dan berkesan untuk kesihatan diri.

Akhir sekali, saya akan melakukan pemeriksaan kesihatan untuk memastikan kesihatan diri saya pada tahap yang baik. Hal ini amat penting kerana melalui cara ini saya akan dapat memastikan anggota dalaman tubuh saya seperti jantung, hati, buah pinggang dan pankreas berfungsi dengan baik. Saya akan menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala iaitu sekurang-kurangnya dua kali setahun atau enam bulan sekali. Pemeriksaan kesihatan meliputi tekanan darah, paras gula dalam darah, tahap kolesterol dan sebagainya. Impaknya, penyakit kronik seperti penyakit jantung koronari, tekanan darah tinggi, dan kencing manis dapat dikesan lebih awal kerana mencegah lebih baik daripada mengubati. Pendek kata, saya akan sentiasa memastikan diri saya mendapatkan pemeriksaan doktor secara berjadual untuk menjaga kesihatan diri.

Kesimpulannya, saya akan melakukan usaha-usaha seperti yang saya huraikan di atas untuk memastikan kesihatan diri saya berada pada tahap yang terbaik. Bagi tujuan itu, saya akan sentiasa berbincang dan bekerjasama dengan ahli keluarga kerana muafakat membawa berkat. Selain itu, saya akan mengajak ahli keluarga untuk bersama-sama beriadah dan membuat pemeriksaan kesihatan. Penjagaan kesihatan diri yang saya amalkan ini diharapkan dapat mencegah daripada pelbagai penyakit kronik. Seterusnya, saya akan dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan negara selaras dengan slogan 'Rakyat Sihat, Negara Sejahtera'.

(499 patah perkataan)

Ogos merupakan bulan yang agak berbeza apabila Jalur Gemilang berkibar gah menghiasi rumah, pejabat, premis perniagaan serta kenderaan, bagi menandakan negara ini dimiliki oleh kita sepenuhnya. Bagaimanapun, amat menyedihkan apabila kesedaran mengibarkan Jalur Gemilang semakin berkurangan sejak kebelakangan ini, malah ada bendera yang menjadi lambang maruah negara itu sudah koyak rabak dan dibiarkan begitu saja. Oleh itu, kempen kibar Jalur Gemilang perlu dipergiatkan ke peringkat akar umbi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat. Jika dulu, kita boleh tersenyum melihat banyak kereta dihiasi Jalur Gemilang yang dipandu ke sana sini, namun kini pemandangan seumpama itu semakin terhakis.

Sumber : Berita Harian 1 Ogos 2019

Petikan akhbar di atas berkaitan dengan Jalur Gemilang sebagai bendera dan lambang kedaulatan sesebuah negara. Malangnya, kesedaran masyarakat menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang semakin luntur.

Huraikan langkah-langkah yang dapat diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat supaya sentiasa mengibarkan dan menghormati Jalur Gemilang.

CADANGAN ISI PENTING

Langkah-langkah yang dapat diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat

ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka supaya sentiasa menghormati Jalur Gemilang

mengadakan pertandingan di peringkat sekolah

peranan media sosial memberi kesedaran kepada masyarakat

mengadakan kempen kibarkan Jalur Gemilang di peringkat kebangsaan

membudayakan amalan mengibarkan Jalur Gemilang setiap masa

Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	Jalur Gemilang	
ISU	Mengibarkan dan menghormati Jalur Gemilang	
KEHENDAK	Langkah- langkah yang dapat diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat	

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	Jalur Gemilang merupakan bendera yang menjadi lambang kedaulatan negara kita.	
H uraian Tema	Dapat membangkitkan semangat cinta akan tanah air.	
I su	Setiap lapisan masyarakat sewajarnya menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang	
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	Kesedaran masyarakat dalam usaha mengibarkan dan menghormati Jalur Gemilang semakin luntur.	
K ehendak soalan	Apakah langkah yang dapat diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat supaya menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang	

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Jalur Gemilang merupakan bendera yang menjadi lambang kedaulatan negara kita. Hal ini dapat membangkitkan perpaduan dan semangat cinta akan tanah air. Setiap lapisan masyarakat sewajarnya menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang. Namun, kesedaran masyarakat dalam usaha mengibar dan menghormati Jalur Gemilang semakin luntur. Persoalannya, apakah langkah yang dapat diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat supaya menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang?

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
Langkah yang dapat diambil untuk meningkat kesedaran masyarakat ialah ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka supaya sentiasa menghormati Jalur Gemilang.

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Dapat membentuk generasi baharu yang cinta akan Jalur Gemilang.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat **Contoh**
Ibu bapa sewajarnya mengajar anak-anak untuk menghormati Jalur Gemilang dengan berdiri tegak semasa lagu Negaraku dimainkan.

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat **Kesan**
Anak-anak akan menghormati Jalur Gemilang dan lagu Negaraku walau di mana-mana mereka berada.

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat **Penegas**
Peranan ibu bapa dalam usaha mendidik anak-anak semasa mereka masih kecil sangat penting bagi melahirkan seseorang yang menghormati Jalur Gemilang.

P**SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Langkah untuk meningkat kesedaran masyarakat menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang ialah ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka supaya sentiasa menghormati Jalur Gemilang. Hal yang sedemikian dapat membentuk generasi baharu yang cinta akan Jalur Gemilang. Sebagai contohnya, ibu bapa sewajarnya mengajar anak-anak untuk menghormati Jalur Gemilang dan berdiri tegak semasa lagu Negaraku dimainkan. Impaknya, anak-anak akan menghormati Jalur Gemilang dan lagu Negaraku walau di mana-mana jua mereka berada. Jelaslah bahawa peranan ibu bapa dalam usaha mendidik anak-anak semasa mereka masih kecil sangat penting bagi melahirkan seseorang yang menghormati Jalur Gemilang.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi kedua)
Pihak sekolah mengadakan pertandingan yang berkaitan dengan Jalur Gemilang.

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Hal ini dapat memupuk semangat patriotik dan menghormati Jalur Gemilang seawal darjah satu lagi.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat **Contoh**
Aktiviti-aktiviti luar bilik darjah seperti pertandingan melukis, mewarna bendera dan aktiviti menghias kelas dengan Jalur Gemilang boleh dilakukan pada waktu kokurikulum.

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat **Kesan**
Murid akan menghormati Jalur Gemilang dan menghayati nilai-nilai patriotisme melalui amalan dan perbuatan mereka.

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat **Penegas**
Semangat Jalur Gemilang yang dipelajari di sekolah telah menusuk ke dalam jiwa murid-murid sehingga terbawa-bawa semangat itu walaupun selepas tamat persekolahan.

P**SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Selain itu, pihak sekolah boleh mengadakan pertandingan yang berkaitan dengan Jalur Gemilang. Hal ini dapat memupuk semangat patriotik dan menghormati Jalur Gemilang seawal darjah satu lagi. Aktiviti-aktiviti luar bilik darjah seperti pertandingan melukis, mewarna bendera dan aktiviti menghias kelas dengan Jalur Gemilang boleh dilakukan pada waktu kokurikulum. Kesannya, murid akan menghormati Jalur Gemilang dan menghayati nilai-nilai patriotisme melalui amalan dan perbuatan mereka. Jelaslah bahawa semangat Jalur Gemilang yang dipelajari di sekolah telah menusuk ke dalam jiwa murid-murid sehingga terbawa-bawa semangat itu walaupun selepas tamat persekolahan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi ketiga)*Langkah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengibarkan Jalur Gemilang melalui media massa sama ada media cetak atau media elektronik.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Media massa mempunyai pengaruh yang kuat dalam diri anggota masyarakat.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Media elektronik boleh menayangkan rencana atau dokumentari berkaitan dengan Jalur Gemilang***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Masyarakat akan dapat mengenali Jalur Gemilang dan sejarah tanah air dengan lebih mendalam.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Media massa memainkan peranan untuk menyemai semangat menghormati Jalur Gemilang dalam kalangan masyarakat di negara kita.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Seterusnya, langkah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengibarkan Jalur Gemilang melalui peranan media massa sama ada media cetak atau media elektronik. Hal ini dikatakan demikian kerana media massa mempunyai pengaruh yang kuat dalam diri anggota masyarakat. Sebagai tamsilnya, media elektronik dapat menayangkan rencana atau dokumentari berkaitan dengan Jalur Gemilang. Impaknya, masyarakat akan dapat mengenali Jalur Gemilang dan sejarah tanah air dengan lebih mendalam. Jelaslah bahawa media massa seharusnya memainkan peranan untuk menyemai semangat menghormati Jalur Gemilang dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi keempat)
Pihak kerajaan hendaklah mengadakan kempen mengibarkan Jalur Gemilang secara besar-besaran di seluruh negara.

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Hal ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan Jalur Gemilang dan menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat **Contoh**
Sebagai contoh, kempen mengibar Jalur Gemilang di rumah, pejabat, premis perniagaan dan kenderaan masing-masing.

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat **Kesan**
Impaknya, Jalur Gemilang akan sentiasa berkibar di mana- mana sahaja di seluruh negara.

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat **Penegas**
Jelaslah bahawa kerajaan berperanan untuk memupuk semangat menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara kita.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Akhir sekali, pihak kerajaan hendaklah mengadakan kempen mengibarkan Jalur Gemilang secara besar-besaran di seluruh negara. Hal ini dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan Jalur Gemilang dan semangat patriotik. Sebagai contoh, kempen mengibarkan Jalur Gemilang di rumah, pejabat, premis perniagaan dan kenderaan masing-masing. Impaknya, Jalur Gemilang akan sentiasa berkibar di mana- mana sahaja di seluruh negara. Jelaslah bahawa kerajaan berperanan untuk memupuk semangat menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang dalam kalangan pelbagai kaum di negara kita.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Terdapat banyak langkah yang dapat diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat supaya sentiasa mengibarkan dan menghormati Jalur Gemilang.</i>
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu umpama ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni dalam usaha memberikan kesedaran kepada setiap lapisan masyarakat.</i>
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Kita mengharapkan generasi muda negara akan terus mempunyai semangat patriotik yang jitu untuk membentuk sebuah negara yang maju dan makmur.</i>

Ke


Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, terdapat banyak langkah yang dapat diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat supaya sentiasa mengibarkan dan menghormati Jalur Gemilang. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu umpama ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni dalam usaha memberikan kesedaran kepada setiap lapisan masyarakat. Kita mengharapkan generasi muda negara akan terus mempunyai semangat patriotik yang jitu untuk membentuk sebuah negara yang maju dan makmur.





Jalur Gemilang merupakan bendera yang menjadi lambang kedaulatan negara kita. Hal ini dapat membangkitkan perpaduan dan semangat cinta akan tanah air. Setiap lapisan masyarakat sewajarnya menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang. Namun, kesedaran masyarakat dalam usaha mengibar dan menghormati Jalur Gemilang semakin luntur. Persoalannya, apakah langkah yang dapat diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat supaya menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang?

Langkah untuk meningkat kesedaran masyarakat menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang ialah ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka supaya sentiasa menghormati Jalur Gemilang. Hal yang sedemikian dapat membentuk generasi baharu yang cinta akan Jalur Gemilang. Sebagai contohnya, ibu bapa sewajarnya mengajar anak-anak untuk menghormati Jalur Gemilang dengan berdiri tegak semasa lagu Negaraku dimainkan. Impaknya, anak-anak akan menghormati Jalur Gemilang dan lagu Negaraku walau di mana-mana jua mereka berada. Jelaslah bahawa peranan ibu bapa dalam usaha mendidik anak-anak semasa mereka masih kecil sangat penting bagi melahirkan seseorang yang menghormati Jalur Gemilang.

Selain itu, pihak sekolah boleh mengadakan pertandingan yang berkaitan dengan Jalur Gemilang. Hal ini dapat memupuk semangat patriotik dan menghormati Jalur Gemilang seawal darjah satu lagi. Sebagai contoh, aktiviti-aktiviti luar bilik darjah seperti pertandingan melukis, mewarna bendera dan aktiviti menghias kelas dengan Jalur Gemilang boleh dilakukan pada waktu kokurikulum. Kesannya, murid akan menghormati Jalur Gemilang dan menghayati nilai-nilai patriotisme melalui amalan dan perbuatan mereka. Jelaslah bahawa semangat Jalur Gemilang yang dipelajari di sekolah telah menusuk ke dalam jiwa murid-murid sehingga terbawa-bawa semangat itu walaupun selepas tamat persekolahan.

Seterusnya, langkah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengibarkan Jalur Gemilang melalui peranan media massa sama ada media cetak atau media elektronik. Hal ini dikatakan demikian kerana media massa mempunyai pengaruh yang kuat dalam diri anggota masyarakat. Sebagai tamsilnya, media elektronik boleh menayangkan rencana atau dokumentari berkaitan dengan Jalur Gemilang. Impaknya, masyarakat akan dapat mengenali Jalur Gemilang dan sejarah tanah air dengan lebih mendalam. Jelaslah bahawa media massa seharusnya memainkan peranan untuk menyemai semangat menghormati Jalur Gemilang dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Akhir sekali, pihak kerajaan hendaklah mengadakan kempen mengibarkan Jalur Gemilang secara besar-besaran di seluruh negara. Hal ini dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan Jalur Gemilang dan semangat patriotik. Sebagai contoh, kempen mengibarkan Jalur Gemilang di rumah, pejabat, premis perniagaan dan kenderaan masing-masing. Impaknya, Jalur Gemilang akan sentiasa berkibar di mana-mana sahaja di seluruh negara. Jelaslah bahawa kerajaan berperanan untuk memupuk semangat menghormati dan mengibarkan Jalur Gemilang dalam kalangan pelbagai kaum di negara kita.

Kesimpulannya, terdapat banyak langkah yang dapat diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat supaya sentiasa mengibarkan dan menghormati Jalur Gemilang. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu umpama ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni dalam usaha memberikan kesedaran kepada setiap lapisan masyarakat. Kita mengharapkan generasi muda negara akan terus mempunyai semangat patriotik yang jitu untuk membentuk sebuah negara yang maju dan makmur.


Internet merupakan alat komunikasi dalam hubungan sesama manusia dan amat penting dalam bidang pendidikan. Namun penggunaan Internet secara meluas menyebabkan golongan remaja semakin sibuk dan lupa akan tanggungjawab dan kewajipan mereka. Keadaan ini bertambah serius sekiranya golongan remaja ini mengalami masalah nomofobia, iaitu perasaan takut dan risau yang keterlaluan apabila tidak menggunakan telefon pintar.

Sumber: Internet

Petikan di atas, menerangkan kepentingan Internet dan masalah penggunaannya serta isu nomofobia yang seakim serius dalam kalangan anak muda. Sepatutnya, ibu bapa perlulah sentiasa cakna untuk mendidik anak-anak supaya tidak menyalahgunakan kemudahan Internet.

Huraikan tindakan ibu bapa untuk memainkan peranan ini.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Sains, Teknologi dan Inovasi</i>	T
ISU	<i>Penggunaan Internet secara tidak berhemah / tanpa kawalan</i>	I
KEHENDAK	<i>Peranan ibu bapa mengatasi masalah ini dan mendidik anak-anak cara /penggunaan Internet.</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Pada era globalisasi ini, dunia semakin maju dan berkembang pesat berkat daripada kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi.</i>	T
H uraian Tema	<i>Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi ini menjadikan golongan remaja begitu kerap mengakses Internet untuk pelbagai tujuan.</i>	H
I su	<i>Namun begitu, kekerapan penggunaan Internet telah mengakibatkan ketagihan sehingga sesetengah remaja menghadapi sindrom nomofobia.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Kesannya, prestasi akademik golongan remaja akan merosot dan dibimbangi menjejaskan masa hadapan mereka.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Sebelum nasi menjadi bubur, ibu bapa perlulah mengambil Tindakan yang wajar agar kemudahan Internet dapat dimanfaatkan dan bukannya disalahgunakan oleh anak-anak.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Pada era globalisasi ini, dunia semakin maju dan berkembang pesat berkat daripada kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi ini menjadikan golongan remaja begitu kerap mengakses Internet untuk pelbagai tujuan. Namun begitu, kekerapan penggunaan Internet telah mengakibatkan ketagihan sehingga sesetengah remaja menghadapi sindrom nomofobia. Kesannya, prestasi akademik golongan remaja akan merosot dan dibimbangi menjejaskan masa hadapan mereka. Sebelum nasi menjadi bubur, ibu bapa perlulah mengambil Tindakan yang wajar agar kemudahan Internet dapat dimanfaatkan dan bukannya disalahgunakan oleh anak-anak.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Ibu bapa harus bijak mengawal anak-anak terutama apabila mereka menggunakan pelbagai peranti pintar yang dilengkapi dengan kemudahan Internet.*

To

Ayat 2
(HU)Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)*Tanpa peraturan, anak-anak akan banyak membuang masa untuk melayari laman web hiburan dan media sosial seperti Facebook, Instagram, Tik Tok dan Youtube.*

Hu

Ayat 3
(CO)Ayat **Contoh***Ibu bapa bolehlah menghadkan masa anak-anak menggunakan perantik elektronik setiap hari dan menjalankan pemantauan secara tegas.*

Co

Ayat 4
(KE)Ayat **Kesan***Anak-anak tidak akan menjadi terlalu leka dengan hiburan sehingga sukar dikawal dan masalah tidur lewat dapat diatasi.*

Ke

Ayat 5
(P)Ayat **Penegas***Kawalan yang lebih ketat daripada ibu bapa amat penting untuk memastikan anak-anak tidak leka dengan Internet.*

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Ibu bapa harus bijak mengawal anak-anak terutama apabila mereka menggunakan pelbagai peranti pintar yang dilengkapi dengan kemudahan Internet. Hal ini dikatakan demikian kerana tanpa peraturan, anak-anak akan banyak membuang masa untuk melayari laman web hiburan dan media sosial seperti Facebook, Instagram, Tik Tok dan Youtube. Sebagai contoh, ibu bapa bolehlah menghadkan masa anak-anak menggunakan perantik elektronik setiap hari dan menjalankan pemantauan secara tegas. Kesannya, anak-anak tidak akan menjadi terlalu leka dengan hiburan sehingga sukar dikawal dan masalah tidur lewat dapat diatasi. Tegasnya, kawalan yang lebih ketat daripada ibu bapa amat penting untuk memastikan anak-anak tidak leka dengan Internet.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Ibu bapa perlu menjelaskan penggunaan Internet dan tujuan anak-anak mengakses Internet***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Menyedari manfaat sebenar Internet, anak-anak akan menggunakan kemudahan ini untuk menimba ilmu.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Anak-anak boleh menggunakan Internet untuk tujuan pembelajaran dan mencari pelbagai maklumat berkaitan dengan sesuatu topik.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Anak-anak telah terdidik dan menjadi lebih beretika ketika melayari Internet.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Peranan ibu bapa sangat penting untuk memberikan kesedaran kepada anak-anak tentang fungsi dan tujuan penggunaan Internet.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Ibu bapa yang hebat mestilah mengenakan peraturan yang tegas terhadap penggunaan Internet kepada anak-anak. Mereka perlu menjelaskan penggunaan Internet dan tujuan anak-anak mengakses Internet. Contohnya, anak-anak boleh menggunakan Internet untuk tujuan pembelajaran dan mencari pelbagai maklumat berkaitan sesuatu topik. Impaknya, anak-anak telah terdidik dan menjadi lebih beretika ketika melayari Internet. Jelaslah bahawa peranan ibu bapa sangat penting untuk mengawasi anak-anak terutama ketika mereka melayari Internet.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1 (TO)	Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi pertama) <i>Ibu bapa berperanan sebagai suri teladan kepada anak-anak dalam penggunaan Internet.</i>	To
Ayat 2 (HU)	Ayat Huraian (mengapa/sebab) <i>Anak-anak sentiasa melihat tingkah laku ibu bapa kerana ibu bapa menjadi contoh dalam setiap aspek.</i>	Hu
Ayat 3 (CO)	Ayat Contoh <i>Ibu bapa mestilah memberikan teguran dan bersikap tegas terhadap anak-anak mereka yang melayari laman web berunsur negatif seperti hiburan yang keterlaluan dan sebagainya yang boleh merosakkan akhlak mereka.</i>	Co
Ayat 4 (KE)	Ayat Kesan <i>Dengan itu, anak-anak muda akan dibimbing ke jalan yang benar berlandaskan moral dan etika.</i>	Ke
Ayat 5 (P)	Ayat Penegas <i>Jelaslah, ibu bapa mestilah menunjukkan contoh yang baik supaya anak mengikut jejak mereka untuk memanfaatkan teknologi digital ini.</i>	P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Ibu bapa berperanan sebagai suri teladan kepada anak-anak dalam penggunaan Internet. Anak-anak sentiasa melihat tingkah laku ibu bapa kerana ibu bapa menjadi contoh dalam setiap aspek. Misalnya, ibu bapa mestilah memberikan teguran dan bersikap tegas terhadap anak-anak mereka yang melayari laman web berunsur negatif seperti hiburan yang keterlaluan dan sebagainya yang boleh merosakkan akhlak mereka. Dengan itu, anak-anak muda akan dibimbing ke jalan yang benar berlandaskan moral dan etika. Jelaslah, ibu bapa mestilah menunjukkan contoh yang baik supaya anak mengikut jejak mereka untuk memanfaatkan teknologi digital ini.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Ibu bapa boleh membawa anak-anak mengunjungi pameran atau ekspo pendidikan bertemakan teknologi maklumat dan komunikasi.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Tindakan ini amat penting kerana dapat mencetuskan minat anak untuk mendalami ilmu yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa hadapan.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Anak dapat memperoleh ilmu tentang pengekodan, pengaturcaraan perisian dan e-sukan melalui pameran seperti ini.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Lebih banyak anak muda akan menceburi bidang komputer sebagai kerjaya pada masa depan.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Ibu bapa sememangnya perlu banyak meluangkan masa bersama-sama anak-anak untuk membawa mereka mengenali dunia digital melalui pelbagai pameran atau ekspo.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Seterusnya, ibu bapa boleh membawa anak-anak mengunjungi pameran atau ekspo pendidikan bertemakan teknologi maklumat dan komunikasi. Tindakan ini amat penting kerana dapat mencetuskan minat anak untuk mendalami ilmu yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa hadapan. Sebagai contoh, anak dapat memperoleh ilmu tentang pengekodan, pengaturcaraan perisian dan e-sukan melalui pameran seperti ini. Sebagai impak, lebih banyak anak muda akan menceburi bidang komputer sebagai kerjaya pada masa depan. Oleh hal yang demikian, ibu bapa sememangnya perlu banyak meluangkan masa bersama-sama anak-anak untuk membawa mereka mengenali dunia digital melalui pelbagai pameran atau ekspo.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Sebagai penutup wacana, ibu bapa memainkan peranan yang amat penting untuk mendidik anak-anak menggunakan Internet secara berhemah bagi mengelakkan mereka daripada terlibat dalam penyalahgunaan Internet.</i>
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Sehubungan dengan itu, ibu bapa perlu sentiasa tegas dan cakna tentang penggunaan Internet dalam kalangan anak.</i>
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Tuntasnya, mudah-mudahan dengan adanya intervensi daripada ibu bapa, generasi muda yang celik teknologi digital dapat dilahirkan untuk memajukan nusa tercinta.</i>

Ke

Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Sebagai penutup wacana, ibu bapa memainkan peranan yang amat penting untuk mendidik anak-anak menggunakan Internet secara berhemah bagi mengelakkan mereka daripada terlibat dalam penyalahgunaan Internet. Sehubungan dengan itu, ibu bapa perlu sentiasa tegas dan cakna tentang penggunaan Internet dalam kalangan anak. Tuntasnya, mudah-mudahan dengan adanya intervensi daripada ibu bapa, generasi muda yang celik teknologi digital dapat dilahirkan untuk memajukan nusa tercinta.



Pada era globalisasi ini, dunia semakin maju dan berkembang pesat berkat daripada kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi ini menjadikan golongan remaja begitu kerap mengakses Internet untuk pelbagai tujuan. Namun begitu, kekerapan penggunaan Internet telah mengakibatkan ketagihan sehingga sesetengah remaja menghadapi sindrom nomofobia. Kesannya, prestasi akademik golongan remaja akan merosot dan dibimbangi menjejaskan masa hadapan mereka. Sebelum nasi menjadi bubur, ibu bapa perlulah mengambil Tindakan yang wajar agar kemudahan Internet dapat dimanfaatkan dan bukannya disalahgunakan oleh anak-anak.

Ibu bapa harus bijak mengawal anak-anak terutama apabila mereka menggunakan pelbagai peranti pintar yang dilengkapi dengan kemudahan Internet. Hal ini dikatakan demikian kerana tanpa peraturan, anak-anak akan banyak membuang masa untuk melayari laman web hiburan dan media sosial seperti Facebook, Instagram, Tik Tok dan Youtube. Sebagai contoh, ibu bapa bolehlah mengehadkan masa anak-anak menggunakan perantik elektronik setiap hari dan menjalankan pemantauan secara tegas. Kesannya, anak-anak tidak akan menjadi terlalu leka dengan hiburan sehingga sukar dikawal dan masalah tidur lewat dapat diatasi. Tegasnya, kawalan yang lebih ketat daripada ibu bapa amat penting untuk memastikan anak-anak tidak leka dengan Internet.

Ibu bapa yang hebat mestilah mengenakan peraturan yang tegas terhadap penggunaan Internet kepada anak-anak. Mereka perlu menjelaskan penggunaan Internet dan tujuan anak-anak mengakses Internet. Contohnya, anak-anak boleh menggunakan Internet untuk tujuan pembelajaran dan mencari pelbagai maklumat berkaitan sesuatu topik. Impaknya, anak-anak telah terdidik dan menjadi lebih beretika ketika melayari Internet. Jelaslah bahawa peranan ibu bapa sangat penting untuk mengawasi anak-anak terutama ketika mereka melayari Internet.

Ibu bapa berperanan sebagai suri teladan kepada anak-anak dalam penggunaan Internet. Anak-anak sentiasa melihat tingkah laku ibu bapa kerana ibu bapa menjadi contoh dalam setiap aspek. Misalnya, ibu bapa mestilah memberikan teguran dan bersikap tegas terhadap anak-anak mereka yang melayari laman web berunsur negatif seperti hiburan yang keterlaluan dan sebagainya yang boleh merosakkan akhlak mereka. Dengan itu, anak-anak muda akan dibimbing ke jalan yang benar berlandaskan moral dan etika. Jelaslah, ibu bapa mestilah menunjukkan contoh yang baik supaya anak mengikut jejak mereka untuk memanfaatkan teknologi digital ini.

Seterusnya, ibu bapa boleh membawa anak-anak mengunjungi pameran atau ekspso pendidikan bertemakan teknologi maklumat dan komunikasi. Tindakan ini amat penting kerana dapat mencetuskan minat anak untuk mendalami ilmu yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa hadapan. Sebagai contoh, anak dapat memperoleh ilmu tentang pengekodan, pengaturcaraan perisian dan e-sukan melalui pameran seperti ini. Sebagai impak, lebih banyak anak muda akan menceburi bidang komputer sebagai kerjaya pada masa depan. Oleh hal yang demikian, ibu bapa sememangnya perlu banyak meluangkan masa bersama-sama anak-anak untuk membawa mereka mengenali dunia digital melalui pelbagai pameran atau ekspso.

Sebagai penutup wacana, ibu bapa memainkan peranan yang amat penting untuk mendidik anak-anak menggunakan Internet secara berhemah bagi mengelakkan mereka daripada terlibat dalam penyalahgunaan Internet. Sehubungan dengan itu, ibu bapa perlu sentiasa tegas dan cakna tentang penggunaan Internet dalam kalangan anak. Tuntasnya, mudah-mudahan dengan adanya intervensi daripada ibu bapa, generasi muda yang celik teknologi digital dapat dilahirkan untuk memajukan nusa tercinta.

(454 patah perkataan)

Remaja sering didedahkan tentang kecemerlangan akademik yang bersumberkan peperiksaan awam di Malaysia. Kebanyakan ibu bapa akan memastikan anak mereka mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik arus perdana. Hasrat kerajaan untuk menjadi sebuah negara industri akan terbantut jika masyarakat masih menganggap bidang kemahiran sebagai pendidikan bagi golongan kelas kedua. Sebenarnya, tiada perbezaan antara sistem pendidikan teknikal dan vokasional dengan akademik arus perdana. Pemikiran dangkal ini harus ditolak ke tepi kerana bidang kemahiran juga akan membantu kehidupan dan masa hadapan seseorang anak muda.

Dipetik dan diubah suai daripada
halaman 65, buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, Dewan Bahasa dan Pustaka;
Kolar Biru Bukan Kelas Rendah

Petikan di atas berkaitan dengan peluang kerjaya bagi lulusan Pendidikan teknik dan vokasional.

Huraikan sebab-sebab bidang kemahiran teknik dan vokasional menjadi salah satu pilihan kerjaya bagi anak muda kini.

CADANGAN ISI PENTING



Isi-isi penting

Menjanjikan sumber pendapatan yang lumayan.

Melahirkan tenaga profesional sehingga peringkat antarabangsa.

Mendorong anak muda hidup berdikari.

Peluang pendidikan di Malaysia.

Memajukan bidang ekonomi dan perindustrian negara.

Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	Pendidikan	T
ISU	Bidang kemahiran sebagai pilihan kerjaya	I
KEHENDAK	sebab-sebab bidang kemahiran teknik dan vokasional menjadi salah satu pilihan kerjaya bagi anak muda kini.	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	Pendidikan merupakan satu daripada aspek terpenting dalam kehidupan setiap insan.	T
H uraian Tema	Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu dan kemahiran yang kita miliki akan menjanjikan masa depan yang cerah.	H
I su	Namun begitu, walaupun bidang industri semakin penting pada hari ini, segelintir ibu bapa masih menganggap pendidikan teknik dan vokasional sebagai pendidikan untuk golongan kelas kedua.	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	Sebagai natijah, hasrat kerajaan untuk menyahut cabaran Revolusi Industri 4.0 masih belum dapat direalisasikan sepenuhnya.	N
K ehendak soalan	Sebenarnya, terdapat pelbagai sebab bidang kemahiran teknik dan vokasional menjadi salah satu pilihan kerjaya bagi anak muda kini.	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Pendidikan merupakan satu daripada aspek terpenting dalam kehidupan setiap insan. Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu dan kemahiran yang kita miliki akan menjanjikan masa depan yang cerah. Namun begitu, walaupun bidang industri semakin penting pada hari ini, segelintir ibu bapa masih menganggap pendidikan teknik dan vokasional sebagai pendidikan untuk golongan kelas kedua. Sebagai natijah, hasrat kerajaan untuk menyahut cabaran Revolusi Industri 4.0 masih belum dapat direalisasikan sepenuhnya. Sebenarnya, terdapat pelbagai sebab bidang kemahiran teknik dan vokasional menjadi salah satu pilihan kerjaya bagi anak muda kini.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Bidang kemahiran teknik dan vokasional menjadi salah satu pilihan kerjaya bagi anak muda kini kerana bidang ini menjanjikan sumber pendapatan yang lumayan.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Sektor perindustrian semakin berkembang maju di seantero dunia dan kemahiran anak muda ini dalam pelbagai bidang teknikal amat diperlukan.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Kemahiran pengendalian alat elektronik, mesin dan jentera , automobil, jahitan dan lain-lain hanya dapat dilakukan oleh mereka yang terlatih.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Mereka akan ditawarkan gaji yang lumayan oleh pihak majikan.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Jelaslah bahawa kemahiran dalam bidang teknik dan vokasional mampu memberikan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan yang lumayan.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Bidang kemahiran teknik dan vokasional menjadi salah satu pilihan kerjaya bagi anak muda kini kerana bidang ini menjanjikan sumber pendapatan yang lumayan. Hal ini dikatakan demikian kerana sektor perindustrian semakin berkembang maju di seantero dunia dan kemahiran anak muda ini dalam pelbagai bidang teknikal amat diperlukan. Sebagai contoh, kemahiran pengendalian alat elektronik, mesin dan jentera , automobil, jahitan dan lain-lain hanya dapat dilakukan oleh mereka yang terlatih. Impaknya mereka akan ditawarkan gaji yang lumayan oleh pihak majikan. Maka, jelaslah bahawa kemahiran dalam bidang teknik dan vokasional mampu memberikan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan yang lumayan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Bidang kemahiran teknik dan vokasional juga boleh melahirkan tenaga mahir profesional sehingga peringkat antarabangsa.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Anak muda yang mempunyai pelbagai kemahiran ini boleh menggunakan kemahiran mereka pada peringkat antarabangsa dalam pelbagai bidang.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Kerjaya sebagai arkitek, jurutera, juruteknik dan sebagainya di luar negara semakin banyak dipelopori oleh anak muda negara kita.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Kepelbagaian kemahiran teknik dan vokasional telah melahirkan modal insan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Anak muda yang memiliki kemahiran teknik dan vokasional diiktiraf kemahiran mereka pada peringkat antarabangsa.***P**

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain itu, bidang kemahiran teknik dan vokasional juga boleh melahirkan tenaga mahir profesional sehingga peringkat antarabangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana, anak muda yang mempunyai pelbagai kemahiran ini boleh menggunakan kemahiran mereka pada peringkat antarabangsa dalam pelbagai bidang. Contohnya, kerjaya sebagai arkitek, jurutera, juruteknik dan sebagainya di luar negara semakin banyak dipelopori oleh anak muda negara kita. Sebagai impak, kepelbagaian kemahiran teknik dan vokasional telah melahirkan modal insan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Tegasnya, anak muda yang memiliki kemahiran teknik dan vokasional diiktiraf kemahiran mereka pada peringkat antarabangsa.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1 (TO)	Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi pertama) <i>Bidang kemahiran teknologi dan vokasional boleh mendorong anak muda hidup berdikari.</i>	To
Ayat 2 (HU)	Ayat Huraian (mengapa/sebab) <i>Anak muda yang mempunyai kemahiran dalam bidang ini boleh hidup berdikari dengan berpeluang untuk menjadi usahawan tanpa mengharapkan kerja makan gaji.</i>	Hu
Ayat 3 (CO)	Ayat Contoh <i>Mereka boleh menjalankan perniagaan bengkel kereta, membuka kedai gunting rambut, mengusahakan kedai makanan malah mengurus perniagaan dalam talian.</i>	Co
Ayat 4 (KE)	Ayat Kesan <i>Mereka mampu menjadi usahawan moden yang berjaya.</i>	Ke
Ayat 5 (P)	Ayat Penegas <i>Anak muda yang mempunyai kemahiran teknik dan vokasional mampu memiliki kerjaya sendiri tanpa mengharapkan kerjaya makan gaji.</i>	P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Seterusnya, bidang kemahiran teknologi dan vokasional boleh mendorong anak muda hidup berdikari. Hal ini dikatakan demikian kerana anak muda yang mempunyai kemahiran dalam bidang ini boleh hidup berdikari dengan berpeluang untuk menjadi usahawan tanpa mengharapkan kerja makan gaji. Sebagai contoh, mereka boleh menjalankan perniagaan bengkel kereta, membuka kedai gunting rambut, mengusahakan kedai makanan malah mengurus perniagaan dalam talian. Impaknya, mereka mampu menjadi usahawan moden yang berjaya. Secara tuntas, anak muda yang mempunyai kemahiran teknik dan vokasional mampu memiliki kerjaya sendiri tanpa mengharapkan kerjaya makan gaji.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Anak muda kini memilih pendidikan kemahiran teknik dan vokasional kerana wujudnya peluang pendidikan yang banyak di Malaysia.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Murid yang berkemahiran dalam bidang teknik dan vokasional juga layak untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Kerajaan bukan sahaja telah menjenamakan sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional, malah semakin banyak bidang pengkhususan dalam teknikal dan vokasional ditawarkan di universiti.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Semua anak muda di Malaysia berpeluang mendapat pendidikan yang boleh menjamin masa depan mereka.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Pendidikan kemahiran teknik dan vokasional memberikan peluang semua murid untuk melanjutkan pelajaran.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Akhir sekali, anak muda kini memilih pendidikan kemahiran teknik dan vokasional kerana wujudnya peluang pendidikan yang banyak di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana murid yang berkemahiran dalam bidang teknik dan vokasional juga layak untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kerajaan bukan sahaja telah menjenamakan sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional, malah semakin banyak bidang pengkhususan dalam teknikal dan vokasional ditawarkan di universiti. Impaknya, semua anak muda di Malaysia berpeluang mendapat pendidikan yang boleh menjamin masa depan mereka. Sesungguhnya, pendidikan kemahiran teknik dan vokasional memberikan peluang semua murid untuk melanjutkan pelajaran.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Tuntasnya, terdapat banyak sebab bidang kemahiran teknik dan vokasional menjadi salah satu pilihan kerjaya bagi anak muda kini.</i>
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Oleh itu, mereka perlu sentiasa merebut peluang yang ada dalam pendidikan untuk menentukan kerjaya mereka mengikut kecenderungan masing-masing.</i>
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Saya berharap semoga semua anak muda di Malaysia bijak menentukan kerjaya masa depan mereka kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.</i>

Ke

Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Tuntasnya, terdapat banyak sebab bidang kemahiran teknik dan vokasional menjadi salah satu pilihan kerjaya bagi anak muda kini. Oleh itu, mereka perlu sentiasa merebut peluang yang ada dalam pendidikan untuk menentukan kerjaya mereka mengikut kecenderungan masing-masing. Saya berharap semoga semua anak muda di Malaysia bijak menentukan kerjaya masa depan mereka kerana di mana ada kemahuan di situ ada jalan.



Pendidikan merupakan satu daripada aspek terpenting dalam kehidupan setiap insan. Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu dan kemahiran yang kita miliki akan menjanjikan masa depan yang cerah. Namun begitu, walaupun bidang industri semakin penting pada hari ini, segelintir ibu bapa masih menganggap pendidikan teknik dan vokasional sebagai pendidikan untuk golongan kelas kedua. Sebagai natijah, hasrat kerajaan untuk menyahut cabaran Revolusi Industri 4.0 masih belum dapat direalisasikan sepenuhnya. Sebenarnya, terdapat pelbagai sebab bidang kemahiran teknik dan vokasional menjadi salah satu pilihan kerjaya bagi anak muda kini.

Bidang kemahiran teknik dan vokasional menjadi salah satu pilihan kerjaya bagi anak muda kini kerana bidang ini menjanjikan sumber pendapatan yang lumayan. Hal ini dikatakan demikian kerana sektor perindustrian semakin berkembang maju di seantero dunia dan kemahiran anak muda ini dalam pelbagai bidang teknikal amat diperlukan. Sebagai contoh, kemahiran pengendalian alat elektronik, mesin dan jentera, automobil, jahitan dan lain-lain hanya dapat dilakukan oleh mereka yang terlatih. Impaknya mereka akan ditawarkan gaji yang lumayan oleh pihak majikan. Maka, jelaslah bahawa kemahiran dalam bidang teknik dan vokasional mampu memberikan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan yang lumayan.

Selain itu, bidang kemahiran teknik dan vokasional juga boleh melahirkan tenaga mahir profesional sehingga peringkat antarabangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana, anak muda yang mempunyai pelbagai kemahiran ini boleh menggunakan kemahiran mereka pada peringkat antarabangsa dalam pelbagai bidang. Contohnya, kerjaya sebagai arkitek, jurutera, juruteknik dan sebagainya di luar negara semakin banyak dipelopori oleh anak muda negara kita. Sebagai impak, kepelbagaian kemahiran teknik dan vokasional telah melahirkan modal insan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Tegasnya, anak muda yang memiliki kemahiran teknik dan vokasional diiktiraf kemahiran mereka pada peringkat antarabangsa.

Seterusnya, bidang kemahiran teknologi dan vokasional boleh mendorong anak muda hidup berdikari. Hal ini dikatakan demikian kerana anak muda yang mempunyai kemahiran dalam bidang ini boleh hidup berdikari dengan berpeluang untuk menjadi usahawan tanpa mengharapkan kerja makan gaji. Sebagai contoh, mereka boleh menjalankan perniagaan bengkel kereta, membuka kedai gunting rambut, mengusahakan kedai makanan malah mengurus perniagaan dalam talian. Impaknya, mereka mampu menjadi usahawan moden yang berjaya. Secara tuntas, anak muda yang mempunyai kemahiran teknik dan vokasional mampu memiliki kerjaya sendiri tanpa mengharapkan kerjaya makan gaji.

Akhir sekali, anak muda kini memilih pendidikan kemahiran teknik dan vokasional kerana wujudnya peluang pendidikan yang banyak di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana murid yang berkemahiran dalam bidang teknik dan vokasional juga layak untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kerajaan bukan sahaja telah menjenamakan sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional, malah semakin banyak bidang pengkhususan dalam teknikal dan vokasional ditawarkan di universiti. Impaknya, semua anak muda di Malaysia berpeluang mendapat pendidikan yang boleh menjamin masa depan mereka. Sesungguhnya, pendidikan kemahiran teknik dan vokasional memberikan peluang semua murid untuk melanjutkan pelajaran.

Tuntasnya, terdapat banyak sebab bidang kemahiran teknik dan vokasional menjadi salah satu pilihan kerjaya bagi anak muda kini. Oleh itu, mereka perlu sentiasa merebut peluang yang ada dalam pendidikan untuk menentukan kerjaya mereka mengikut kecenderungan masing-masing. Saya berharap semoga semua anak muda di Malaysia bijak menentukan kerjaya masa depan mereka kerana di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

(492 patah perkataan)

“Peranan pendidikan penting dalam usaha memupuk perpaduan dan integrasi kaum. Dalam konteks Malaysia, hakikat bahawa pendidikan merupakan faktor unggul untuk membina kerakyatan yang tunggal telah lama disedari. Oleh itu, menerusi Dasar Pendidikan Kebangsaan, beberapa langkah telah diambil untuk mencapai matlamat membentuk perpaduan di negara kita.”

Sumber : Bahan daripada Internet

Petikan di atas menyatakan bahawa peranan bidang pendidikan sangat penting untuk memupuk perpaduan dan integrasi kaum. Perpaduan yang semakin longgar akan mendatangkan pelbagai implikasi negatif. Sehubungan dengan itu, pihak yang berwajib perlu memainkan peranan untuk memupuk perpaduan kaum sejak di peringkat sekolah lagi.

Jelaskan usaha-usaha untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid-murid melalui bidang pendidikan.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Perpaduan dan integrasi kaum amat penting kepada sesebuah negara.</i>	T
ISU	<i>Perpaduan yang longgar akan menimbulkan pelbagai implikasi negatif.</i>	I
KEHENDAK	<i>Pelbagai usaha dijalankan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid-murid melalui bidang pendidikan</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Perpaduan dan integrasi kaum amat penting kepada sesebuah negara yang berbilang bangsa.</i>	T
H uraian Tema	<i>Bidang pendidikan merupakan wahana utama dalam usaha memupuk perpaduan dan integrasi nasional pada peringkat awal.</i>	H
I su	<i>Namun begitu, perpaduan yang longgar akan menimbulkan pelbagai implikasi negatif.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Natijahnya, keadaan politik dan ekonomi negara tidak akan stabil sekiranya perpaduan tidak dititikberatkan.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Oleh itu, pelbagai usaha perlu diperkasakan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid-murid melalui bidang pendidikan</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Perpaduan dan integrasi kaum amat penting kepada sesebuah negara yang berbilang bangsa. Bidang pendidikan merupakan wahana utama dalam usaha memupuk perpaduan dan integrasi nasional pada peringkat awal. Namun begitu, perpaduan yang longgar akan menimbulkan pelbagai implikasi negatif. Natijahnya, keadaan politik dan ekonomi negara tidak akan stabil sekiranya perpaduan tidak dititikberatkan. Oleh itu, pelbagai usaha perlu diperkasakan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid-murid melalui bidang pendidikan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)

Antara usaha yang dominan ialah Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menitikberatkan sukatan pelajaran bertemakan perpaduan di sekolah-sekolah.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Topik-topik pelajaran bertemakan perpaduan yang menyentuh hubungan etnik dan agama dalam konteks masyarakat majmuk perlu ditekankan

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Topik-topik pelajaran berkaitan dengan perpaduan boleh diserap dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sejarah, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**

Murid-murid akan lebih menghormati adat budaya, cara hidup dan kepercayaan agama yang diamalkan oleh masyarakat majmuk di negara ini.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**

Sukatan pelajaran bertemakan perpaduan sekiranya diberikan penekanan sudah pasti dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Antara usaha yang utama ialah Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menitikberatkan sukatan pelajaran bertemakan perpaduan di sekolah-sekolah. Dalam hal ini, topik-topik pelajaran bertemakan perpaduan yang menyentuh hubungan etnik dan agama dalam konteks masyarakat majmuk perlu diberikan penekanan. Sebagai contohnya, topik-topik berkaitan dengan perpaduan boleh diserap dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sejarah, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Impaknya, murid-murid akan lebih menghormati adat budaya, cara hidup dan kepercayaan agama yang diamalkan oleh masyarakat majmuk di negara ini. Jelaslah bahawa sukatan pelajaran bertemakan perpaduan sekiranya diberikan penekanan sudah pasti dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)

Penggunaan bahasa pengantar yang sama iaitu bahasa Melayu di semua sekolah juga merupakan usaha untuk memupuk perpaduan.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Murid-murid dan guru-guru dapat berinteraksi menggunakan bahasa yang sama dan secara tidak langsung sikap saling menghormati dan memahami antara satu sama lain dapat diterapkan dalam diri mereka.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Guru-guru dan murid-murid lebih mudah berkomunikasi apabila menggunakan bahasa yang sama ketika sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**

Penggunaan satu bahasa yang sama ini secara tidak langsung sudah pasti dapat memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**

Perpaduan dalam kalangan murid sememangnya dapat dipupuk melalui penggunaan bahasa pengantar yang sama di sekolah-sekolah.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain itu, penggunaan bahasa pengantar yang sama iaitu bahasa Melayu di semua sekolah juga merupakan usaha untuk memupuk perpaduan. Dalam konteks ini, murid-murid dan guru-guru dapat berinteraksi menggunakan bahasa yang sama dan secara tidak langsung sikap saling menghormati dan memahami antara satu sama lain dapat diterapkan dalam diri mereka. Sebagai contohnya, guru-guru dan murid-murid lebih mudah berkomunikasi apabila menggunakan bahasa yang sama ketika sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Kesannya, penggunaan satu bahasa secara tidak langsung dapat memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Tegasnya, perpaduan kaum dalam kalangan murid sememangnya dapat dipupuk melalui penggunaan bahasa pengantar yang sama di sekolah-sekolah.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)

Perpaduan dalam kalangan murid-murid dapat dipupuk melalui aktiviti kokurikulum iaitu kelab persatuan, permainan dan dan badan beruniform

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Pelbagai aktiviti dapat dijalankan yang melibatkan penyertaan murid pelbagai kaum sama ada di sekolah yang sama ataupun melibatkan sekolah yang berbeza.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Sktiviti sukan dan kem muhibah yang melibatkan perkongsian budaya dan interaksi antara murid dari sekolah kebangsaan dengan murid dari sekolah jenis kebangsaan wajar diadakan.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**

Pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum pasti dapat menggalakkan mereka berkomunikasi antara satu sama lain.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**

Perpaduan dalam kalangan murid-murid dapat dipupuk melalui aktiviti kokurikulum iaitu kelab persatuan, permainan dan badan beruniform

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Di samping itu, perpaduan dalam kalangan murid-murid dapat dipupuk melalui aktiviti kokurikulum iaitu kelab persatuan, permainan dan dan badan beruniform. Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai aktiviti boleh dijalankan yang melibatkan penyertaan murid pelbagai kaum sama ada di sekolah yang sama ataupun melibatkan sekolah yang berbeza. Misalnya, aktiviti sukan dan kem muhibah yang melibatkan perkongsian budaya dan interaksi antara murid dari sekolah kebangsaan dengan murid dari sekolah jenis kebangsaan wajar diadakan. Kesannya, pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum pasti dapat menggalakkan mereka berkomunikasi antara satu sama lain. Tidak dapat dinafikan bahawa perpaduan dalam kalangan murid-murid dapat dipupuk melalui aktiviti kokurikulum iaitu kelab persatuan, permainan dan badan beruniform.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
Melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan, program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) perlu diperkukuh untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid.

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
RIMUP ialah program integrasi yang mewajibkan pelibatan murid-murid daripada pelbagai kaum dan jantina.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat **Contoh**
Program RIMUP yang boleh dijalankan di sekolah ialah sambutan perayaan dan aktiviti sukan.

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat **Kesan**
Murid-murid daripada latar belakang yang berbeza dapat bersama-sama menjayakan aktiviti yang dianjurkan dengan penuh harmoni tanpa perasaan curiga

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat **Penegas**
Jelaslah bahawa program RIMUP seperti ini sememangnya dapat memupuk perpaduan antara murid pelbagai kaum.

P**SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Seterusnya, melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan, program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) perlu diperkukuh untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid. RIMUP ialah program integrasi yang mewajibkan pelibatan murid-murid daripada pelbagai kaum dan jantina. Sebagai contohnya, program RIMUP yang boleh dijalankan di sekolah ialah sambutan perayaan dan aktiviti sukan. Impaknya, murid-murid daripada latar belakang yang berbeza dapat bersama-sama menjayakan aktiviti yang dianjurkan dengan penuh harmoni tanpa perasaan curiga. Oleh itu, jelaslah bahawa program RIMUP seperti ini sememangnya dapat memupuk perpaduan antara murid pelbagai kaum.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak yang berwajib untuk memupuk perpaduan dan integrasi kaum dalam kalangan murid.</i>	Ke
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Semua pihak sama ada guru-guru, murid-murid mahupun ibu bapa perlu bekerjasama bagai aur dengan tebing dan menyokong usaha-usaha tersebut demi memastikan matlamat yang diimpikan tercapai.</i>	Ca
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Usaha-usaha pendidikan sebegini dapat membina jati diri generasi muda daripada peringkat awal untuk mencapai matlamat perpaduan nasional yang diidam-idamkan demi kepentingan agama bangsa dan negara yang tercinta ini.</i>	Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak yang berwajib untuk memupuk perpaduan dan integrasi kaum dalam kalangan murid. Sehubungan dengan itu, semua pihak sama ada guru-guru, murid-murid mahupun ibu bapa perlu bekerjasama bagai aur dengan tebing dan menyokong usaha-usaha tersebut untuk memastikan matlamat yang diimpikan tercapai. Usaha-usaha pendidikan sebegini dapat membina jati diri generasi muda daripada peringkat awal untuk mencapai matlamat perpaduan nasional yang diidam-idamkan demi kepentingan agama bangsa dan negara yang tercinta ini.





Perpaduan dan integrasi kaum amat penting kepada sesebuah negara yang berbilang bangsa. Bidang pendidikan merupakan wahana utama dalam usaha memupuk perpaduan dan integrasi nasional pada peringkat awal. Namun begitu, perpaduan yang longgar akan menimbulkan pelbagai implikasi negatif. Natiujahnya, keadaan politik dan ekonomi negara tidak akan stabil sekiranya perpaduan tidak dititikberatkan. Oleh itu, pelbagai usaha perlu diperkasakan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid-murid melalui bidang pendidikan.

Antara usaha yang utama ialah Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menitikberatkan sukatan pelajaran bertemakan perpaduan di sekolah-sekolah. Dalam hal ini, topik-topik pelajaran bertemakan perpaduan yang menyentuh hubungan etnik dan agama dalam konteks masyarakat majmuk perlu ditekankan. Sebagai contohnya, topik-topik berkaitan dengan perpaduan boleh diserap dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sejarah, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Impaknya, murid-murid akan lebih menghormati adat budaya, cara hidup dan kepercayaan agama yang diamalkan oleh masyarakat majmuk di negara ini. Jelaslah bahawa sukatan pelajaran bertemakan perpaduan sekiranya diberikan penekanan sudah pasti dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid.

Selain itu, penggunaan bahasa pengantar yang sama iaitu bahasa Melayu di semua sekolah juga merupakan usaha untuk memupuk perpaduan. Dalam konteks ini, murid-murid dan guru-guru dapat berinteraksi menggunakan bahasa yang sama dan secara tidak langsung sikap saling menghormati dan memahami antara satu sama lain dapat diterapkan dalam diri mereka. Sebagai contohnya, guru-guru dan murid-murid lebih mudah berkomunikasi apabila menggunakan bahasa yang sama ketika sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Kesannya, penggunaan satu bahasa yang sama ini secara tidak langsung dapat memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Tegasnya, perpaduan kaum dalam kalangan murid sememangnya dapat dipupuk melalui penggunaan bahasa pengantar yang sama di sekolah-sekolah.

Di samping itu, perpaduan dalam kalangan murid-murid dapat dipupuk melalui aktiviti kokurikulum iaitu kelab persatuan, permainan dan badan beruniform. Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai aktiviti boleh dijalankan yang melibatkan penyertaan murid pelbagai kaum sama ada di sekolah yang sama ataupun melibatkan sekolah yang berbeza. Misalnya, aktiviti sukan dan kem muhibah yang melibatkan perkongsian budaya dan interaksi antara murid dari sekolah kebangsaan dengan murid dari sekolah jenis kebangsaan wajar diadakan. Kesannya, pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum pasti dapat menggalakkan mereka berkomunikasi antara satu sama lain. Tidak dapat dinafikan bahawa perpaduan dalam kalangan murid-murid dapat dipupuk melalui aktiviti kokurikulum iaitu kelab persatuan, permainan dan badan beruniform.

Seterusnya, melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan, program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) perlu diperkukuh untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid-murid. RIMUP ialah program integrasi yang mewajibkan pelibatan murid-murid daripada pelbagai kaum dan jantina. Sebagai contohnya, program RIMUP yang boleh dijalankan di sekolah ialah sambutan perayaan dan aktiviti sukan. Impaknya, murid-murid daripada latar belakang yang berbeza dapat bersama-sama menjayakan aktiviti yang dianjurkan dengan penuh harmoni tanpa perasaan curiga. Oleh itu, jelaslah bahawa program RIMUP seperti ini sememangnya dapat memupuk perpaduan antara murid pelbagai kaum.

Kesimpulannya, pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak yang berwajib untuk memupuk perpaduan dan integrasi kaum dalam kalangan murid. Sehubungan dengan itu, semua pihak sama ada guru-guru, murid-murid mahupun ibu bapa perlu bekerjasama bagi aur dengan tebing dan menyokong usaha-usaha tersebut demi memastikan matlamat yang diimpikan tercapai. Usaha-usaha pendidikan sebegini dapat membina jati diri generasi muda daripada peringkat awal demi mencapai matlamat perpaduan nasional yang diidam-idamkan untuk kepentingan agama bangsa dan negara yang tercinta ini.

(499 patah perkataan)

KOTA SAMARAHAN: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani yakin pelaksanaan program keselamatan kanak-kanak dapat diperluas dalam kadar segera dengan pelibatan semua pihak. Beliau berkata, kementeriannya memandang serius isu keselamatan kanak-kanak berikutan dengan kejadian jenayah, kecuaiian dan pengabaian membabitkan golongan ini semakin meningkat. “Perkara (keselamatan kanak-kanak) ini amat membimbangkan kita dan tindakan perlu diambil segera,” katanya. Menurutnya menerusi kempen ini, dapat memberikan kesedaran kepada semua pihak terutama ibu bapa agar sentiasa mengawasi anak-anak. Beliau berharap agar kempen ini dapat memberikan kesedaran tentang kepentingan menjaga keselamatan kanak-kanak .

Dipetik dan diubahsuai daripada Utusan Borneo *Online* 30/7/2017

Petikan di atas berkaitan dengan isu keselamatan kanak-kanak yang semakin terancam mutakhir ini sehingga membimbangkan masyarakat.

Bincangkan cara-cara yang berkesan untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Keselamatan</i>	T
ISU	<i>Keselamatan Kanak-kanak</i>	I
KEHENDAK	<i>Cara-cara yang berkesan menjaga keselamatan kanak-kanak.</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Isu keselamatan perlu diutamakan walau di mana-mana sahaja seseorang itu berada.</i>	T
H uraian Tema	<i>Keselamatan kanak-kanak, perlu dijaga untuk memastikan kanak-kanak menjalani kehidupan yang menggembirakan dan membahagiakan.</i>	H
I su	<i>Namun, dunia kanak-kanak telah terbatas akibat kes jenayah, pengabaian dan kecuaiian terhadap kanak-kanak yang semakin menular di negara kita.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Nyawa kanak-kanak yang tidak berdosa mungkin akan menjadi taruhan.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Pelbagai cara dapat dilakukan untuk memastikan keselamatan kanak-kanak terjaga dengan baiknya.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Isu keselamatan perlu diutamakan walau di mana-mana sahaja seseorang itu berada. Keselamatan kanak-kanak, perlu dijaga untuk memastikan kanak-kanak menjalani kehidupan yang menggembirakan dan membahagiakan. Namun, dunia kanak-kanak telah terbatas akibat kes jenayah, pengabaian dan kecuaiian terhadap kanak-kanak yang semakin menular di negara kita. Nyawa kanak-kanak yang tidak berdosa mungkin akan menjadi taruhan. Pelbagai cara dapat dilakukan untuk memastikan keselamatan kanak-kanak terjaga dengan baiknya.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1 (TO)	Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi pertama) <i>Cara-cara yang berkesan untuk menjaga keselamatan kanak-kanak ialah ibu bapa memberikan didikan tentang keselamatan diri.</i>	To
Ayat 2 (HU)	Ayat Huraian (mengapa/sebab) <i>pengetahuan tentang sesuatu perkara yang membahayakan amat penting diketahui oleh kanak-kanak untuk menghalang perkara negatif daripada berlaku.</i>	Hu
Ayat 3 (CO)	Ayat Contoh <i>ibu bapa menasihati anak-anak agar tidak mudah didekati oleh orang yang tidak dikenali dan mengambil apa-apa barang daripada mereka.</i>	Co
Ayat 4 (KE)	Ayat Kesan <i>anak-anak akan bersikap lebih berwaspada dan berhati-hati dalam pergerakan mereka.</i>	Ke
Ayat 5 (P)	Ayat Penegas <i>ilmu keselamatan diri yang diberikan kepada anak-anak sangat penting untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.</i>	P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Cara-cara yang berkesan untuk menjaga keselamatan kanak-kanak ialah ibu bapa memberikan anak-anak didikan tentang keselamatan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana pengetahuan tentang sesuatu perkara yang membahayakan amat penting diketahui oleh kanak-kanak untuk menghalang perkara negatif daripada berlaku. Sebagai contoh, ibu bapa menasihati anak-anak agar tidak mudah didekati oleh orang yang tidak dikenali dan mengambil apa-apa barang daripada mereka. Jelaslah, ilmu keselamatan diri yang diberikan kepada anak-anak sangat penting untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)
langkah yang seterusnya ialah pihak sekolah juga boleh mendedahkan kanak-kanak tentang seni pertahanan diri.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)
berbekalkan ilmu pertahanan diri yang dipelajari, kanak-kanak ini dapat mempraktikkan ilmu tersebut sekiranya berada dalam situasi yang membahayakan mereka.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh
seni silat, karate dan taekwondo yang dipelajari memberikan kanak-kanak ini keyakinan diri dan kekuatan fizikal yang mantap.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan
mereka akan lebih bersedia dari segi mental dan fizikal serta tidak akan cepat panik apabila berlaku sesuatu situasi yang membahayakan.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas
seni pertahanan diri merupakan cara yang berkesan untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain itu, langkah yang seterusnya ialah pihak sekolah juga boleh mendedahkan kanak-kanak tentang seni pertahanan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana berbekalkan ilmu pertahanan diri yang dipelajari, kanak-kanak ini dapat mempraktikkan ilmu tersebut sekiranya berada dalam situasi yang membahayakan mereka. Sebagai contohnya, seni silat, karate dan taekwondo yang dipelajari memberikan kanak-kanak ini keyakinan diri dan kekuatan fizikal yang mantap. Impaknya, mereka akan lebih bersedia dari segi mental dan fizikal serta tidak akan cepat panik apabila berlaku sesuatu situasi yang membahayakan. Jelasnya, seni pertahanan diri merupakan cara yang berkesan untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)
media massa berperanan untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan kanak-kanak yang sering dalam bahaya.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)
media massa merupakan medium yang berkesan untuk menyampaikan maklumat dan kesedaran kepada masyarakat.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh
media massa sewajarnya menyiarkan rancangan atau dokumentari yang berkaitan dengan isu ini.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan
masyarakat terutamanya, ibu bapa, penjaga dan pengusaha tadika akan mengambil tindakan berjaga-jaga untuk mengelakkan kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas
media massa turut memainkan peranan penting untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Seterusnya, media massa berperanan untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan kanak-kanak yang sering dalam bahaya. Hal ini dikatakan demikian kerana media massa merupakan medium yang berkesan untuk menyampaikan maklumat dan kesedaran kepada masyarakat. Sebagai contoh, media massa sewajarnya menyiarkan rancangan atau dokumentari yang berkaitan dengan isu ini. Impaknya, masyarakat terutamanya, ibu bapa, penjaga dan pengusaha tadika akan mengambil tindakan berjaga-jaga untuk mengelakkan kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah. Jelaslah, media massa turut memainkan peranan penting untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
penguatkuasaan undang-undang yang berkesan oleh pihak berkuasa merupakan langkah penting untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
hukuman yang berat berupaya untuk mengingatkan orang ramai supaya tidak menganiayai kanak-kanak dan bertindak kejam terhadap mereka.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**
mereka yang mencabuli, memperkosa, menculik dan mendera kanak-kanak perlu dijatuhi hukuman mandatori seperti penjara mandatori dan hukuman sebat.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**
hukuman maksimum ini akan menyedarkan masyarakat yang berhati binatang ini untuk tidak melakukan perbuatan zalim terhadap kanak-kanak.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**
penguatkuasaan undang-undang yang berkesan mampu menjaga keselamatan kanak-kanak.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Akhir sekali, penguatkuasaan undang-undang yang berkesan oleh pihak berkuasa merupakan langkah penting untuk menjaga keselamatan kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana hukuman yang berat berupaya untuk mengingatkan orang ramai supaya tidak menganiayai kanak-kanak dan bertindak kejam terhadap mereka. Sebagai contoh, mereka yang mencabuli, memperkosa, menculik dan mendera kanak-kanak perlu dijatuhi hukuman mandatori seperti penjara mandatori dan hukuman sebat. Impaknya, hukuman maksimum ini akan menyedarkan masyarakat yang berhati binatang ini supaya tidak melakukan perbuatan zalim terhadap kanak-kanak. Jelaslah, penguatkuasaan undang-undang yang berkesan mampu menjaga keselamatan kanak-kanak.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Kesimpulannya, terdapat pelbagai cara dapat dilaksanakan untuk mengatasi masalah keselamatan kanak-kanak.</i>	Ke
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Oleh itu, seluruh masyarakat perlulah bertanggungjawab bagi aur dengan tebing untuk melindungi kanak-kanak yang bakal menjadi pemimpin negara suatu masa nanti.</i>	Ca
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Kita mengharapkan setiap kanak-kanak akan dapat menikmati kehidupan yang membahagiakan tanpa diselubungi perasaan ketakutan dan kebimbangan dalam kehidupan.</i>	Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, terdapat pelbagai cara dapat dilaksanakan untuk mengatasi masalah keselamatan kanak-kanak. Oleh itu, seluruh masyarakat perlulah bertanggungjawab bagi aur dengan tebing untuk melindungi kanak-kanak yang bakal menjadi pemimpin negara suatu masa nanti. Kita mengharapkan setiap kanak-kanak akan dapat menikmati kehidupan yang membahagiakan tanpa diselubungi perasaan ketakutan dan kebimbangan dalam kehidupan.



Isu keselamatan perlu diutamakan walau di mana-mana sahaja seseorang itu berada. Keselamatan kanak-kanak, perlu dijaga untuk memastikan kanak-kanak menjalani kehidupan yang menggembirakan dan membahagiakan. Namun, dunia kanak-kanak telah terbatas akibat kes jenayah, pengabaian dan kecuaiian terhadap kanak-kanak yang semakin menular di negara kita. Nyawa kanak-kanak yang tidak berdosa mungkin akan menjadi taruhan. Pelbagai cara dapat dilakukan untuk memastikan keselamatan kanak-kanak terjaga dengan baiknya.

Cara-cara yang berkesan untuk menjaga keselamatan kanak-kanak ialah ibu bapa memberikan anak-anak didikan tentang keselamatan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana pengetahuan tentang sesuatu perkara yang membahayakan amat penting diketahui oleh kanak-kanak untuk menghalang perkara negatif daripada berlaku. Sebagai contoh, ibu bapa menasihati anak-anak agar tidak mudah didekati oleh orang yang tidak dikenali dan mengambil apa-apa barang daripada mereka. Jelaslah, ilmu keselamatan diri yang diberikan kepada anak-anak sangat penting untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.

Selain itu, langkah yang seterusnya ialah pihak sekolah juga boleh mendedahkan kanak-kanak tentang seni pertahanan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana berbekalkan ilmu pertahanan diri yang dipelajari, kanak-kanak ini dapat mempraktikkan ilmu tersebut sekiranya berada dalam situasi yang membahayakan mereka. Sebagai contohnya, seni silat, karate dan taekwondo yang dipelajari memberikan kanak-kanak ini keyakinan diri dan kekuatan fizikal yang mantap. Impaknya, mereka akan lebih bersedia dari segi mental dan fizikal serta tidak akan cepat panik apabila berlaku sesuatu situasi yang membahayakan. Jelasnya, seni pertahanan diri merupakan cara yang berkesan untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.

Seterusnya, media massa berperanan untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan kanak-kanak yang sering dalam bahaya. Hal ini dikatakan demikian kerana media massa merupakan medium yang berkesan untuk menyampaikan maklumat dan kesedaran kepada masyarakat. Sebagai contoh, media massa sewajarnya menyiarkan rancangan atau dokumentari yang berkaitan dengan isu ini. Impaknya, masyarakat terutamanya, ibu bapa, penjaga dan pengusaha tadika akan mengambil tindakan berjaga-jaga untuk mengelakkan kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah. Jelaslah, media massa turut memainkan peranan penting untuk menjaga keselamatan kanak-kanak.

Akhir sekali, penguatkuasaan undang-undang yang berkesan oleh pihak berkuasa merupakan langkah penting untuk menjaga keselamatan kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana hukuman yang berat berupaya untuk mengingatkan orang ramai supaya tidak menganiayai kanak-kanak dan bertindak kejam terhadap mereka. Sebagai contoh, mereka yang mencabuli, memperkosa, menculik dan mendera kanak-kanak perlu dijatuhi hukuman mandatori seperti penjara mandatori dan hukuman sebat. Impaknya, hukuman maksimum ini akan menyedarkan masyarakat yang berhati binatang ini supaya tidak melakukan perbuatan zalim terhadap kanak-kanak. Jelaslah, penguatkuasaan undang-undang yang berkesan mampu menjaga keselamatan kanak-kanak.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai cara dapat dilaksanakan untuk mengatasi masalah keselamatan kanak-kanak. Oleh itu, seluruh masyarakat perlulah bertanggungjawab bagi aur dengan tebing untuk melindungi kanak-kanak yang bakal menjadi pemimpin negara suatu masa nanti. Kita mengharapkan setiap kanak-kanak akan dapat menikmati kehidupan yang membahagiakan tanpa diselubungi perasaan ketakutan dan kebimbangan dalam kehidupan.

(441 patah perkataan)


Mungkin ramai yang tidak sedar bahawa Malaysia kini diancam masalah kepupusan serius pelbagai jenis hidupan liar sama ada flora mahupun fauna. Lebih memeranjatkan apabila terdapat beberapa spesies binatang liar yang kini dikatakan sudah pupus dan tidak lagi ditemukan di habitat asalnya di hutan simpan kekal mahupun taman negara di Malaysia termasuk banteng, badak Jawa, burung merak hijau, burung upeh, gajah Pygmy Borneo dan kucing batu. Selain itu, binatang liar lain seperti gajah, badak Sumatra, tapir, harimau Malaya, kancil, napuh, orang utan, rusa samba, beruang matahari dan beberapa spesies lain pula kini di ambang kepupusan dan sukar ditemukan di habitat semula jadi di hutan.

Dipetik dan diubah suai daripada Berita Harian, 12 April 2016

Petikan di atas menjelaskan bahawa spesies hidupan liar di Malaysia sedang diancam kepupusan. Masalah kepupusan hidupan liar ini berpunca daripada kegiatan pemburuan haram, pembakaran hutan, pembalakan haram dan pencemaran alam.

Bincangkan pernyataan di atas.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Alam Sekitar</i>	T
ISU	<i>Kepupusan Hidupan Liar</i>	I
KEHENDAK	<i>Punca Kepupusan Hidupan Liar</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Alam sekitar merupakan segala benda yang berada di sekeliling kita termasuk benda hidup dan tidak hidup.</i>	T
H uraian Tema	<i>Benda hidup termasuklah tumbuhan, hidupan liar dan sebagainya manakala benda tidak hidup pula merangkumi udara, air, iklim dan lain-lain lagi.</i>	H
I su	<i>Belakangan ini, kerap timbul isu alam sekitar yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak pencinta alam, media massa tentang isu kepupusan hidupan liar.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Hidupan liar seperti badak Jawa dan gajah Pygmy Borneo antara spesies yang dilaporkan telah mengalami kepupusan manakala hidupan liar seperti harimau Malaya dan orang utan pula antara spesies yang sedang diancam kepupusan.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Persoalannya, apakah punca-punca yang menyebabkan kepupusan hidupan liar ini?</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Alam sekitar merupakan segala benda yang berada di sekeliling kita termasuk benda hidup dan tidak hidup. Benda hidup termasuklah tumbuhan, hidupan liar dan sebagainya manakala benda tidak hidup pula merangkumi udara, air, iklim dan lain-lain lagi. Belakangan ini, kerap timbul isu alam sekitar yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak pencinta alam, media massa tentang isu kepupusan hidupan liar. Hidupan liar seperti badak Jawa dan gajah Pygmy Borneo antara spesies yang dilaporkan telah mengalami kepupusan manakala hidupan liar seperti harimau Malaya dan orang utan pula antara spesies yang sedang diancam kepupusan. Persoalannya, apakah punca-punca yang menyebabkan kepupusan hidupan liar ini?

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)
salah satu punca kepupusan hidupan ialah aktiviti pemburuan haram.

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)
haiwan-haiwan tersebut sangat bernilai dan mendapat permintaan yang tinggi.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat **C**ontoh
badak sumbu diburu untuk mendapatkan tanduknya. Gajah pula diburu untuk mendapatkan gadingnya manakala telur penyu pula diburu atas alasan dapat merawat penyakit.

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat **K**esan
populasi hidupan liar semakin berkurang saban tahun serta tidak dapat mengekalkan kemandirian spesies.

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat **P**enegas
kepupusan hidupan ini berpunca daripada aktiviti pemburuan haram.

P**SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Pada pendapat saya, salah satu punca kepupusan hidupan ialah aktiviti pemburuan haram. Hal ini terjadi demikian kerana haiwan-haiwan tersebut sangat bernilai dan permintaan yang tinggi. Misalnya, badak sumbu diburu untuk mendapatkan tanduknya. Gajah pula diburu untuk mendapatkan gadingnya manakala telur penyu pula diburu atas alasan dapat merawat penyakit. Kesannya, populasi hidupan liar semakin berkurang saban tahun serta tidak dapat mengekalkan kemandirian spesies. Jelas di sini bahawa kepupusan hidupan ini berpunca daripada aktiviti pemburuan haram.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)
punca kepupusan hidupan ini disebabkan oleh aktiviti pembakaran hutan.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)
aktiviti pembukaan tanah baharu untuk tujuan pembangunan dan ekonomi telah menyebabkan habitat terancam.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh
hutan dimusnahkan untuk membangunkan kawasan pelancongan, perumahan serta aktiviti pertanian kelapa sawit dan sayur-sayuran.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan
banyak spesies hidupan liar kemasukan habitat dan kehilangan sumber makanan yang merupakan aspek penting untuk kelangsungan hidupan liar.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas
punca kepupusan hidupan ini disebabkan oleh aktiviti pembakaran hutan yang semakin berleluasa di negara kita.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain itu, punca kepupusan hidupan ini disebabkan oleh aktiviti pembakaran hutan. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti pembukaan tanah baharu untuk tujuan pembangunan dan ekonomi telah menyebabkan habitat terancam. Misalnya, hutan dimusnahkan untuk membangunkan kawasan pelancongan, perumahan serta aktiviti pertanian kelapa sawit dan sayur-sayuran. Kesannya, banyak spesies hidupan liar kemasukan habitat dan kehilangan sumber makanan yang merupakan aspek penting untuk kelangsungan hidupan liar. Jelaslah bahawa punca kepupusan hidupan ini disebabkan oleh aktiviti pembakaran hutan yang semakin berleluasa di negara kita.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
kepuasan hidupan liar juga berpunca daripada aktiviti pembalakan haram.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
aktiviti pembalakan melibatkan aktiviti menebang pokok-pokok yang menjadi tempat tinggal dan sumber makanan pelbagai spesies hidupan liar musnah.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**
spesies balak seperti meranti, cengal dan sebagainya merupakan habitat bagi pelbagai spesies burung di samping mengimbangi suhu dan iklim hutan.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**
aktiviti pembalakan menyebabkan hidupan liar kehilangan tempat tinggalnya seterusnya pelbagai spesies hidupan liar akan lenyap di negara kita

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**
kepuasan hidupan liar juga berpunca daripada aktiviti pembalakan haram.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Seterusnya, kepupusan hidupan liar juga berpunca daripada aktiviti pembalakan haram. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti pembalakan melibatkan aktiviti menebang pokok-pokok yang menjadi tempat tinggal dan sumber makanan pelbagai spesies hidupan liar musnah. Tamsilnya, spesies balak seperti meranti, cengal dan sebagainya merupakan habitat bagi pelbagai spesies burung di samping mengimbangi suhu dan iklim hutan. Kesannya, aktiviti pembalakan menyebabkan hidupan liar kehilangan tempat tinggalnya seterusnya pelbagai spesies hidupan liar akan lenyap di negara kita. Jelaslah bahawa kepupusan hidupan liar juga berpunca daripada aktiviti pembalakan haram.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)*Akhir sekali, pencemaran alam seperti pencemaran air turut menjadi punca kepupusan hidupan liar.***To****Ayat 2
(HU)**Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)*air merupakan salah satu keperluan utama hidupan liar untuk terus hidup.***Hu****Ayat 3
(CO)**Ayat **C**ontoh*bentuk tumpahan minyak ke dalam laut, pepencemaran yang berlaku ialah mbuangan sisa toksik daripada kilang dan pembuangan sampah sarap ke dalam laut serta sungai.***Co****Ayat 4
(KE)**Ayat **K**esan*tumpahan minyak di laut menyebabkan pelbagai hidupan laut musnah manakala pembuangan sampah sarap seperti plastik akan menyebabkan haiwan mati akibat tercekik.***Ke****Ayat 5
(P)**Ayat **P**enegas*pencemaran alam seperti pencemaran air turut menjadi punca kepada kepupusan hidupan liar.***P**

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Akhir sekali, pencemaran alam seperti pencemaran air turut menjadi punca kepupusan hidupan liar. Hal ini dikatakan demikian kerana air merupakan salah satu keperluan utama hidupan liar untuk terus hidup. Antara bentuk pencemaran yang berlaku ialah tumpahan minyak ke dalam laut, pembuangan sisa toksik daripada kilang dan pembuangan sampah sarap ke dalam laut serta sungai. Kesan tumpahan minyak di laut menyebabkan pelbagai hidupan laut musnah manakala pembuangan sampah sarap seperti plastik akan menyebabkan haiwan mati akibat tercekik. Jelaslah bahawa pencemaran alam seperti pencemaran air turut menjadi punca kepada kepupusan hidupan liar.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan (<i>Tip: rujuk Ayat Kehendak</i>)	Kesimpulannya, sudah terang lagi bersuluh bahawa terdapat banyak punca yang membawa kepada kepupusan hidupan liar. Isu ini sekiranya tidak ditangani segera, mungkin semakin banyak spesies hidupan liar akan mengalami kepupusan	Ke
Cadangan (<i>Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll</i>)	Oleh itu, semua pihak sama ada kerajaan, badan bukan kerajaan, masyarakat dan pihak penguat kuasa seperti Jabatan PERHILITAN perlu berganding bahu untuk mengatasi masalah ini.	Ca
Harapan (<i>Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll</i>)	Melalui peranan yang dimainkan oleh pelbagai pihak ini diharapkan masalah ini dapat diatasi dan khazanah alam yang tidak ternilai ini dapat diwarisi kepada generasi akan datang.	Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, sudah terang lagi bersuluh bahawa terdapat banyak punca yang membawa kepada kepupusan hidupan liar. Isu ini sekiranya tidak ditangani segera, mungkin semakin banyak spesies hidupan liar akan mengalami kepupusan. Oleh itu, semua pihak sama ada kerajaan, badan bukan kerajaan, masyarakat dan pihak penguat kuasa seperti Jabatan PERHILITAN perlu berganding bahu untuk mengatasi masalah ini. Melalui peranan yang dimainkan oleh pelbagai pihak ini diharapkan masalah ini dapat diatasi dan khazanah alam yang tidak ternilai ini dapat diwarisi kepada generasi akan datang.



Alam sekitar merupakan segala benda yang berada di sekeliling kita termasuk benda hidup dan tidak hidup. Benda hidup termasuklah tumbuhan, hidupan liar dan sebagainya manakala benda tidak hidup pula merangkumi udara, air, iklim dan lain-lain lagi. Belakangan ini, kerap timbul isu alam sekitar yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak pencinta alam, media massa tentang isu kepupusan hidupan liar. Hidupan liar seperti badak Jawa dan gajah Pygmy Borneo antara spesies yang dilaporkan telah mengalami kepupusan manakala hidupan liar seperti harimau Malaya dan orang utan pula antara spesies yang sedang diancam kepupusan. Persoalannya, apakah punca-punca yang menyebabkan kepupusan hidupan liar ini?

Pada pendapat saya, salah satu punca kepupusan hidupan ialah aktiviti pemburuan haram. Hal ini terjadi demikian kerana haiwan-haiwan tersebut sangat bernilai dan permintaan yang tinggi. Misalnya, badak sumbu diburu untuk mendapatkan tanduknya. Gajah pula diburu untuk mendapatkan gadingnya manakala telur penyu pula diburu atas alasan dapat merawat penyakit. Kesannya, populasi hidupan liar semakin berkurang saban tahun serta tidak dapat mengekalkan kemandirian spesies. Jelas di sini bahawa kepupusan hidupan ini berpunca daripada aktiviti pemburuan haram.

Selain itu, punca kepupusan hidupan ini disebabkan oleh aktiviti pembakaran hutan. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti pembukaan tanah baharu untuk tujuan pembangunan dan ekonomi telah menyebabkan habitat terancam. Misalnya, hutan dimusnahkan untuk membangunkan kawasan pelancongan, perumahan serta aktiviti pertanian kelapa sawit dan sayur-sayuran. Kesannya, banyak spesies hidupan liar kemasukan habitat dan kehilangan sumber makanan yang merupakan aspek penting untuk kelangsungan hidupan liar. Jelaslah bahawa punca kepupusan hidupan ini disebabkan oleh aktiviti pembakaran hutan yang semakin berleluasa di negara kita.

Seterusnya, kepupusan hidupan liar juga berpunca daripada aktiviti pembalakan haram. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti pembalakan melibatkan aktiviti menebang pokok-pokok yang menjadi tempat tinggal dan sumber makanan pelbagai spesies hidupan liar musnah. Tamsilnya, spesies balak seperti meranti, cengal dan sebagainya merupakan habitat bagi pelbagai spesies burung di samping mengimbangi suhu dan iklim hutan. Kesannya, aktiviti pembalakan menyebabkan hidupan liar kehilangan tempat tinggalnya seterusnya pelbagai spesis hidupan liar akan lenyap di negara kita. Jelaslah bahawa kepupusan hidupan liar juga berpunca daripada aktiviti pembalakan haram..

Akhir sekali, pencemaran alam seperti pencemaran air turut menjadi punca kepupusan hidupan liar. Hal ini dikatakan demikian kerana air merupakan salah satu keperluan utama hidupan liar untuk terus hidup. Antara bentuk pencemaran yang berlaku ialah tumpahan minyak ke dalam laut, pembuangan sisa toksik daripada kilang dan pembuangan sampah sarap ke dalam laut serta sungai. Kesan tumpahan minyak di laut menyebabkan pelbagai hidupan laut musnah manakala pembuangan sampah sarap seperti plastik akan menyebabkan haiwan mati akibat tercekik. Jelaslah bahawa pencemaran alam seperti pencemaran air turut menjadi punca kepada kepupusan hidupan liar.

Kesimpulannya, sudah terang lagi bersuluh bahawa terdapat banyak punca yang membawa kepada kepupusan hidupan liar. Isu ini sekiranya tidak ditangani segera, mungkin semakin banyak spesies hidupan liar akan mengalami kepupusan Oleh itu, semua pihak sama ada kerajaan, badan bukan kerajaan, masyarakat dan pihak penguat kuasa seperti Jabatan PERHILITAN perlu berganding bahu untuk mengatasi masalah ini. Melalui peranan yang dimainkan oleh pelbagai pihak ini diharapkan masalah ini dapat diatasi dan khazanah alam yang tidak ternilai ini dapat diwarisi kepada generasi akan datang.

(485 patah perkataan)

Pelancongan Gastronomi


Tujuan aktiviti melancong bermacam-macam. Ada yang melancong untuk merehatkan minda dan tubuh badan. Ada yang melancong untuk memperkaya pengetahuan dan pengalaman. Ada pula yang melancong untuk meluaskan pandangan dan pelbagai lagi tujuan. Namun kali ini, saya akan membawa anda melancong untuk menikmati makanan. Pelancongan gastronomi yang popular di Terengganu misalnya Kuala Terengganu yang terkenal dengan keropok lekor, nasi dagang dan laksa Terengganu.

Sumber: Buku Teks Tingkatan 4, Malaysia Syurga Makanan, halaman 72

Petikan tersebut menggambarkan tujuan pelancongan di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, berikan pendapat anda berkaitan dengan usaha mempromosi destinasi pelancongan yang terdapat di Malaysia.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Destinasi pelancongan Malaysia sangat unik dan menarik</i>	T
ISU	<i>Malaysia mempunyai destinasi pelancongan yang istimewa</i>	I
KEHENDAK	<i>Usaha-usaha mempromosikan destinasi pelancongan yang terdapat di Malaysia</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Destinasi pelancongan Malaysia sangat unik dan menarik.</i>	T
H uraian Tema	<i>Terdapat pelbagai tarikan yang berbeza-beza antara satu destinasi pelancongan dengan destinasi yang lain.</i>	H
I su	<i>Malaysia mempunyai destinasi pelancongan yang istimewa</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Namun, ciri-ciri keistimewaan sesebuah destinasi pelancongan kurang dipromosikan dalam kalangan masyarakat khususnya.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Oleh itu, usaha yang berterusan perlu dilakukan untuk mempromosikan destinasi pelancongan yang terdapat di Malaysia</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Destinasi pelancongan Malaysia sangat unik dan menarik. Terdapat pelbagai tarikan yang berbeza-beza antara satu destinasi pelancongan dengan destinasi yang lain. Malaysia mempunyai destinasi pelancongan yang istimewa. Namun, ciri-ciri keistimewaan sesebuah destinasi pelancongan kurang dipromosikan dalam kalangan masyarakat khususnya. Oleh itu, usaha yang berterusan perlu dilakukan untuk mempromosikan destinasi pelancongan yang terdapat di Malaysia.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)

Usaha yang perlu dilaksanakan untuk mempromosikan industri pelancongan ialah pihak kerajaan memperkenalkan produk pelancongan baharu yang dapat menarik minat para pengunjung.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Banyak produk pelancongan yang wajar diterokai oleh pihak yang terlibat.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Kuala Terengganu yang terkenal dengan keropok lekor, nasi dagang dan laksa Terengganu perlu diuar-uarkan kepada para pelancong.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**

Pelancong wajar diberi peluang untuk menikmati kelazatan pelbagai jenis makanan masyarakat tempatan agar industri pelancongan negara terus berkembang.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**

Usaha kerajaan memperkenalkan produk pelancongan baharu dapat mempromosikan sektor berkenaan kepada masyarakat dunia.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Pada pendapat saya, antara usaha yang perlu dilaksanakan untuk mempromosikan industri pelancongan ialah pihak kerajaan memperkenalkan produk pelancongan baharu yang dapat menarik minat para pengunjung. Banyak produk pelancongan yang wajar diterokai oleh pihak yang terlibat. Sebagai contohnya, Kuala Terengganu yang terkenal dengan keropok lekor, nasi dagang dan laksa Terengganu perlu diuar-uarkan kepada para pelancong. Pelancong wajar diberi peluang untuk menikmati kelazatan pelbagai jenis makanan masyarakat tempatan agar industri pelancongan negara terus berkembang. Jadi, usaha kerajaan memperkenalkan produk pelancongan baharu dapat mempromosikan sektor berkenaan kepada masyarakat dunia.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)

Selain itu, pelbagai pihak dapat memperkenalkan destinasi pelancongan tempatan dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Sebagai pengguna Internet, saya juga berpeluang menyebarkan maklumat dan butiran lanjut pelancongan di Malaysia.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Sebagai contohnya, saya boleh berkongsi pengalaman mengunjungi Muzium Marin Labuan dalam ruangan Facebook atau Instagram supaya pengguna Internet yang lain dapat mengetahui keistimewaan muzium tersebut di samping mengunjungi portal rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya..

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**

Natijahnya, promosi yang ligat dan giat dijalankan secara digital dapat memastikan penyebaran secara berkesan bagi semua informasi pelancongan seterusnya menarik pelancong untuk bertandang ke Malaysia.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**

Benarlah bahawa industri pelancongan akan lebih terserlah apabila kerajaan, pihak swasta mahupun individu mempromosikan keunikan destinasi pelancongan di Malaysia melalui teknologi maklumat dan komunikasi

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain itu, pelbagai pihak dapat memperkenalkan destinasi pelancongan tempatan dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. Sebagai pengguna Internet, saya berpeluang menyebarkan maklumat dan butiran lanjut pelancongan di Malaysia. Sebagai contohnya, saya boleh berkongsi pengalaman mengunjungi Muzium Marin Labuan dalam ruangan Facebook atau Instagram supaya pengguna Internet yang lain dapat mengetahui keistimewaan muzium tersebut di samping mengunjungi portal rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Natijahnya, promosi yang ligat dan giat dijalankan secara digital dapat memastikan penyebaran secara berkesan bagi semua informasi pelancongan seterusnya menarik pelancong untuk bertandang ke Malaysia. Benarlah bahawa industri pelancongan akan lebih terserlah apabila kerajaan, pihak swasta mahupun individu mempromosikan keunikan destinasi pelancongan di Malaysia melalui teknologi maklumat dan komunikasi.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)

Seterusnya, langkah untuk mempromosikan sektor pelancongan negara ini adalah dengan mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia dengan lebih berkesan.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)

Kempen Tahun Melawat berperanan untuk menggalakkan pelancong datang ke negara kita kerana kempen ini menyediakan pelbagai acara yang menarik minat pelancong.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh

Misalnya, pelbagai acara kebudayaan pelbagai kaum dipersembahkan untuk para pelancong bersempena sambutan Hari Kemerdekaan.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan

Impaknya, keunikan satu-satu destinasi pelancongan dapat disebarkan untuk menarik pelancong datang berkunjung

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas

Jelaslah, kempen Tahun Melawat Malaysia dapat meningkatkan sektor pelancongan di negara kita.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Seterusnya, langkah untuk mempromosikan sektor pelancongan negara ini adalah dengan mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia dengan lebih berkesan. Kempen Tahun Melawat berperanan untuk menggalakkan pelancong datang ke negara kita kerana kempen ini menyediakan pelbagai acara yang menarik minat pelancong. Misalnya, pelbagai acara kebudayaan pelbagai kaum dipersembahkan untuk para pelancong bersempena sambutan Hari Kemerdekaan. Impaknya, keunikan satu-satu destinasi pelancongan dapat disebarkan untuk menarik pelancong datang berkunjung. Jelaslah, kempen Tahun Melawat Malaysia dapat meningkatkan sektor pelancongan di negara kita.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)

Kerajaan wajar memperlengkap kemudahan pengangkutan dan komunikasi yang ada untuk memudahkan pelancong sampai ke destinasi yang akan dituju

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)

Kemudahan pengangkutan dan perhubungan penting kerana pelancong yang berkunjung ke sesebuah negara ingin akan keselesaan dan ketenangan

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh

Misalnya, kerajaan harus menambah kemudahan perkhidmatan bot atau feri dari tanah besar ke beberapa buah pulau di sekitar Laut China Selatan untuk memudahkan pelancong menikmati keindahan alam semula jadi

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan

Impaknya, destinasi pelancongan seperti Pulau Sipadan pasti menjadi tarikan popular dalam kalangan pelancong

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas

Natijahnya, industri pelancongan negara akan semakin berkembang di pelosok dunia

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Kerajaan wajar memperlengkap kemudahan pengangkutan dan komunikasi yang ada untuk memudahkan pelancong sampai ke destinasi yang akan dituju. Kemudahan pengangkutan dan perhubungan penting kerana pelancong yang berkunjung ke sesebuah negara ingin akan keselesaan dan ketenangan. Misalnya, kerajaan harus menambah kemudahan perkhidmatan bot atau feri dari tanah besar ke beberapa buah pulau di sekitar Laut China Selatan untuk memudahkan pelancong menikmati keindahan alam semula jadi. Impaknya, destinasi pelancongan seperti Pulau Sipadan pasti menjadi tarikan popular dalam kalangan pelancong. Natijahnya, industri pelancongan negara akan semakin berkembang di pelosok dunia.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah yang dapat dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan sektor pelancongan di negara kita</i>	Ke
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Semua pihak hendaklah tampil dan menunjukkan iltizam yang tinggi untuk membantu kerajaan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang hebat, bak kata pepatah kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya</i>	Ca
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Kerjasama dan kesungguhan semua pihak yang terbabit akan menonjolkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang terkenal di dunia.</i>	Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah yang dapat dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan sektor pelancongan di negara kita. Semua pihak hendaklah tampil dan menunjukkan iltizam yang tinggi untuk membantu kerajaan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang hebat, bak kata pepatah kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Kerjasama dan kesungguhan semua pihak yang terbabit akan menonjolkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang terkenal di dunia.





Destinasi pelancongan Malaysia sangat unik dan menarik. Terdapat pelbagai tarikan yang berbeza-beza antara satu destinasi pelancongan dengan destinasi yang lain. Malaysia mempunyai destinasi pelancongan yang istimewa. Namun, ciri-ciri keistimewaan sesebuah destinasi pelancongan kurang dipromosikan dalam kalangan masyarakat khususnya. Oleh itu, usaha yang berterusan perlu dilakukan untuk mempromosikan destinasi pelancongan yang terdapat di Malaysia.

Pada pendapat saya, antara usaha yang perlu dilaksanakan untuk mempromosikan industri pelancongan ialah pihak kerajaan memperkenalkan produk pelancongan baharu yang dapat menarik minat para pengunjung. Banyak produk pelancongan yang wajar diterokai oleh pihak yang terlibat. Sebagai contohnya, Kuala Terengganu yang terkenal dengan keropok lekor, nasi dagang dan laksa Terengganu perlu diuar-uarkan kepada para pelancong. Pelancong wajar diberi peluang untuk menikmati kelazatan pelbagai jenis makanan masyarakat tempatan agar industri pelancongan negara terus berkembang. Jadi, usaha kerajaan memperkenalkan produk pelancongan baharu dapat mempromosikan sektor berkenaan kepada masyarakat dunia.

Selain itu, pelbagai pihak dapat memperkenalkan destinasi pelancongan tempatan dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. Sebagai pengguna Internet, saya berpeluang menyebarkan luas maklumat dan butiran lanjut pelancongan di Malaysia. Sebagai contohnya, saya boleh berkongsi pengalaman mengunjungi Muzium Marin Labuan dalam ruangan Facebook atau Instagram supaya pengguna Internet yang lain dapat mengetahui keistimewaan muzium tersebut di samping mengunjungi portal rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Natijahnya, promosi yang ligat dan giat dijalankan secara digital dapat memastikan penyebaran secara berkesan bagi semua informasi pelancongan seterusnya menarik pelancong untuk bertandang ke Malaysia. Benarlah bahawa industri pelancongan akan lebih terserlah apabila kerajaan, pihak swasta mahupun individu mempromosikan keunikan destinasi pelancongan di Malaysia melalui teknologi maklumat dan komunikasi.

Seterusnya, langkah untuk mempromosikan sektor pelancongan negara ini adalah dengan mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia dengan lebih berkesan. Kempen Tahun Melawat berperanan untuk menggalakkan pelancong datang ke negara kita kerana kempen ini menyediakan pelbagai acara yang menarik minat pelancong. Misalnya, pelbagai acara kebudayaan pelbagai kaum dipersembahkan untuk para pelancong bersempena sambutan Hari Kemerdekaan. Impaknya, keunikan satu-satu destinasi pelancongan dapat disebarkan untuk menarik pelancong datang berkunjung. Jelaslah, kempen Tahun Melawat Malaysia dapat meningkatkan sektor pelancongan di negara kita.

Kerajaan wajar memperlengkap kemudahan pengangkutan dan komunikasi yang ada untuk memudahkan pelancong sampai ke destinasi yang akan dituju. Kemudahan pengangkutan dan perhubungan penting kerana pelancong yang berkunjung ke sesebuah negara ingin akan keselesaan dan ketenangan. Misalnya, kerajaan harus menambah kemudahan perkhidmatan bot atau feri dari tanah besar ke beberapa buah pulau di sekitar Laut China Selatan untuk memudahkan pelancong menikmati keindahan alam semula jadi. Impaknya, destinasi pelancongan seperti Pulau Sipadan pasti menjadi tarikan popular dalam kalangan pelancong. Natijahnya, industri pelancongan negara akan semakin berkembang di pelosok dunia.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah yang dapat dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan sektor pelancongan di negara kita. Semua pihak hendaklah tampil dan menunjukkan iltizam yang tinggi untuk membantu kerajaan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang hebat, bak kata pepatah kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Kerjasama dan kesungguhan semua pihak yang terbabit akan menonjolkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang terkenal di dunia.

(480 patah perkataan)

Dengan pengenalan e-dompet yang semakin mendapat sambutan ramai dewasa ini, salah satu isu yang sentiasa dititikberatkan oleh pengguna ialah yang berkaitan dengan keselamatan data peribadi. Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pengurusan Rekod, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor, Dr Mohd Nizam Yunus berkata, bagi setiap sistem atau aplikasi yang dibangunkan, pastinya kita akan mengambil kira soal keselamatan data bagi mengelakkan data daripada disalahgunakan atau dicuri pihak tertentu. Beliau berkata, bagi mana-mana sistem atau aplikasi kelemahan tertentu seperti pencerobohan dan sebagainya pasti ada. Namun, beliau percaya penyelia sistem itu sudah bersedia dengan semua kemungkinan dan sentiasa memberikan keutamaan untuk menyediakan perlindungan data peribadi pengguna.

Dipetik dan diubah suai daripada Sinar Harian, 3 Februari 2020

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa penggunaan e-dompet semakin meluas dalam kalangan masyarakat. Namun timbul isu berkenaan dengan tahap keselamatan penggunaan e-dompet ini kerana sering kali diuar-uarkan dalam media tentang isu seperti penipuan dan kecurian maklumat.

Huraikan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pengguna e-dompet bagi memastikan penggunaan e-dompet dalam keadaan yang selamat.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Keselamatan</i>	T
ISU	<i>Penggunaan E-Dompot (Topik Buku Teks Halaman 140, “Berbelanja Tanpa Waswas”</i>	I
KEHENDAK	<i>Langkah-langkah memastikan keselamatan penggunaan e-dompot</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Keselamatan merupakan salah satu keperluan dalam kehidupan manusia di samping makanan, minuman dan tempat tinggal.</i>	T
H uraian Tema	<i>Pada era globalisasi ini, keselamatan siber juga perlu diberi keutamaan.</i>	H
I su	<i>Sehubungan dengan itu, pada era globalisasi ini, kita mendapati penggunaan e-dompot semakin meluas dalam kalangan masyarakat kita.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Namun begitu, walaupun pada hari ini penggunaan penggunaan e-dompot sangat memudahkan kehidupan seharian masyarakat, timbul pula isu berkenaan dengan masalah keselamatan penggunaan e-dompot.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Terdapat beberapa langkah keselamatan yang boleh diambil oleh pengguna e-dompot bagi memastikan e-dompot selamat digunakan.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Keselamatan merupakan salah satu keperluan dalam kehidupan manusia di samping makanan, minuman dan tempat tinggal. Pada era globalisasi ini, keselamatan siber juga perlu diberi keutamaan. Sehubungan dengan itu, pada era globalisasi ini, kita mendapati penggunaan e-dompot semakin meluas dalam kalangan masyarakat kita. Namun begitu, walaupun pada hari ini penggunaan e-dompot sangat memudahkan kehidupan seharian masyarakat, timbul pula isu berkenaan dengan masalah keselamatan penggunaan e-dompot. Terdapat beberapa langkah keselamatan yang boleh diambil oleh pengguna e-dompot bagi memastikan e-dompot selamat digunakan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
keselamatan ketika menggunakan e-dompet ialah pengguna e-dompet sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet pada setiap masa.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
apabila kita mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet, maka telefon pintar kita tidak akan dapat dibuka atau diakses sewenang-wenangnya.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**
kita boleh menggunakan sentuhan Identiti Biometrik pada telefon kita dan menetapkan kata kunci pada aplikasi e-dompet yang kita guna.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**
kehilangan wang dapat dicegah sekiranya berlaku kecurian pada telefon kita.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**
salah satu langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompet adalah dengan sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet pada setiap masa.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Salah satu langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompet ialah pengguna e-dompet sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet pada setiap masa. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila kita mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet, maka telefon pintar kita tidak akan dapat dibuka atau diakses sewenang-wenangnya. Sebagai contoh, kita boleh menggunakan sentuhan Identiti Biometrik pada telefon kita dan menetapkan kata kunci pada aplikasi e-dompet yang kita guna. Impaknya, kehilangan wang dapat dicegah sekiranya berlaku kecurian pada telefon kita. Jelaslah bahawa, salah satu langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompet adalah dengan sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet pada setiap masa.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)
langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompot ialah pengguna tidak berkongsi maklumat peribadi e-dompot kepada orang lain.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)
wujud akibat daripada terdapat sesetengah individu yang terlalu percaya kepada orang sekeliling sehingga sanggup berkongsi maklumat peribadi e-dompot kepada orang lain

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh
pengguna e-dompot tidak berkongsi maklumat seperti nama log masuk, kata laluan, nombor PIN dan nombor OTP (one time passcode).

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan
kita dapat mencegah penyalahgunaan e-dompot oleh orang lain.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas
langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompot ialah pengguna sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompot pada setiap masa.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Seterusnya, langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompot ialah pengguna tidak berkongsi maklumat peribadi e-dompot kepada orang lain. Hal ini wujud akibat daripada terdapat sesetengah individu yang terlalu percaya kepada orang sekeliling sehingga sanggup berkongsi maklumat peribadi e-dompot kepada orang lain. Misalnya, pengguna e-dompot tidak berkongsi maklumat seperti nama log masuk, kata laluan, nombor PIN dan nombor OTP (one time passcode). Kesannya, kita dapat mencegah penyalahgunaan e-dompot oleh orang lain. Sudah terang lagi bersuluh bahawa langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompot ialah pengguna sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompot pada setiap masa. .

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
langkah keselamatan yang boleh dilakukan semasa menggunakan e-dompet ialah pengguna menghubungi penyedia perkhidmatan e-dompet seandainya terdapat keraguan pada sesuatu tawaran atau ganjaran.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Tindakan ini adalah untuk mengesahkan sama ada tawaran dan ganjaran yang diterima sah serta tiada maklumat tersembunyi seperti caj tambahan.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**
kita boleh menghubungi pusat khidmat pelanggan penyedia perkhidmatan e-dompet dengan cara menghantar e-mel, mendail terus atau mengisi e-borang yang terdapat dalam laman sesawang rasmi mereka.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**
kita akan faham dan jelas akan sesuatu tawaran dan ganjaran yang disediakan sebelum kita memberikan persetujuan untuk menerimanya.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**
Jelaslah di sini bahawa, langkah keselamatan ialah pengguna menghubungi penyedia perkhidmatan e-dompet seandainya terdapat keraguan.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain itu, langkah keselamatan yang boleh dilakukan semasa menggunakan e-dompet ialah pengguna menghubungi penyedia perkhidmatan e-dompet seandainya terdapat keraguan pada sesuatu tawaran atau ganjaran. Tindakan ini adalah untuk mengesahkan sama ada tawaran dan ganjaran yang diterima sah serta tiada maklumat tersembunyi seperti caj tambahan. Sebagai contohnya, kita boleh menghubungi pusat khidmat pelanggan penyedia perkhidmatan e-dompet dengan cara menghantar e-mel, mendail terus atau mengisi e-borang yang terdapat dalam laman sesawang rasmi mereka. Kesannya, kita akan faham dan jelas akan sesuatu tawaran dan ganjaran yang disediakan sebelum kita memberikan persetujuan untuk menerimanya. Jelaslah di sini bahawa, langkah keselamatan ialah pengguna menghubungi penyedia perkhidmatan e-dompet seandainya terdapat keraguan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)
langkah keselamatan yang boleh dilakukan semasa menggunakan e-dompet ialah pengguna tidak sewenang-wenangnya memberi respons atau klik pada pesanan ringkas, e-mel atau pautan yang menjanjikan hadiah wang tunai.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)
terdapat banyak penipuan dalam talian yang menggunakan kaedah menghantar mesej dan e-mel dengan menggunakan pelbagai taktik licik.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh
mereka menyamar sebagai ahli keluarga, kawan-kawan atau tokoh-tokoh tertentu bagi memperdaya pengguna e-dompet.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan
kita tidak berhati-hati, maka kesannya boleh mendatangkan kerugian wang ringgit dalam jumlah yang besar.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas
langkah keselamatan penggunaan e-dompet ialah pengguna tidak sewenang-wenangnya memberi respons dalam talian.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Akhir sekali, langkah keselamatan yang boleh dilakukan semasa menggunakan e-dompet ialah pengguna tidak sewenang-wenangnya memberi respons atau klik pada pesanan ringkas, e-mel atau pautan yang menjanjikan hadiah wang tunai. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak penipuan dalam talian yang menggunakan kaedah menghantar mesej dan e-mel dengan menggunakan pelbagai taktik licik. Misalnya, mereka menyamar sebagai ahli keluarga, kawan-kawan atau tokoh-tokoh tertentu bagi memperdaya pengguna e-dompet. Sekiranya kita tidak berhati-hati, maka kesannya boleh mendatangkan kerugian wang ringgit dalam jumlah yang besar. Jelaslah bahawa, langkah keselamatan penggunaan e-dompet ialah pengguna tidak sewenang-wenangnya memberi respons dalam talian.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Kesimpulannya, penggunaan e-dompet yang semakin mendapat sambutan pada hari ini memberi pelbagai manfaat kepada masyarakat.</i>	Ke
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Namun, masyarakat sepatutnya tidak leka sehingga memandang enteng hal-hal keselamatan penggunaan e-dompet.</i>	Ca
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Pengguna e-dompet perlu mempraktikkan segala langkah keselamatan yang telah diterangkan tadi agar isu-isu berkaitan e-dompet dapat dibendung seterusnya dapat menjamin keselamatan harta benda para penggunanya.</i>	Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, penggunaan e-dompet yang semakin mendapat sambutan pada hari ini memberi pelbagai manfaat kepada masyarakat. Namun, masyarakat sepatutnya tidak leka sehingga memandang enteng hal-hal keselamatan penggunaan e-dompet. Pengguna e-dompet perlu mempraktikkan segala langkah keselamatan yang telah diterangkan tadi agar isu-isu berkaitan e-dompet dapat dibendung seterusnya dapat menjamin keselamatan harta benda para penggunanya.



Keselamatan merupakan salah satu keperluan dalam kehidupan manusia di samping makanan, minuman dan tempat tinggal. Pada era globalisasi ini, keselamatan siber juga perlu diberi keutamaan. Sehubungan dengan itu, pada era globalisasi ini, kita mendapati penggunaan e-dompot semakin meluas dalam kalangan masyarakat kita. Namun begitu, walaupun pada hari ini penggunaan e-dompot sangat memudahkan kehidupan seharian masyarakat, timbul pula isu berkenaan dengan masalah keselamatan penggunaan e-dompot. Terdapat beberapa langkah keselamatan yang boleh diambil oleh pengguna e-dompot bagi memastikan e-dompot selamat digunakan.

Salah satu langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompot ialah pengguna e-dompot sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompot pada setiap masa. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila kita mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompot, maka telefon pintar kita tidak akan dapat dibuka atau diakses sewenang-wenangnya. Sebagai contoh, kita boleh menggunakan sentuhan Identiti Biometrik pada telefon kita dan menetapkan kata kunci pada aplikasi e-dompot yang kita guna. Impaknya, kehilangan wang dapat dicegah sekiranya berlaku kecurian pada telefon kita. Jelaslah bahawa, salah satu langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompot adalah dengan sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompot pada setiap masa.

Seterusnya, langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompot ialah pengguna tidak berkongsi maklumat peribadi e-dompot kepada orang lain. Hal ini wujud akibat daripada terdapat sesetengah individu yang terlalu percaya kepada orang sekeliling sehingga sanggup berkongsi maklumat peribadi e-dompot kepada orang lain. Misalnya, pengguna e-dompot tidak berkongsi maklumat seperti nama log masuk, kata laluan, nombor PIN dan nombor OTP (one time passcode). Kesannya, kita dapat mencegah penyalahgunaan e-dompot oleh orang lain. Sudah terang lagi bersuluh bahawa langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompot ialah pengguna sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompot pada setiap masa.

Selain itu, langkah keselamatan yang boleh dilakukan semasa menggunakan e-dompot ialah pengguna menghubungi penyedia perkhidmatan e-dompot seandainya terdapat keraguan pada sesuatu tawaran atau ganjaran. Tindakan ini adalah untuk mengesahkan sama ada tawaran dan ganjaran yang diterima sah sah serta tiada maklumat tersembunyi seperti caj tambahan. Sebagai contohnya, kita boleh menghubungi pusat khidmat pelanggan penyedia perkhidmatan e-dompot dengan cara menghantar e-mel, mendail terus atau mengisi e-borang yang terdapat dalam laman sesawang rasmi mereka. Kesannya, kita akan faham dan jelas akan sesuatu tawaran dan ganjaran yang disediakan sebelum kita memberikan persetujuan untuk menerimanya. Jelaslah di sini bahawa, langkah keselamatan ialah pengguna menghubungi penyedia perkhidmatan e-dompot seandainya terdapat keraguan.

Akhir sekali, langkah keselamatan yang boleh dilakukan semasa menggunakan e-dompot ialah pengguna tidak sewenang-wenangnya memberi respons atau klik pada pesanan ringkas, e-mel atau pautan yang menjanjikan hadiah wang tunai. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak penipuan dalam talian yang menggunakan kaedah menghantar mesej dan e-mel dengan menggunakan pelbagai taktik licik. Misalnya, mereka menyamar sebagai ahli keluarga, kawan-kawan atau tokoh-tokoh tertentu bagi memperdaya pengguna e-dompot. Sekiranya kita tidak berhati-hati, maka kesannya boleh mendatangkan kerugian wang ringgit dalam jumlah yang besar. Jelaslah bahawa, langkah keselamatan penggunaan e-dompot ialah pengguna tidak sewenang-wenangnya memberi respons dalam talian.

Kesimpulannya, penggunaan e-dompot yang semakin mendapat sambutan pada hari ini memberi pelbagai manfaat kepada masyarakat. Namun, masyarakat sepatutnya tidak leka sehingga memandang enteng hal-hal keselamatan penggunaan e-dompot. Pengguna e-dompot perlu mempraktikkan segala langkah keselamatan yang telah diterangkan tadi agar isu-isu berkaitan e-dompot dapat dibendung seterusnya dapat menjamin keselamatan harta benda para penggunaanya.

(498 patah perkataan)


Laporan PISA 2018 mendapati 6,111 orang murid berusia 15 tahun daripada 191 buah sekolah di Malaysia langsung tidak gemar membaca. Laporan tersebut turut mendapati murid hanya membaca kerana terpaksa dan bukan berasaskan minat. Buku yang digemari murid ialah buku fiksyen, bukan fiksyen dan komik. Kajian ini merumuskan bahawa 77% murid lelaki dan 58% murid perempuan hanya membaca untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

(Dipetik dan diubah suai daripada Berita Astro Awani, 19 Jun 2020)

Sumber di atas menjelaskan bahawa amalan membaca dalam kalangan murid sekolah masih berada pada tahap yang rendah.

Bincangkan aktiviti-aktiviti galakan amalan membaca dalam kalangan murid sekolah

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Amalan membaca</i>	T
ISU	<i>Minat membaca dalam kalangan murid masih rendah.</i>	I
KEHENDAK	<i>Aktiviti-aktiviti galakan membaca dalam kalangan murid sekolah</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Amalan membaca merupakan satu amalan yang mulia bertepatan dengan slogan “Membaca Jambatan Ilmu”.</i>	T
H uraian Tema	<i>Hal ini bermakna, sekiranya amalan membaca dibudayakan, pelbagai ilmu kutakhir dapat dikuasai oleh seseorang.</i>	H
I su	<i>Namun begitu, Laporan PISA 2018 mendapati 6,111 orang murid berusia 15 tahun daripada 191 sekolah di Malaysia langsung tidak gemar membaca.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Kesannya, murid-murid hanya membaca semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan atau memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Oleh sebab itu, aktiviti-aktiviti galakan amalan membaca dalam kalangan murid sekolah perlu dirancang dan dilaksanakan sebelum nasi menjadi bubur.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Amalan membaca merupakan satu amalan yang mulia bertepatan dengan slogan “Membaca Jambatan Ilmu”. Hal ini bermakna, sekiranya amalan membaca dibudayakan, pelbagai ilmu kutakhir dapat dikuasai oleh seseorang. Namun begitu, Laporan PISA 2018 mendapati 6,111 orang murid berusia 15 tahun daripada 191 sekolah di Malaysia langsung tidak gemar membaca. Kesannya, murid-murid hanya membaca semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan atau memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Oleh sebab itu, aktiviti-aktiviti galakan amalan membaca dalam kalangan murid sekolah perlu dirancang dan dilaksanakan sebelum nasi menjadi bubur.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (Nilam) perlu dipergiat dalam kalangan murid sekolah sebagai salah satu aktiviti galakan membaca.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Nilam merupakan aktiviti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memantapkan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Program i-Nilam perlu dijalankan terutamanya ketika wabak COVID-19 kian meningkat dan sekolah terpaksa ditutup.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Murid-murid masih berpeluang untuk membaca bahan bacaan yang disediakan dalam perpustakaan maya sekolah dan menulis sinopsis cerita dalam borang i-Nilam.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Program Nilam perlu dipergiat sebagai salah satu langkah galakan amalan membaca dalam kalangan murid sekolah.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Pertama, Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (Nilam) perlu dipergiat dalam kalangan murid sekolah sebagai salah satu aktiviti galakan membaca. Hal ini dikatakan demikian kerana Nilam merupakan aktiviti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memantapkan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah. Sebagai contoh, Program i-Nilam perlu dijalankan terutamanya ketika wabak COVID-19 kian meningkat dan sekolah terpaksa ditutup. Kesannya, murid-murid masih berpeluang untuk membaca bahan bacaan yang disediakan dalam perpustakaan maya sekolah dan menulis sinopsis cerita dalam borang i-Nilam. Tegasnya, Program Nilam perlu dipergiat sebagai salah satu langkah galakan amalan membaca dalam kalangan murid sekolah.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Pihak sekolah boleh menganjurkan pertandingan resensi buku mengikuti tahap murid sebagai salah satu aktiviti galakan membaca dalam kalangan murid.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Penganjuran pertandingan resensi buku dapat memotivasikan murid-murid untuk membaca dan menulis ulasan.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Murid akan lebih cenderung mengambil bahagian dalam pertandingan resensi buku sekiranya pihak sekolah menyediakan hadiah dan sijil penyertaan yang menarik.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Lebih banyak murid akan terlibat dan berlumba-lumba membaca dan menulis ulasan buku .***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Sudah terang lagi bersuluh bahawa penganjuran pertandingan resensi buku merupakan salah satu langkah galakan amalan membaca dalam kalangan murid sekolah.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Selain itu, pihak sekolah boleh menganjurkan pertandingan resensi buku mengikuti tahap murid sebagai salah satu aktiviti galakan membaca dalam kalangan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana penganjuran pertandingan resensi buku dapat memotivasikan murid-murid untuk membaca dan menulis ulasan. Tamsilnya, murid akan lebih cenderung mengambil bahagian dalam pertandingan resensi buku sekiranya pihak sekolah menyediakan hadiah dan sijil penyertaan yang menarik. Sebagai impak daripada aktiviti tersebut, lebih banyak murid akan terlibat dan berlumba-lumba membaca dan menulis ulasan buku. Maka, sudah terang lagi bersuluh bahawa penganjuran pertandingan resensi buku merupakan salah satu langkah galakan amalan membaca dalam kalangan murid sekolah.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)

Penganjuran bengkel motivasi Jom Membaca oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling turut merupakan salah satu aktiviti galakan membaca dalam kalangan murid..

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)

Murid memerlukan motivasi, bimbingan serta pujukan untuk menarik minat mereka agar membaca.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh

Guru-guru kaunseling boleh menjalankan bengkel tentang kemahiran bercerita berdasarkan buku cerita di luar waktu pembelajaran sebagai penggalak agar amalan membaca terus dipupuk dalam kalangan murid sekolah.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan

Pujukan dan motivasi daripada guru kaunseling akan menarik minat dan mendorong murid-murid untuk membaca bahan-bahan bercetak atau bahan dalam talian.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas

Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah wajar menganjurkan bengkel motivasi seperti Jom Membaca untuk mendorong murid-murid agar banyak membaca.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Seterusnya, penganjuran bengkel motivasi Jom Membaca oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling turut merupakan salah satu aktiviti galakan membaca dalam kalangan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana murid memerlukan motivasi, bimbingan serta pujukan untuk menarik minat mereka agar membaca. Misalnya, guru-guru kaunseling boleh menjalankan bengkel tentang kemahiran bercerita berdasarkan buku cerita di luar waktu pembelajaran sebagai penggalak agar amalan membaca terus dipupuk dalam kalangan murid sekolah. Kesannya, pujukan dan motivasi daripada guru kaunseling akan menarik minat dan mendorong murid-murid untuk membaca bahan-bahan bercetak atau bahan dalam talian. Tegasnya, Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah wajar menganjurkan bengkel motivasi seperti Jom Membaca untuk mendorong murid-murid agar banyak membaca.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Aktiviti Sudut Pidato perlu diperkasakan oleh Panitia Bahasa sebagai aktiviti galakan amalan membaca dalam kalangan murid.*

To

**Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Murid-murid berpeluang mengasah bakat pengucapan awam melalui aktiviti bacaan.*

Hu

**Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Murid berpeluang menyampaikan sinopsis bacaan buku cerita, teks pidato, syarahan , berita dan lakonan drama hasil bacaan yang teliti.*

Co

**Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Murid akan banyak membaca dan berlatih berucap dengan menggunakan bahan bacaan yang disediakan sebagai persediaan menyertai aktiviti Sudut Pidato.*

Ke

**Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Pemeriksaan aktiviti Sudut Pidato oleh Panitia Bahasa di sekolah merupakan salah satu langkah bagi menggalakkan amalan membaca dalam kalangan murid.*

P

SP:3.4.3*Contoh Perenggan Isi*

Sementara itu, aktiviti Sudut Pidato perlu diperkasakan oleh Panitia Bahasa sebagai aktiviti galakan amalan membaca dalam kalangan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana Murid-murid berpeluang mengasah bakat pengucapan awam melalui aktiviti bacaan. Contohnya, murid berpeluang menyampaikan sinopsis bacaan buku cerita, teks pidato, syarahan , berita dan lakonan drama hasil bacaan yang teliti. Impaknya, murid akan banyak membaca dan berlatih berucap dengan menggunakan bahan bacaan yang disediakan sebagai persediaan menyertai aktiviti Sudut Pidato. Tegasnya, pemeriksaan aktiviti Sudut Pidato oleh Panitia Bahasa di sekolah merupakan salah satu langkah bagi menggalakkan amalan membaca dalam kalangan murid.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Kesimpulannya, amalan membaca dalam kalangan murid sekolah harus dipupuk melalui pelbagai aktiviti yang menarik.</i>
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Oleh itu, pihak sekolah wajar memperkasakan aktiviti-aktiviti galakan membaca dalam kalangan murid sekolah agar murid-murid seronok dan bermotivasi untuk membaca.</i>
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Dengan itu, diharapkan amalan membaca dalam kalangan murid dapat disemaikan sebagai satu rutin hidup yang mendatangkan manfaat.</i>

Ke

Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, amalan membaca dalam kalangan murid sekolah harus dipupuk melalui pelbagai aktiviti yang menarik. Oleh itu, pihak sekolah wajar memperkasakan aktiviti-aktiviti galakan membaca dalam kalangan murid sekolah agar murid-murid seronok dan bermotivasi untuk membaca. Dengan itu, diharapkan amalan membaca dalam kalangan murid dapat disemaikan sebagai satu rutin hidup yang mendatangkan manfaat.



Amalan membaca merupakan satu amalan yang mulia bertepatan dengan slogan “Membaca Jambatan Ilmu”. Hal ini bermakna, sekiranya amalan membaca dibudayakan, pelbagai ilmu kutakhir dapat dikuasai oleh seseorang. Namun begitu, Laporan PISA 2018 mendapati 6,111 orang murid berusia 15 tahun daripada 191 sekolah di Malaysia langsung tidak gemar membaca. Kesannya, murid-murid hanya membaca semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan atau memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Oleh sebab itu, aktiviti-aktiviti galakan amalan membaca dalam kalangan murid sekolah perlu dirancang dan dilaksanakan sebelum nasi menjadi bubur.

Pertama, Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (Nilam) perlu dipergiat dalam kalangan murid sekolah sebagai salah satu aktiviti galakan membaca. Hal ini dikatakan demikian kerana Nilam merupakan aktiviti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memantapkan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah. Sebagai contoh, Program i-Nilam perlu dijalankan terutamanya ketika wabak COVID-19 kian meningkat dan sekolah terpaksa ditutup. Kesannya, murid-murid masih berpeluang untuk membaca bahan bacaan yang disediakan dalam perpustakaan maya sekolah dan menulis sinopsis cerita dalam borang i-Nilam. Tegasnya, Program Nilam perlu dipergiat sebagai salah satu langkah galakan amalan membaca dalam kalangan murid sekolah.

Selain itu, pihak sekolah boleh menganjurkan pertandingan resensi buku mengikut tahap murid sebagai salah satu aktiviti galakan membaca dalam kalangan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana penganjuran pertandingan resensi buku dapat memotivasikan murid-murid untuk membaca dan menulis ulasan. Tamsilnya, murid akan lebih cenderung mengambil bahagian dalam pertandingan resensi buku sekiranya pihak sekolah menyediakan hadiah dan sijil penyertaan yang menarik. Sebagai impak daripada aktiviti tersebut, lebih banyak murid akan terlibat dan berlumba-lumba membaca dan menulis ulasan buku. Maka, sudah terang lagi bersuluh bahawa penganjuran pertandingan resensi buku merupakan salah satu langkah galakan amalan membaca dalam kalangan murid sekolah.

Seterusnya, penganjuran bengkel motivasi Jom Membaca oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling turut merupakan salah satu aktiviti galakan membaca dalam kalangan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana murid memerlukan motivasi, bimbingan serta pujukan untuk menarik minat mereka agar membaca. Misalnya, guru-guru kaunseling boleh menjalankan bengkel tentang kemahiran bercerita berdasarkan buku cerita di luar waktu pembelajaran sebagai penggalak agar amalan membaca terus dipupuk dalam kalangan murid sekolah. Kesannya, pujukan dan motivasi daripada guru kaunseling akan menarik minat dan mendorong murid-murid untuk membaca bahan-bahan bercetak atau bahan dalam talian. Tegasnya, Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah wajar menganjurkan bengkel motivasi seperti Jom Membaca untuk mendorong murid-murid agar banyak membaca.

Sementara itu, aktiviti Sudut Pidato perlu diperkasakan oleh Panitia Bahasa sebagai aktiviti galakan amalan membaca dalam kalangan murid. Hal ini dikatakan demikian kerana Murid-murid berpeluang mengasah bakat pengucapan awam melalui aktiviti bacaan. Contohnya, murid berpeluang menyampaikan sinopsis bacaan buku cerita, teks pidato, syarahan, berita dan lakonan drama hasil bacaan yang teliti. Impaknya, murid akan banyak membaca dan berlatih berucap dengan menggunakan bahan bacaan yang disediakan sebagai persediaan menyertai aktiviti Sudut Pidato. Tegasnya, pemerkasaan aktiviti Sudut Pidato oleh Panitia Bahasa di sekolah merupakan salah satu langkah bagi menggalakkan amalan membaca dalam kalangan murid.

Kesimpulannya, amalan membaca dalam kalangan murid sekolah harus dipupuk melalui pelbagai aktiviti yang menarik. Oleh itu, pihak sekolah wajar memperkasakan aktiviti-aktiviti galakan membaca dalam kalangan murid sekolah agar murid-murid seronok dan bermotivasi untuk membaca. Dengan itu, diharapkan amalan membaca dalam kalangan murid dapat disemaikan sebagai satu rutin hidup yang mendatangkan manfaat.

(477 patah perkataan)

Golongan petani dan penternak sering berdepan dengan masalah hasil tanaman dan ternakan yang kurang berkualiti. Namun, melalui kajian bioteknologi yang lebih efisien telah menghasilkan penemuan baka ternakan dan benih tanaman yang bermutu, tahan rintangan serta dapat menghasilkan pengeluaran dengan banyak, cepat, dan berkualiti tinggi. Penemuan baka dan benih baharu yang lebih baik membawa harapan yang cerah kepada pengusaha sektor pertanian untuk melibatkan diri dengan lebih aktif dalam kegiatan ini.

Sumber : Internet

Petikan di atas, menerangkan kebaikan kajian bioteknologi dalam bidang pertanian dan penternakan. Kajian ini dilihat mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan petani dan penternak.

Huraikan keistimewaan kaedah bioteknologi untuk meningkatkan hasil keluaran dan pendapatan golongan petani.

CADANGAN ISI PENTING

- 1 • Bioteknologi meningkatkan hasil pertanian.
- 2 • Penggunaan baja, racun perosak, ubat-ubatan - penting
- 3 • Idea dominan bioteknologi- penggunaan baja kompos
- 4 • Bioteknologi membantu mempelbagaikan produk- kelapa sawit- marjerin-minyak



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Sains, Teknologi dan Inovasi</i>	T
ISU	<i>Hasil tanaman dan ternakan petani kurang bermutu</i>	I
KEHENDAK	<i>Kebaikan kaedah bioteknologi yang mampu meningkatkan keluaran hasil tanaman dan ternakan.</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Golongan petani dan penternak memainkan peranan penting dalam menyumbang makanan kepada masyarakat di negara ini.</i>	T
H uraian Tema	<i>Namun begitu, hasil keluaran tanaman dan ternakan masih berkurangan dan tidak mencukupi untuk rakyat jelata.</i>	H
I su	<i>Hal ini disebabkan hasil keluaran tanaman dan ternakan yang dihasilkan oleh petani tidak berkualiti dan tidak mencapai cita rasa masyarakat.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Impaknya, negara terpaksa membeli tanaman dan ternakan dari negara jiran untuk menampung kekurangan hasil pengeluaran negara ini.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Bagi mengatasi masalah ini, kaedah bioteknologi merupakan kaedah terbaik bagi meningkatkan hasil pengeluaran seterusnya meningkatkan pendapatan golongan petani dan penternak.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Golongan petani dan penternak memainkan peranan penting dalam menyumbang makanan kepada masyarakat di negara ini. Namun begitu, hasil keluaran tanaman dan ternakan masih berkurangan dan tidak mencukupi untuk rakyat jelata. Hal ini disebabkan hasil keluaran tanaman dan ternakan yang dihasilkan oleh petani tidak berkualiti dan tidak mencapai cita rasa masyarakat. Impaknya, negara terpaksa membeli tanaman dan ternakan dari negara jiran untuk menampung kekurangan hasil pengeluaran negara ini. Bagi mengatasi masalah ini, kaedah bioteknologi merupakan kaedah terbaik bagi meningkatkan hasil pengeluaran seterusnya meningkatkan pendapatan golongan petani dan penternak.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Kaedah bioteknologi ini dapat meningkatkan hasil pengeluaran bidang pertanian. Bidang pertanian sewajarnya diberi penekanan kerana struktur negara dan cuaca negara ini sesuai untuk penghasilan pertanian.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Penggunaan kaedah kultur tisu dan pengklonan berupaya mempercepat pembiakan tanaman. Kaedah pengklonan ini menghasilkan baka padi yang lebih besar, banyak dan cepat matang. Malah, cuaca negara ini yang panas dan lembab sesuai dalam menghasilkan baka tanaman yang lebih baik..***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Baka padi yang dihasilkan berupaya menahan serangan serangga dan daya tahan penyakit seperti kulat.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Penggunaan kaedah bioteknologi ini dapat mengurangkan kerugian petani dari segi serangan serangga dan kulat pokok***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Penemuan kaedah bioteknologi ini dapat meningkatkan hasil keluaran pertanian.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Pada hemat saya juga, kaedah bioteknologi ini dapat meningkatkan hasil pengeluaran bidang pertanian. Bidang pertanian sewajarnya diberi penekanan kerana struktur negara dan cuaca negara ini sesuai untuk penghasilan pertanian. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan kaedah kultur tisu dan pengklonan berupaya mempercepat pembiakan tanaman. Kaedah pengklonan ini menghasilkan baka padi yang lebih besar, banyak, dan cepat matang. Malah, cuaca negara ini yang panas dan lembab sesuai dalam menghasilkan baka tanaman yang lebih baik. Buktinya, baka padi yang dihasilkan berupaya menahan serangan serangga dan daya tahan penyakit seperti kulat. Jelaslah bahawa penggunaan kaedah bioteknologi ini dapat mengurangkan kerugian petani dari segi serangan serangga dan kulat pokok. Oleh itu jelaslah bahawa, penemuan kaedah bioteknologi ini dapat meningkatkan hasil keluaran pertanian.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)

Idea dominan bagi menyokong kaedah bioteknologi ialah melalui penemuan baja kompos.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Penghasilan baja kompos yang dilakukan secara manual atau menggunakan mesin dalam industri pertanian akan mengurangkan masalah penggunaan bahan kimia. Antara sumber bahan kompos ialah sumber haiwan, tumbuhan, bahan sisa dapur dan sumber mineral.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Bahan sisa makanan di dapur, seperti sayuran dan buah-buahan tidak perlu dibuang sebaliknya disimpan untuk dijadikan baja kompos. Hasil tanaman juga lebih sihat, besar dan tahan serangan penyakit.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**

Baja kompos yang dihasilkan lebih bermutu dan membantu pembiakan tanaman malah menjimatkan wang.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**

Penggunaan baja kompos melalui kaedah bioteknologi membantu menjimatkan wang petani untuk membeli baja .

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Idea dominan bagi menyokong kaedah bioteknologi ialah melalui penemuan baja kompos. Memang tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan baja, racun perosak, dan ubat-ubatan penting dalam industri pertanian. Penggunaan baja dan racun perosak ini lama-kelamaan akan menjejaskan kesihatan . Melalui penghasilan baja kompos yang dilakukan secara manual atau menggunakan mesin dalam industri pertanian akan mengurangkan masalah ini. Antara sumber bahan kompos ialah sumber haiwan, tumbuhan, bahan sisa dapur dan sumber mineral. Sebagai contoh, bahan sisa makanan di dapur, seperti sayuran dan buah-buahan tidak perlu dibuang sebaliknya disimpan untuk dijadikan baja kompos. Hasil tanaman juga lebih sihat, besar dan tahan serangan penyakit. Baja kompos yang dihasilkan lebih bermutu dan membantu pembiakan tanaman malah menjimatkan wang. Jelaslah bahawa, penggunaan baja kompos melalui kaedah bioteknologi membantu menjimatkan wang petani untuk membeli baja .

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)

Kaedah bioteknologi juga membantu menghasilkan pelbagai pengeluaran produk baharu makanan bagi hasil keluaran pertanian

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Negara ini yang kaya dengan keluaran minyak kelapa sawit boleh mengeluarkan produk seperti mentega dan minyak masakan. Misalnya Institut Biosains UPM telah berjaya menghasilkan ubat berjenama REMDII yang berasaskan minyak untuk merawat sakit kulit.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Kaedah bioteknologi minyak kelapa boleh menghasilkan produk baharu seperti biskut, kek, jeruk dan ubat-ubatan. Buah nanas juga boleh dibuat jus, kek, biskut dan makanan ringan.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**

Kaedah bioteknologi ini, hasil keluaran makanan dapat dipelbagaikani serta menambahkan pendapatan petani.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**

Kaedah bioteknologi ini berjaya mengeluarkan pelbagai hasil keluaran pertanian. Penemuan baharu ini memberi satu dimensi baharu kepada ekonomi negara.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Kaedah bioteknologi juga membantu menghasilkan pelbagai pengeluaran produk baharu makanan bagi hasil keluaran pertanian. Negara ini yang kaya dengan keluaran minyak kelapa sawit boleh mengeluarkan produk seperti mentega dan minyak masakan. Begitu juga dengan keluaran buah nanas yang banyak ditanam di negeri Johor. Misalnya Institut Biosains UPM telah berjaya menghasilkan ubat berjenama REMDII yang berasaskan minyak untuk merawat sakit kulit. Kaedah bioteknologi minyak kelapa ini boleh menghasilkan produk baharu seperti biskut, kek, jeruk dan ubat-ubatan. Buah nanas juga boleh dibuat jus, kek, biskut dan makanan ringan. Impaknya, melalui kaedah bioteknologi ini, hasil keluaran makanan dapat dipelbagaikani serta menambahkan pendapatan petani. Terbuktilah bahawa kaedah bioteknologi ini berjaya mengeluarkan pelbagai hasil keluaran pertanian. Penemuan baharu ini memberi satu dimensi baharu kepada ekonomi negara.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Kesimpulannya, penemuan kaedah bioteknologi ini boleh menggembirakan kehidupan petani dan penternak.</i>
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Semua pihak mestilah bekerjasama bagi aur dengan tebing demi merealisasikan hasrat negara untuk memajukan sektor pertanian dan penternakan.</i>
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Saya berharap agar kebaikan kaedah bioteknologi ini dapat meningkatkan hasil pertanian dan mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara pengeluar utama hasil pertanian dan penternakan di dunia.</i>

Ke

Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, penemuan kaedah bioteknologi ini boleh menggembirakan kehidupan petani dan penternak. Semua pihak mestilah bekerjasama bagi aur dengan tebing demi merealisasikan hasrat negara untuk memajukan sektor pertanian dan penternakan. Saya berharap agar kebaikan kaedah bioteknologi ini dapat meningkatkan hasil pertanian dan mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara pengeluar utama hasil pertanian dan penternakan di dunia.



Golongan petani dan penternak memainkan peranan penting dalam menyumbang makanan kepada masyarakat di negara ini. Namun begitu, hasil keluaran tanaman dan ternakan masih berkurangan dan tidak mencukupi untuk rakyat jelata. Hal ini disebabkan hasil keluaran tanaman dan ternakan yang dihasilkan oleh petani tidak berkualiti dan tidak mencapai cita rasa masyarakat. Impaknya, negara terpaksa membeli tanaman dan ternakan dari negara jiran untuk menampung kekurangan hasil pengeluaran negara ini. Bagi mengatasi masalah ini, kaedah bioteknologi merupakan kaedah terbaik bagi meningkatkan hasil pengeluaran seterusnya meningkatkan pendapatan golongan petani dan penternak.

Pada hemat saya juga, kaedah bioteknologi ini dapat meningkatkan hasil pengeluaran bidang pertanian. Bidang pertanian sewajarnya diberi penekanan kerana struktur negara dan cuaca negara ini sesuai untuk penghasilan pertanian. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan kaedah kultur tisu dan pengklonan berupaya mempercepat pembiakan tanaman. Kaedah pengklonan ini menghasilkan baka padi yang lebih besar, banyak, dan cepat matang. Malah, cuaca negara ini yang panas dan lembab sesuai dalam menghasilkan baka tanaman yang lebih baik. Buktinya, baka padi yang dihasilkan berupaya menahan serangan serangga dan daya tahan penyakit seperti kulat. Jelaslah bahawa penggunaan kaedah bioteknologi ini dapat mengurangkan kerugian petani dari segi serangan serangga dan kulat pokok. Oleh itu jelaslah bahawa, penemuan kaedah bioteknologi ini dapat meningkatkan hasil keluaran pertanian.

Idea dominan bagi menyokong kaedah bioteknologi ialah melalui penemuan baja kompos. Memang tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan baja, racun perosak, dan ubat-ubatan penting dalam industri pertanian. Penggunaan baja dan racun perosak ini lama-kelamaan akan menjejaskan kesihatan. Melalui penghasilan baja kompos yang dilakukan secara manual atau menggunakan mesin dalam industri pertanian akan mengurangkan masalah ini. Antara sumber bahan kompos ialah sumber haiwan, tumbuhan, bahan sisa dapur dan sumber mineral. Sebagai contoh, bahan sisa makanan di dapur, seperti sayuran dan buah-buahan tidak perlu dibuang sebaliknya disimpan untuk dijadikan baja kompos. Hasil tanaman juga lebih sihat, besar dan tahan serangan penyakit. Baja kompos yang dihasilkan lebih bermutu dan membantu pembiakan tanaman malah menjimatkan wang. Jelaslah bahawa, penggunaan baja kompos melalui kaedah bioteknologi membantu menjimatkan wang petani untuk membeli baja.

Kaedah bioteknologi juga membantu menghasilkan pelbagai pengeluaran produk baharu makanan bagi hasil keluaran pertanian. Negara ini yang kaya dengan keluaran minyak kelapa sawit boleh mengeluarkan produk seperti mentega dan minyak masakan. Begitu juga dengan keluaran buah nanas yang banyak ditanam di negeri Johor. Misalnya, Institut Biosains UPM telah berjaya menghasilkan ubat berjenama REMDII yang berasaskan minyak untuk merawat sakit kulit. Kaedah bioteknologi minyak kelapa ini boleh menghasilkan produk baharu seperti biskut, kek, jeruk dan ubat-ubatan. Buah nanas juga boleh dibuat jus, kek, biskut dan makanan ringan. Impaknya, melalui kaedah bioteknologi ini, hasil keluaran makanan dapat dipelbagaikan serta menambahkan pendapatan petani. Terbuktilah bahawa kaedah bioteknologi ini berjaya mengeluarkan pelbagai hasil keluaran pertanian. Penemuan baharu ini memberi satu dimensi baharu kepada ekonomi negara.

Kesimpulannya, penemuan kaedah bioteknologi ini boleh menggembirakan kehidupan petani dan penternak. Semua pihak mestilah bekerjasama bagai air dengan tebing demi merealisasikan hasrat negara untuk memajukan sektor pertanian dan penternakan. Saya berharap agar kebaikan kaedah bioteknologi ini dapat meningkatkan hasil pertanian dan mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara pengeluar utama hasil pertanian dan penternakan di dunia.

(495 patah perkataan)

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pengurusan Rekod, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor, Dr Mohd Nizam Yunus berkata, bagi setiap sistem atau aplikasi yang dibangunkan, pastinya akan mengambil kira soal keselamatan data untuk mengelak daripada disalah guna atau dicuri oleh pihak tertentu.


Beliau berkata, bagi mana-mana sistem atau aplikasi pastinya mempunyai kelemahan tertentu seperti pencerobohan dan sebagainya, namun beliau percaya penyelia sistem itu sudah bersedia dengan semua kemungkinan dan sentiasa memberikan keutamaan bagi menyediakan perlindungan data peribadi pengguna.

Dipetik dan diubah suai daripada Sinar Harian, 3 Februari 2020

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa penggunaan e-dompot semakin meluas dalam kalangan masyarakat. Namun, timbul isu berkenaan dengan tahap keselamatan penggunaan e-dompot ini kerana sering kali diuar-uarkan dalam media tentang isu seperti penipuan dan kecurian maklumat.

Pada pandangan anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pengguna e-dompot untuk memastikan penggunaan e-dompot dalam keadaan yang selamat.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Keselamatan</i>	T
ISU	<i>Penggunaan E-Dompot (Topik Buku Teks Halaman 140, “Berbelanja Tanpa Waswas”</i>	I
KEHENDAK	<i>Kaedah-kaedah memastikan keselamatan penggunaan e-dompot</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Keselamatan merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan manusia.</i>	T
H uraian Tema	<i>Keselamatan bukan hanya terhad kepada keselamatan nyawa sahaja namun turut melibatkan keselamatan harta benda.</i>	H
I su	<i>Pada era globalisasi ini, kita dapat melihat penggunaan e-dompot semakin meluas dalam kalangan masyarakat kita terutama ketika dunia dilanda pandemik COVID-19.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Umum mengetahui bahawa penggunaan e-dompot sangat memudahkan kehidupan seharian masyarakat. Namun, timbul isu berkenaan dengan masalah keselamatan penggunaan e-dompot. Antara isu yang selalu timbul termasuklah kehilangan wang dan penyalahgunaan data peribadi.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Oleh itu, terdapat beberapa langkah keselamatan yang dapat diambil oleh pengguna e-dompot untuk memastikan penggunaannya digunakan lebih selamat.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Keselamatan merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan manusia. Keselamatan bukan hanya terhad kepada keselamatan nyawa sahaja namun turut melibatkan keselamatan harta benda. Pada era globalisasi ini, kita dapat melihat penggunaan e-dompot semakin meluas dalam kalangan masyarakat kita terutama ketika dunia dilanda pandemik COVID-19. Umum mengetahui bahawa penggunaan e-dompot sangat memudahkan kehidupan seharian masyarakat. Namun, timbul isu berkenaan dengan masalah keselamatan penggunaan e-dompot. Antara isu yang selalu timbul termasuklah kehilangan wang dan penyalahgunaan data peribadi. Oleh itu, terdapat beberapa langkah keselamatan yang dapat diambil oleh pengguna e-dompot untuk memastikan penggunaannya lebih selamat.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Salah satu langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompet adalah dengan sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet anda pada setiap masa.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Apabila kita mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet maka telefon pintar kita tidak akan dibuka oleh orang lain. Tambahan pula, aplikasi e-dompet kita juga tidak akan dapat diakses sewenang-wenangnya oleh pihak lain.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Kita dapat menggunakan sentuhan Identiti Biometrik pada telefon kita dan menetapkan kata kunci pada aplikasi e-dompet yang kita gunakan.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Kehilangan wang dapat dicegah sekiranya berlaku kecurian pada telefon kita.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Salah satu langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompet adalah dengan sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet anda pada setiap masa.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Salah satu langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompet adalah dengan sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet anda pada setiap masa. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila kita mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet maka telefon pintar kita tidak akan dibuka oleh orang lain. Lantaran itu, aplikasi e-dompet kita juga tidak akan dapat diakses sewenang-wenangnya oleh pihak lain. Sebagai contoh, kita dapat menggunakan sentuhan Identiti Biometrik pada telefon kita dan menetapkan kata kunci pada aplikasi e-dompet yang kita gunakan. Impaknya, kehilangan wang dapat dicegah sekiranya berlaku kecurian pada telefon kita. Jelaslah bahawa salah satu langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompet adalah dengan sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet anda pada setiap masa.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
Langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompet adalah dengan tidak berkongsi maklumat peribadi e-dompet kita dengan orang lain.

To

**Ayat 2
(HU)**

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)
Sesetengah individu yang terlalu percaya kepada orang sekeliling sehingga sanggup berkongsi maklumat peribadi e-dompet dengan orang lain

Hu

**Ayat 3
(CO)**

Ayat **Contoh**
Tidak berkongsi maklumat seperti nama log masuk, kata laluan, nombor PIN dan nombor OTP(one time passcode).

Co

**Ayat 4
(KE)**

Ayat **Kesan**
Kita dapat mencegah penyalahgunaan e-dompet kita oleh orang lain.

Ke

**Ayat 5
(P)**

Ayat **Penegas**
Langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompet adalah dengan sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet anda pada setiap masa.

P

SP:3.4.3*Contoh Perenggan Isi*

Seterusnya, langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompet adalah dengan tidak berkongsi maklumat peribadi e-dompet kita dengan orang lain. Hal ini disebabkan terdapat sesetengah individu yang terlalu percaya orang di sekelilingnya sehingga sanggup berkongsi maklumat peribadi e-dompet dengan orang lain. Sebagai misalnya, tidak berkongsi maklumat seperti nama log masuk, kata laluan, nombor PIN dan nombor OTP(one time passcode). Kesannya, kita dapat mencegah penyalahgunaan e-dompet kita oleh orang lain. Sudah terang lagi bersuluh bahawa langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompet adalah dengan sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompet anda pada setiap masa.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi pertama)
Langkah keselamatan yang dapat dilakukan semasa menggunakan e-dompet adalah dengan menghubungi penyedia perkhidmatan e-dompet anda seandainya terdapat keraguan pada sesuatu tawaran atau ganjaran.

To

**Ayat 2
(HU)**

Ayat Huraian (mengapa/sebab)
Untuk mengesahkan sama ada tawaran dan ganjaran yang diterima sah serta tiada maklumat tersembunyi seperti caj tambahan.

Hu

**Ayat 3
(CO)**

Ayat Contoh
Kita boleh menghubungi pusat khidmat pelanggan penyedia perkhidmatan e-dompet dengan cara menghantar e-mel, mendail terus atau mengisi e-borang yang terdapat dalam laman sesawang rasmi mereka.

Co

**Ayat 4
(KE)**

Ayat Kesan
Kita akan memahami dengan jelas tentang sesuatu tawaran dan ganjaran yang disediakan sebelum kita memberikan persetujuan untuk menerimanya.

Ke

**Ayat 5
(P)**

Ayat Penegas
Langkah keselamatan yang dapat dilakukan semasa menggunakan e-dompet adalah dengan menghubungi penyedia perkhidmatan e-dompet anda seandainya terdapat keraguan pada sesuatu tawaran atau ganjaran.

P

SP:3.4.3*Contoh Perenggan Isi*

Selain itu, langkah keselamatan yang dapat dilakukan semasa menggunakan e-dompet adalah dengan menghubungi penyedia perkhidmatan e-dompet anda seandainya terdapat keraguan pada sesuatu tawaran atau ganjaran. Hal ini bertujuan untuk mengesahkan sama ada tawaran dan ganjaran yang diterima sah serta tiada maklumat tersembunyi seperti caj tambahan. Sebagai contohnya, kita boleh menghubungi pusat khidmat pelanggan penyedia perkhidmatan e-dompet dengan cara menghantar e-mel, mendail terus atau mengisi e-borang yang terdapat dalam laman sesawang rasmi mereka. Kesannya, kita akan dapat memahami dengan jelasnya akan sesuatu tawaran dan ganjaran yang disediakan sebelum kita memberikan persetujuan untuk menerimanya. Jelaslah di sini bahawa langkah keselamatan yang dapat dilakukan semasa menggunakan e-dompet adalah dengan menghubungi penyedia perkhidmatan e-dompet anda seandainya terdapat keraguan pada sesuatu tawaran atau ganjaran.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)**Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Langkah keselamatan yang boleh dilakukan semasa menggunakan e-dompet adalah dengan tidak sewenang-wenangnya memberikan respons atau klik pada pesanan ringkas, e-mel atau pautan yang menjanjikan hadiah wang tunai.*

To

Ayat 2
(HU)**Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Terdapat banyak penipuan dalam talian yang menggunakan kaedah menghantar mesej dan e-mel dengan menggunakan pelbagai taktik licik.*

Hu

Ayat 3
(CO)**Ayat Contoh***Mereka menyamar sebagai ahli keluarga, kawan-kawan atau tokoh-tokoh tertentu bagi memperdayakan pengguna e-dompet. Mereka juga turut menggunakan taktik seperti tawaran hadiah dan menggunakan alasan mengutip derma untuk kebajikan masyarakat.*

Co

Ayat 4
(KE)**Ayat Kesan***Sekiranya kita tidak berhati-hati akibatnya kita akan mengalami kerugian wang ringgit dalam jumlah yang besar.*

Ke

Ayat 5
(P)**Ayat Penegas***Langkah keselamatan yang dapat dilakukan semasa menggunakan e-dompet adalah dengan tidak sewenang-wenangnya memberikan respons atau klik pada pesanan ringkas, e-mel atau pautan yang menjanjikan hadiah wang tunai.*

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Akhir sekali, langkah keselamatan yang boleh dilakukan semasa menggunakan e-dompet adalah dengan tidak sewenang-wenangnya memberikan respons atau klik pada pesanan ringkas, e-mel atau pautan yang menjanjikan hadiah wang tunai. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak penipuan dalam talian yang menggunakan kaedah menghantar mesej dan e-mel dengan menggunakan pelbagai taktik licik. Sebagai misalnya, mereka menyamar sebagai ahli keluarga, kawan-kawan atau tokoh-tokoh tertentu bagi memperdayakan pengguna e-dompet. Mereka juga turut menggunakan taktik seperti tawaran hadiah dan menggunakan alasan mengutip derma untuk kebajikan masyarakat. Dalam hal ini, sekiranya kita tidak berhati-hati akibatnya kita akan mengalami kerugian wang ringgit dalam jumlah yang besar. Jelaslah bahawa langkah keselamatan yang dapat dilakukan semasa menggunakan e-dompet adalah dengan tidak sewenang-wenangnya memberikan respons atau klik pada pesanan ringkas, e-mel atau pautan yang menjanjikan hadiah wang tunai.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Kesimpulannya</i> , penggunaan e-dompet yang semakin mendapat sambutan pada hari ini memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat. Namun, masyarakat sepatutnya tidak leka sehingga memandang enteng hal-hal keselamatan penggunaan e-dompet.
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Oleh itu</i> , masyarakat perlulah mengambil langkah-langkah mencegah lebih baik daripada mengubati semasa menggunakan e-dompet ini supaya kita tidak rugi pada kemudian hari.
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Sekiranya</i> pengguna e-dompet dapat mempraktikkan segala langkah keselamatan yang telah diterangkan pastinya isu-isu yang berkaitan dengan e-dompet dapat dibendung seterusnya dapat menjamin keselamatan harta benda para penggunanya.

Ke

Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, penggunaan e-dompet yang semakin mendapat sambutan pada hari ini memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat. Namun, masyarakat sepatutnya tidak leka sehingga memandang enteng hal-hal keselamatan penggunaan e-dompet. Oleh itu, masyarakat perlulah mengambil langkah-langkah lebih berwaspada semasa menggunakan e-dompet ini supaya kita tidak rugi pada kemudian hari. Sekiranya pengguna e-dompet mempraktikkan segala langkah keselamatan yang telah diterangkan dan diharapkan isu-isu berkaitan dengan e-dompet dapat dibendung seterusnya dapat menjamin keselamatan harta benda para penggunanya.



Keselamatan merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan manusia. Keselamatan bukan hanya terhad kepada keselamatan nyawa sahaja namun turut melibatkan keselamatan harta benda. Pada era globalisasi ini, kita dapat melihat penggunaan e-dompot semakin meluas dalam kalangan masyarakat kita terutama ketika dunia dilanda pandemik COVID-19. Umum mengetahui bahawa penggunaan e-dompot sangat memudahkan kehidupan seharian masyarakat namun timbul isu berkenaan dengan masalah keselamatan penggunaan e-dompot. Antara isu yang selalu timbul termasuklah kehilangan duit dan penyalahgunaan data peribadi. Oleh itu, terdapat beberapa langkah keselamatan yang dapat diambil oleh pengguna e-dompot untuk memastikan e-dompot digunakan dengan selamatnya.

Salah satu langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompot adalah dengan sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompot anda pada setiap masa. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila kita mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompot maka telefon pintar kita tidak akan dibuka oleh orang lain. Lantaran itu, aplikasi e-dompot kita juga tidak akan dapat diakses sewenang-wenangnya. Sebagai contoh, kita dapat menggunakan sentuhan Identiti Biometrik pada telefon kita dan menetapkan kata kunci pada aplikasi e-dompot yang kita gunakan. Impaknya, kehilangan wang dapat dicegah sekiranya berlaku kecurian pada telefon kita. Jelaslah bahawa salah satu langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompot adalah dengan sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompot anda pada setiap masa.

Seterusnya, langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompot adalah dengan tidak berkongsi maklumat peribadi e-dompot kita dengan orang lain. Hal ini disebabkan terdapat sesetengah individu yang terlalu percaya orang di sekelilingnya sehingga sanggup berkongsi maklumat peribadi e-dompot dengan orang lain. Sebagai misalnya, tidak berkongsi maklumat seperti nama log masuk, kata laluan, nombor PIN dan nombor OTP (one time passcode). Kesannya, kita dapat mencegah penyalahgunaan e-dompot kita oleh orang lain. Sudah terang lagi bersuluh bahawa langkah keselamatan ketika menggunakan e-dompot adalah dengan sentiasa mengunci telefon pintar dan aplikasi e-dompot anda pada setiap masa.

Selain itu, langkah keselamatan yang dapat dilakukan semasa menggunakan e-dompot adalah dengan menghubungi penyedia perkhidmatan e-dompot anda seandainya terdapat keraguan pada sesuatu tawaran atau ganjaran. Hal ini bertujuan untuk mengesahkan sama ada tawaran dan ganjaran yang diterima sah serta tiada maklumat tersembunyi seperti caj tambahan. Sebagai contohnya, kita boleh menghubungi pusat khidmat pelanggan penyedia perkhidmatan e-dompot dengan cara menghantar e-mel, mendail terus atau mengisi e-borang yang terdapat dalam laman sesawang rasmi mereka. Kesannya, kita akan dapat memahami dengan jelasnya akan sesuatu tawaran dan ganjaran yang disediakan sebelum kita memberikan persetujuan untuk menerimanya. Jelaslah di sini bahawa langkah keselamatan yang dapat dilakukan semasa menggunakan e-dompot adalah dengan menghubungi penyedia perkhidmatan e-dompot anda seandainya terdapat keraguan pada sesuatu tawaran atau ganjaran.

Akhir sekali, langkah keselamatan yang boleh dilakukan semasa menggunakan e-dompot adalah dengan tidak sewenang-wenangnya memberikan respons atau klik pada pesanan ringkas, e-mel atau pautan yang menjanjikan hadiah wang tunai. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak penipuan dalam talian yang menggunakan kaedah menghantar mesej dan e-mel dengan menggunakan pelbagai taktik licik. Sebagai misalnya, mereka menyamar sebagai ahli keluarga, kawan-kawan atau tokoh-tokoh tertentu bagi memperdayakan pengguna e-dompot. Mereka juga turut menggunakan taktik seperti tawaran hadiah dan menggunakan alasan mengutip derma untuk kebajikan masyarakat. Dalam hal ini, sekiranya kita tidak berhati-hati akibatnya kita akan mengalami kerugian wang ringgit dalam jumlah yang besar. Jelaslah bahawa langkah keselamatan yang dapat dilakukan semasa menggunakan e-dompot adalah dengan tidak sewenang-wenangnya memberikan respons atau klik pada pesanan ringkas, e-mel atau pautan yang menjanjikan hadiah wang tunai.

Kesimpulannya, penggunaan e-dompot yang semakin mendapat sambutan pada hari ini memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat. Namun, masyarakat sepatutnya tidak leka sehingga memandang enteng hal-hal keselamatan penggunaan e-dompot. Oleh itu, masyarakat perlulah mengambil langkah-langkah lebih berwaspada semasa menggunakan e-dompot ini supaya kita tidak rugi pada kemudian hari. Sekiranya pengguna e-dompot mempraktikkan segala langkah keselamatan yang telah diterangkan dan diharapkan isu-isu berkaitan dengan e-dompot dapat dibendung seterusnya dapat menjamin keselamatan harta benda para penggunanya.

Menurut kajian oleh *National Alliance of Sports*, lebih daripada 70 peratus remaja tidak berminat dan tidak mahu bersukan apabila memasuki peringkat sekolah menengah. Mereka lebih suka mengisi masa lapang dengan berehat dan berbual-bual kosong. Mereka lebih cenderung beralih kepada bidang e-sukan, sehingga aktiviti sukan diabaikan. Pada hemat mereka sukan dan permainan tidak lagi menyeronokkan.

Dipetik dan diubah suai daripada petikan rencana


“Remaja kita tidak gemar bersukan?”

oleh Azizi Ahmad,

<https://kheru2006.livejournal.com/1889380.html>

Aktiviti sukan merupakan salah satu aktiviti fizikal yang sering dijalankan pada waktu petang. Namun demikian, remaja pada masa kini lebih gemar duduk di rumah bermain permainan video daripada bersukan. Oleh hal yang demikian, tulis satu karangan tentang faedah sukan kepada remaja. Tulis karangan anda selengkapnya.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Sukan dan Rekreasi</i>	T
ISU	<i>Remaja masa kini kurang berminat dengan sukan</i>	I
KEHENDAK	<i>Faedah sukan kepada remaja.</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Aktiviti sukan di Malaysia kini menjadi salah satu aktiviti gaya hidup sihat.</i>	T
H uraian Tema	<i>Rakyat Malaysia telah mula menyedari bahawa kepentingan menjaga kesihatan diri masing-masing.</i>	H
I su	<i>Remaja pada masa ini lebih suka mengisi masa lapang dengan berehat dan berbual-bual kosong serta bermain permainan video.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Remaja beranggapan aktiviti sukan memenatkan badan dan tidak mendatangkan apa-apa faedah.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Faedah-faedah sukan kepada remaja.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Aktiviti sukan di Malaysia kini telah menjadi salah satu gaya hidup sihat. Rakyat Malaysia telah mula menyedari bahawa kepentingan menjaga kesihatan diri masing-masing. Namun begitu, remaja pada masa ini, lebih suka mengisi masa lapang dengan berehat dan berbual-bual kosong serta bermain permainan video. Remaja beranggapan aktiviti sukan memenatkan badan dan tidak mendatangkan apa-apa faedah. Hakikatnya, banyak faedah yang akan diperoleh remaja apabila bersukan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)
*Bersukan dapat menyihatkan tubuh badan.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)
*Bersukan menyebabkan badan akan mengeluarkan peluh dan membakar lemak dalam badan.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh**
*Remaja boleh berbasikal, berjoging, dan berenang.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan**
*Badan akan menjadi cergas dan sihat.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas**
*Badan akan menjadi sihat apabila kita bersukan.***P**

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Aktiviti-aktiviti sukan dapat menyihatkan tubuh badan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila kita bersukan, badan akan mengeluarkan peluh dan membakar lemak dalam badan. Sebagai contoh, remaja boleh berbasikal, berjoging, dan berenang. Impaknya, badan akan menjadi lebih cergas dan sihat. Jelaslah bahawa, badan akan menjadi sihat apabila kita bersukan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Remaja yang bersukan dapat mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala yang tidak sihat.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Remaja yang aktif dalam sukan akan mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat untuk diri dan kesihatannya.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Remaja akan sentiasa membuat latihan kecergasan untuk menjaga staminanya dengan berjoging, melakukan ujian kepantasan dan kemahiran.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Remaja akan lebih selesa mengisi masa lapang dengan perkara yang bermanfaat.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Salah satu faedah bersukan adalah dapat mengelakkan diri daripada terlibat dengan gejala yang tidak sihat.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Selain itu, Remaja yang bersukan dapat mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala yang tidak sihat. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja yang aktif dalam sukan akan mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat untuk diri dan kesihatannya. Sebagai misalnya, remaja akan lebih selesa mengisi masa lapang dengan perkara yang bermanfaat. Kesannya, remaja akan lebih selesa mengisi masa lapang dengan perkara yang bermanfaat. Benarlah bahawa, salah satu faedah bersukan adalah dapat mengelakkan diri daripada terlibat dengan gejala yang tidak sihat.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Sukan juga mampu mengurangkan tekanan yang dialami oleh remaja.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Remaja dapat berinteraksi dengan rakan-rakan yang lain sewaktu bersukan.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Remaja boleh memilih sukan bola sepak yang memerlukan pelibatan ramai pemain.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Mereka akan dapat berinteraksi dan meluahkan tekanan ketika di padang.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Remaja boleh mengurangkan tekanan dengan bersukan..***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Di samping itu, sukan juga mampu mengurangkan tekanan yang dialami oleh remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja dapat berinteraksi dengan rakan-rakan yang lain sewaktu bersukan. Sebagai contoh, remaja boleh memilih sukan bola sepak yang memerlukan pelibatan ramai pemain. Oleh itu, mereka akan mereka akan dapat berinteraksi dan meluahkan tekanan ketika di padang. Benarlah bahawa, Remaja boleh mengurangkan tekanan dengan bersukan..

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Aktiviti sukan juga boleh dijadikan kerjaya dan mengharumkan nama negara.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Sukan dapat menjana sumber pendapatan .***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Atlet akan mendapat hadiah yang lumayan setiap kali memenangi sesuatu pertandingan.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Remaja akan bersungguh-sungguh dalam sukan yang diminati agar dapat mewakili negara.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Faedah bersukan adalah dapat dijadikan kerjaya pada masa hadapan.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Akhir sekali, aktiviti sukan juga boleh dijadikan kerjaya dan dapat mengharumkan nama negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, sukan dapat menjana sumber pendapatan. Sebagai contoh, atlet akan mendapat hadiah yang lumayan setiap kali memenangi sesuatu pertandingan. Remaja akan bersungguh- sungguh dalam sukan yang diminati agar dapat mewakili negara. Jelaslah bahawa, antara faedah bersukan adalah dapat dijadikan kerjaya pada masa hadapan.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH	
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Tuntasnya, terdapat banyak faedah bersukan kepada remaja.</i>	Ke
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Oleh itu, remaja perlulah sentiasa bersukan mengikut kesesuaian minat mereka.</i>	Ca
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Dengan bersukan diharapkan negara kita dapat melahirkan lebih ramai atlet remaja yang bertaraf dunia.</i>	Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Tuntasnya, terdapat banyak faedah bersukan kepada remaja. Oleh itu, remaja perlulah sentiasa bersukan mengikut kesesuaian minat mereka. Dengan bersukan diharapkan negara kita dapat melahirkan lebih ramai atlet remaja yang bertaraf dunia.



Aktiviti sukan di Malaysia kini telah menjadi salah satu gaya hidup sihat. Rakyat Malaysia telah mula menyedari bahawa kepentingan menjaga kesihatan diri masing-masing. Namun begitu, remaja pada masa ini, lebih suka mengisi masa lapang dengan berehat dan berbual-bual kosong serta bermain permainan video. Remaja beranggapan aktiviti sukan memenatkan badan dan tidak mendatangkan apa-apa faedah. Hakikatnya, banyak faedah yang akan diperoleh remaja apabila bersukan.

Aktiviti-aktiviti sukan dapat menyihatkan tubuh badan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila kita bersukan, badan akan mengeluarkan peluh dan membakar lemak dalam badan. Sebagai contoh, remaja boleh berbasikal, berjoging, dan berenang. Impaknya, badan akan menjadi lebih cergas dan sihat. Jelaslah bahawa, badan akan menjadi sihat apabila kita bersukan.

Selain itu, Remaja yang bersukan dapat mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala yang tidak sihat. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja yang aktif dalam sukan akan mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat untuk diri dan kesihatannya. Sebagai misalnya, remaja akan lebih selesa mengisi masa lapang dengan perkara yang bermanfaat. Kesannya, remaja akan lebih selesa mengisi masa lapang dengan perkara yang bermanfaat. Benarlah bahawa, salah satu faedah bersukan adalah dapat mengelakkan diri daripada terlibat dengan gejala yang tidak sihat.

Di samping itu, sukan juga mampu mengurangkan tekanan yang dialami oleh remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana remaja dapat berinteraksi dengan rakan-rakan yang lain sewaktu bersukan. Sebagai contoh, remaja boleh memilih sukan bola sepak yang memerlukan pelibatan ramai pemain. Oleh itu, mereka akan dapat berinteraksi dan meluahkan tekanan ketika di padang. Benarlah bahawa, Remaja boleh mengurangkan tekanan dengan bersukan..

Akhir sekali, aktiviti sukan juga boleh dijadikan kerjaya dan dapat mengharumkan nama negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, sukan dapat menjana sumber pendapatan. Sebagai contoh, atlet akan mendapat hadiah yang lumayan setiap kali memenangi sesuatu pertandingan. Remaja akan bersungguh-sungguh dalam sukan yang diminati agar dapat mewakili negara. Jelaslah bahawa, antara faedah bersukan adalah dapat dijadikan kerjaya pada masa hadapan.

Tuntasnya, terdapat banyak faedah bersukan kepada remaja. Oleh itu, remaja perlulah sentiasa bersukan mengikut kesesuaian minat mereka. Dengan bersukan diharapkan negara kita dapat melahirkan lebih ramai atlet remaja yang bertaraf dunia.

(342 patah perkataan)


Sebagai rakyat Malaysia, kita semestinya mengenali baju kurung Melayu. Baju kurung ialah pakaian tradisional lelaki dan wanita Melayu. Baju kurung Melayu bukan sahaja dipakai oleh orang Melayu, malahan turut digayakan oleh pelbagai kaum untuk ke tempat kerja atau dalam acara rasmi. Namun demikian, tahukah anda baju kurung yang diperkenalkan oleh Sultan Muhammad syah pada zaman empayar Melaka sekitar 700 tahun yang lalu memiliki falsafahnya yang tersendiri?

Dipetik dan disesuaikan daripada Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 Tahun 2021

Petikan di atas jelas menyatakan bahawa pakaian tradisional orang Melayu telah diperkenalkan sejak dahulu lagi. Pakaian tradisional merupakan salah satu budaya warisan yang melambangkan budaya dan identiti sesuatu bangsa. Namun demikian, pemakaian pakaian tradisional semakin dilupakan oleh rakyat Malaysia pada zaman kontemporari ini.

Bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pelbagai pihak untuk mengekalkan pemakaian pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Pakaian tradisional merupakan warisan yang melambangkan budaya dan identiti sesuatu bangsa.</i>	T
ISU	<i>Pemakaian pakaian tradisional semakin dilupakan oleh rakyat .</i>	I
KEHENDAK	<i>Pelbagai langkah perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk mengekalkan pemakaian pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia.</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Pakaian tradisional merupakan warisan budaya yang melambangkan budaya dan identiti sesuatu bangsa..</i>	T
H uraian Tema	<i>Setiap kaum di Malaysia mempunyai pakaian tradisional yang unik dan mempunyai ciri-ciri yang istimewa yang diwarisi daripada nenek moyang mereka sejak dahulu lagi.</i>	H
I su	<i>Pemakaian pakaian tradisional semakin dilupakan oleh rakyat Malaysia.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Pakaian tradisional kurang dikenali oleh masyarakat terutamanya generasi muda.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Pelbagai langkah perlu diambil untuk mengekalkan pemakaian pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Pakaian tradisional merupakan warisan yang melambangkan budaya dan identiti sesuatu bangsa. Setiap kaum di Malaysia mempunyai pakaian tradisional yang unik dan mempunyai ciri-ciri istimewa sejak dahulu lagi. Namun begitu, pemakaian pakaian tradisional semakin dilupakan oleh rakyat Malaysia. Natijahnya, pakaian tradisional kurang dikenali oleh masyarakat di negara kita terutamanya generasi muda. Oleh itu, pelbagai langkah perlu diambil untuk mengekalkan pemakaian pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik, setiap individu perlu berbangga apabila memakai pakaian tradisional.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Pakaian tradisional melambangkan kebudayaan sesuatu kaum atau bangsa itu sendiri.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Orang Melayu terkenal dengan busana baju Kurung dan baju Melayu. Orang Cina mempunyai Cheongsam dan Samfu , manakala kaum India pula sinonim dengan pakaian Sari , Dhoti dan Kurta.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Keunikan dan keistimewaan pakaian tradisional tersebut sudah pasti mereka amat berbangga untuk memakainya.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik, setiap individu perlu berbangga apabila memakai pakaian tradisional supaya budaya tersebut berkekalan hingga generasi akan datang.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik, setiap individu perlu berbangga apabila memakai pakaian tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana pakaian tradisional melambangkan kebudayaan sesuatu kaum atau bangsa itu sendiri. Sebagai contohnya, orang Melayu terkenal dengan busana baju Kurung dan baju Melayu. Orang Cina mempunyai Cheongsam dan Samfu, manakala kaum India pula sinonim dengan pakaian Sari, Dhoti dan Kurta. Hakikatnya, apabila mereka sedar keunikan dan keistimewaan pakaian tradisional tersebut sudah pasti mereka amat berbangga untuk memakainya. Oleh itu, setiap individu perlu berbangga apabila memakai pakaian tradisional supaya budaya tersebut berkekalan hingga generasi akan datang.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)

Ibu bapa perlu memperkenalkan pakaian tradisional kepada anak-anak mereka.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)

Ibu bapa merupakan suri teladan dan contoh terbaik kepada anak-anak, bak kata pepatah, 'bagaimana acuan begitulah kuihnya.'

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh

Ibu bapa digalakkan membelikan pelbagai koleksi pakaian tradisional, tambahan pula pakaian ini dapat dijadikan sebagai hadiah pada hari istimewa seperti sambutan hari kelahiran dan menunjukkan cara memakainya.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan

Anak-anak yang diberi pendedahan pada peringkat awal lagi akan mencintai pakaian tradisional warisan bangsa mereka.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas

Ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam usaha mengekalkan pakaian tradisional ini agar terus lestari sepanjang zaman.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain itu, ibu bapa perlu memperkenalkan pakaian tradisional kepada anak-anak mereka. Dalam hal ini, ibu bapa merupakan suri teladan dan contoh terbaik kepada anak-anak, bak kata pepatah, “bagaimana acuan begitulah kuihnya”. Sebagai contohnya, ibu bapa digalakkan untuk membelikan pelbagai koleksi pakaian tradisional, tambahan pula pakaian seperti ini dapat dijadikan sebagai hadiah pada hari istimewa seperti sambutan hari kelahiran dengan menunjukkan cara memakainya. Kesannya, anak-anak yang diberi pendedahan pada peringkat awal lagi akan mencintai pakaian tradisional warisan bangsa mereka. Sesungguhnya, ibu bapa memainkan peranan penting dalam usaha mengekalkan pakaian tradisional ini agar terus melestarikan sepanjang zaman.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)

Masyarakat perlu membiasakan diri memakai pakaian tradisional dalam majlis atau apa-apa sahaja acara yang bersesuaian.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **Huraian** (mengapa/sebab)

Hal ini sudah pasti akan menarik minat rakan-rakan daripada kaum lain terhadap keistimewaan dan keunikan pakaian tradisional yang mempunyai makna yang tersendiri.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **Contoh**

Pakaian tradisional sesuai dipakai dalam majlis formal, majlis keramaian seperti kenduri-kendara dan juga perayaan.

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **Kesan**

Kita selalu memakainya pakaian tradisional, amalan tersebut akan sehati kepada mereka dan mereka tidak akan berasa malu atau kekok memakainya pada bila-bila masa.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **Penegas**

Amalan membiasakan pemakaian pakaian tradisional oleh masyarakat dapat mengekalkan warisan tersebut daripada ditelan arus kemodenan.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Seterusnya, masyarakat perlu membiasakan diri memakai pakaian tradisional dalam majlis atau apa-apa acara yang bersesuaian. Hal ini sudah pasti akan menarik minat rakan-rakan daripada kaum lain terhadap keistimewaan dan keunikan pakaian tradisional yang mempunyai kesenian yang tersendiri. Sebagai contohnya, pakaian tradisional sesuai dipakai dalam majlis formal atau majlis keramaian seperti kenduri-kendara dan juga perayaan. Impaknya, dengan memakai pakaian tradisional, amalan tersebut akan sehati dan mereka tidak akan berasa malu atau kekok memakainya pada bila-bila masa. Jelaslah di sini bahawa, amalan membiasakan pemakaian pakaian tradisional oleh masyarakat dapat mengekalkan warisan tersebut daripada ditelan arus kemodenan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Pihak kerajaan atau media massa perlu mempromosikan pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan perlu proaktif mempopularkan pakaian tradisional untuk menarik minat rakyat.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Pihak berkenaan boleh menganjurkan pelbagai pameran busana tradisional pelbagai kaum secara meluas sama ada melalui media cetak, media elektronik mahupun media sosial.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Seluruh lapisan masyarakat akan dapat mengenali pakaian tradisional pelbagai kaum di Malaysia dan mencintai pakaian tradisional warisan nenek moyang mereka.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Promosi daripada pihak media massa dan kerajaan sudah pasti busana tradisional akan mendapat tempat di hati rakyat.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Pihak kerajaan atau media massa perlu mempromosikan pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia. Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan perlu proaktif mempopularkan pakaian tradisional untuk menarik minat rakyat. Sebagai contohnya, pihak berkenaan boleh menganjurkan pelbagai pameran busana tradisional pelbagai kaum secara meluas sama ada melalui media cetak, media elektronik mahupun media sosial. Impaknya, seluruh lapisan masyarakat akan dapat mengenali pakaian tradisional pelbagai kaum di Malaysia dan mencintai pakaian tradisional warisan nenek moyang mereka. Oleh itu, jelaslah bahawa dengan adanya promosi daripada pihak media massa dan kerajaan sudah pasti busana tradisional akan mendapat tempat di hati rakyat.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Kesimpulannya, pelbagai langkah boleh diambil oleh pelbagai pihak untuk mengekalkan budaya pemakaian pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia.</i>
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Semua pihak mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk merealisasikannya supaya busana tradisional terus relevan dalam masyarakat, bak kata peribahasa Melayu ‘tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.’</i>
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Segala usaha yang dijalankan diharapkan dapat membuahkan hasil seterusnya mempopularkan kembali budaya pemakaian pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia kerana pakaian tradisional merupakan sebahagian daripada budaya kita.</i>

Ke

Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, pelbagai langkah boleh diambil oleh pelbagai pihak untuk mengekalkan budaya pemakaian pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, semua pihak mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk merealisasikannya supaya busana tradisional terus relevan dalam masyarakat, bak kata peribahasa ‘tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.’ Segala usaha yang dijalankan diharapkan dapat membuahkan hasil untuk mempopularkan kembali budaya pemakaian pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia.



Pakaian tradisional merupakan warisan yang melambangkan budaya dan identiti sesuatu bangsa. Setiap kaum di Malaysia mempunyai pakaian tradisional yang unik dan mempunyai ciri-ciri istimewa sejak dahulu lagi. Namun begitu, pemakaian pakaian tradisional semakin dilupakan oleh rakyat Malaysia. Natiujahnya, pakaian tradisional kurang dikenali oleh masyarakat di negara kita terutamanya generasi muda. Oleh itu, pelbagai langkah perlu diambil untuk mengekalkan pemakaian pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sebagai rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik, setiap individu perlu berbangga dengan memakai pakaian tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana pakaian tradisional melambangkan kebudayaan sesuatu kaum atau bangsa itu sendiri. Sebagai contohnya, orang Melayu terkenal dengan busana baju Kurung dan baju Melayu. Orang Cina mempunyai Cheongsam dan Samfu, manakala kaum India pula sinonim dengan pakaian Sari, Dhoti dan Kurta. Hakikatnya, apabila mereka sedar keunikan dan keistimewaan pakaian tradisional tersebut sudah pasti mereka berbangga untuk memakainya. Oleh itu, setiap individu perlu mengekalkan tradisi memakai pakaian tradisional.

Selain itu, ibu bapa perlu memperkenalkan pakaian tradisional kepada anak-anak mereka. Dalam hal ini, ibu bapa merupakan suri teladan dan contoh terbaik kepada anak-anak, bak kata pepatah, 'bagaimana acuan begitulah kuihnya. Sebagai contohnya, ibu bapa digalakkan untuk membelikan pelbagai koleksi pakaian tradisional, tambahan pula pakaian seperti ini dapat dijadikan sebagai hadiah pada hari istimewa seperti sambutan hari kelahiran dengan menunjukkan cara memakainya. Kesannya, anak-anak yang diberi pendedahan pada peringkat awal lagi akan mencintai pakaian tradisional warisan bangsa mereka. Sesungguhnya, ibu bapa memainkan peranan penting dalam usaha mengekalkan pakaian tradisional ini agar terus melestarikan sepanjang zaman.

Seterusnya, masyarakat perlu membiasakan diri memakai pakaian tradisional dalam majlis atau apa-apa acara yang bersesuaian. Hal ini sudah pasti akan menarik minat rakan-rakan daripada kaum lain terhadap keistimewaan dan keunikan pakaian tradisional yang mempunyai kesenian yang tersendiri. Sebagai contohnya, pakaian tradisional sesuai dipakai dalam majlis formal, majlis keramaian seperti kenduri-kendara dan juga perayaan. Impaknya, dengan selalu memakai pakaian tradisional, amalan tersebut akan sebatikan mereka tidak akan berasa malu atau kekok memakainya pada bila-bila masa. Jelaslah di sini bahawa amalan membiasakan pemakaian pakaian tradisional oleh masyarakat dapat mengekalkan warisan tersebut daripada ditelan arus kemodenan.

Pihak kerajaan atau media massa perlu mempromosikan pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia. Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan perlu proaktif mempopularkan pakaian tradisional untuk menarik minat rakyat. Sebagai contohnya, pihak berkenaan boleh menganjurkan pelbagai pameran busana tradisional pelbagai kaum secara meluas sama ada melalui media cetak, media elektronik mahupun media sosial. Impaknya, seluruh lapisan masyarakat akan dapat mengenali pakaian tradisional pelbagai kaum di Malaysia dan mencintai pakaian tradisional warisan nenek moyang mereka. Oleh itu, jelaslah bahawa dengan adanya promosi daripada pihak media massa dan kerajaan sudah pasti busana tradisional akan mendapat tempat di hati rakyat.

Kesimpulannya, pelbagai langkah boleh diambil oleh pelbagai pihak untuk mengekalkan budaya pemakaian pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, semua pihak mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk merealisasikan supaya busana tradisional terus relevan dalam masyarakat, bak kata peribahasa 'tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.' Segala usaha yang dijalankan diharapkan dapat membuahkan hasil seterusnya mempopularkan kembali budaya pemakaian pakaian tradisional dalam kalangan rakyat Malaysia.


Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan penularan wabak COVID-19 sebagai pandemik kerana terdapat peningkatan kes yang ketara di seluruh dunia. Saya tahu saudara dan saudari pastinya risau akan keselamatan diri sendiri, anak-anak serta kaum keluarga. Anda juga pastinya mahu mendapatkan maklumat yang tepat mengenai langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan untuk menangani penularan wabak ini.

Dipetik dan diubahsuai daripada ucapan;
Tan Sri Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri,
13 Mac 2020.

Petikan kata-kata di atas sangat penting untuk diikuti oleh masyarakat ketika negara sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Jelaskan usaha anda untuk memutuskan rantaian pandemik COVID-19 daripada terus merebak.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Kesihatan</i>	T
ISU	<i>Kes Pandemik COVID-19 masih meningkat</i>	I
KEHENDAK	<i>Usaha saya memutuskan rantaian pandemik Covid-19</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Kesihatan diri amat penting kepada setiap individu.</i>	T
H uraian Tema	<i>Kesihatan diri dapat menjamin kehidupan yang sejahtera dan bahagia bagi seseorang.</i>	H
I su	<i>Pandemik COVID-19 masih merebak dan meragut banyak nyawa rakyat Malaysia sama ada yang tua atau yang muda.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Kehilangan nyawa yang banyak ini menyebabkan negara akan kerugian dari aspek modal insan untuk memajukan negara.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Sebagai insan yang bertanggungjawab, saya akan melaksanakan beberapa usaha untuk memutuskan rantaian pandemik COVID-19.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Kesihatan diri amat penting kepada setiap individu. Hal ini dikatakan demikian kerana kesihatan diri dapat menjamin kehidupan yang sejahtera dan bahagia bagi seseorang. Namun demikian, kini pandemik COVID-19 masih merebak dan meragut banyak nyawa rakyat Malaysia sama ada yang tua atau yang muda. Sebagai natijah, kehilangan nyawa yang banyak ini menyebabkan negara akan mengalami kerugian dari aspek modal insan untuk memajukan negara. Oleh itu, sebagai insan yang bertanggungjawab, saya akan melaksanakan beberapa usaha untuk membantu kerajaan memutuskan rantaian pandemik COVID-19.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)

Saya akan mematuhi arahan kerajaan untuk memutuskan rantaian COVID-19.

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)

Saya sendiri perlu bertindak sebelum menasihati orang lain.

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh

Pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal, penggunaan pensanitasi tangan sentiasa menjadi amalan

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan

Saya bukan sahaja dapat menyelamatkan diri malah saya juga dapat menyelamatkan orang lain.

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas

Pematuhan arahan kerajaan merupakan tindakan saya yang bijaksana bagi memutuskan rantaian pandemik COVID-19.

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Antara usaha saya untuk memutuskan rantaian wabak COVID-19 ialah saya akan mematuhi arahan kerajaan. Hal ini dikatakan demikian kerana saya sendiri perlu bertindak secara proaktif sebelum menasihati orang lain. Langkah ini bertepatan dengan peribahasa Melayu, bersihkan halaman sendiri dulu sebelum bersihkan halaman orang lain. Sebagai contohnya, saya akan memakai pelitup muka dan memastikan penjarakan fizikal dipatuhi apabila berada di luar rumah seperti yang diarahkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Dengan berbuat demikian, saya bukan sahaja dapat menyelamatkan diri malah saya juga dapat menyelamatkan orang lain. Pendek kata, pemuatan terhadap arahan kerajaan merupakan usaha saya yang bijaksana bagi memutuskan rantaian pandemik COVID-19.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Saya juga mengambil berat tentang nasihat yang diberikan oleh kerajaan.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Nasihat kerajaan perlu diikuti agar dapat menjayakan konsep kita jaga kita.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Saya akan berada atau duduk di rumah sepanjang masa jika tiada urusan penting.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Keselamatan saya akan lebih terjamin.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Tindakan saya tidak memandang ringan nasihat kerajaan merupakan langkah terbaik.***P**

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Di samping mematuhi arahan kerajaan, saya juga mengambil berat tentang nasihat yang diberikan dari semasa ke semasa. Perkara ini dikatakan demikian kerana nasihat kerajaan perlu diikuti agar dapat menjayakan konsep “kita jaga kita”. Antara bukti betapa caknanya saya terhadap saranan kerajaan ialah saya akan berada atau duduk di rumah sepanjang masa jika tiada urusan penting di luar. Sebagai kesan daripada tindakan tersebut, keselamatan diri saya akan lebih terjamin. Tindakan saya tidak pandang ringan dengan nasihat kerajaan merupakan tindakan terbaik untuk menghapuskan wabak tersebut.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Saya juga akan menasihati ahli keluarga supaya sentiasa mencuci tangan dan tidak melibatkan diri dalam majlis keramaian.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Tindakan saling menasihati penting agar dapat meningkatkan kesedaran ahli keluarga tentang bahaya wabak ini.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Saya akan menasihati ahli keluarga supaya sentiasa mencuci tangan dan tidak melibatkan diri dalam majlis keramaian atau perhimpunan.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Tindakan saling mengingatkan menyebabkan saya dan ahli keluarga lebih berwaspada .***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Langkah menasihati ahli keluarga sangat efektif bagi membantu memutuskan rantaian Covid-19***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Seterusnya, cara yang tidak boleh dikesampingkan ialah saya akan menasihati ahli keluarga sendiri. Langkah ini penting kerana dapat meningkatkan kesedaran ahli keluarga tentang bahayanya wabak ini, ibarat peribahasa enggan seribu daya, mahu sepatah kata. Sebagai buktinya, saya perlu menasihati ahli keluarga supaya sentiasa mencuci tangan dan tidak melibatkan diri dalam majlis keramaian atau perhimpunan. Sebagai implikasi daripada langkah saling menasihati ini, saya dan ahli keluarga menjadi lebih berwaspada. Maka, jelaslah bahawa langkah menasihati ahli keluarga sangat efektif bagi membantu untuk memutuskan rantaian Covid-19.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Saya akan melaksanakan ujian saringan jika mengalami simptom atau terdedah dengan mereka yang disahkan positif.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Ujian saringan akan dapat memastikan sama ada saya dijangkiti atau tidak.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Saya akan melakukan ujian saringan di klinik atau tempat yang telah ditetapkan.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Saya akan tidak mendedahkan virus COVID-19 kepada orang lain jika didapati positif.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Sebagai insan yang bertanggungjawab, saya akan melakukan ujian saringan tanpa diminta untuk memutuskan rantaian Covid-19.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Selanjutnya, saya akan melaksanakan ujian saringan jika mengalami simptom atau terdedah dengan mereka yang disahkan positif. Perkara ini dikatakan demikian kerana ujian saringan akan dapat memastikan kesihatan saya sama ada dijangkiti atau tidak dijangkiti virus COVID-19. Misalnya, saya akan segera melakukan ujian saringan COVID-19 di klinik atau tempat yang telah ditetapkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah apabila diminta. Melalui ujian saringan yang dijalankan, saya dapat mengurangkan risiko mendedahkan virus COVID-19 kepada orang lain jika didapati positif. Pendek kata, saya akan melakukan ujian saringan COVID-19 bagi mempamerkan sikap rakyat yang bertanggungjawab untuk memerangi wabak ini.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan untuk memutuskan rantai pandemik COVID-19.</i>
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Rakyat dan kerajaan perlu bersama-sama untuk berusaha memerangi ancaman wabak ini.</i>
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Saya berharap agar wabak COVID-19 berjaya dihapuskan di negara ini.</i>

Ke

Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Sebagai kesimpulannya, terdapat beberapa usaha yang perlu saya lakukan untuk memutuskan rantai pandemik Covid-19. Sehubungan dengan itu, rakyat dan kerajaan perlu bersama-sama bagaikan hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah bagi memerangi ancaman wabak ini. Saya berharap segala langkah yang saya laksanakan untuk memutuskan wabak COVID-19 akan menjadi sumbangan kecil saya terhadap negara yang tercinta. Saya berdoa semoga negara kita dapat memenangi perang dengan COVID-19 tidak lama lagi.



Kesihatan diri amat penting kepada setiap individu. Hal ini dikatakan demikian kerana kesihatan diri dapat menjamin kehidupan yang sejahtera dan bahagia bagi seseorang. Namun demikian, kini pandemik COVID-19 masih merebak dan meragut banyak nyawa rakyat Malaysia sama ada yang tua atau yang muda. Sebagai natijah, kehilangan nyawa yang banyak ini menyebabkan negara akan mengalami kerugian dari aspek modal insan untuk memajukan negara. Oleh itu, sebagai insan yang bertanggungjawab, saya akan melaksanakan beberapa usaha untuk membantu kerajaan memutuskan rantaian pandemik COVID-19.

Antara usaha saya untuk memutuskan rantaian wabak COVID-19 ialah saya akan mematuhi arahan kerajaan. Hal ini dikatakan demikian kerana saya perlu sendiri bertindak secara proaktif sebelum menasihati orang lain. Langkah ini bertepatan dengan peribahasa Melayu, bersihkan halaman sendiri dulu sebelum bersihkan halaman orang lain. Sebagai contohnya, saya akan memakai pelitup muka dan memastikan penjarakan fizikal dipatuhi apabila berada di luar rumah seperti yang diarahkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Dengan berbuat demikian, saya bukan sahaja dapat menyelamatkan diri malah saya juga dapat menyelamatkan orang lain. Pendek kata, pematuhan terhadap arahan kerajaan merupakan usaha saya yang bijaksana bagi memutuskan rantaian pandemik COVID-19.

Di samping mematuhi arahan kerajaan, saya juga mengambil berat tentang nasihat yang diberikan dari semasa ke semasa. Perkara ini dikatakan demikian kerana nasihat kerajaan perlu diikuti agar dapat menjayakan konsep “kita jaga kita”. Antara bukti betapa caknanya saya terhadap saranan kerajaan ialah saya akan berada atau duduk di rumah sepanjang masa jika tiada urusan penting di luar. Sebagai kesan daripada tindakan tersebut, keselamatan diri saya akan lebih terjamin. Tindakan saya tidak pandang ringan dengan nasihat kerajaan merupakan tindakan terbaik untuk menghapuskan wabak tersebut.

Seterusnya, cara yang tidak boleh dikesampingkan ialah saya akan menasihati ahli keluarga sendiri. Langkah ini penting kerana dapat meningkatkan kesedaran ahli keluarga tentang bahayanya wabak ini, ibarat peribahasa enggan seribu daya, mahu sepatah kata. Sebagai buktinya, saya perlu menasihati ahli keluarga supaya sentiasa mencuci tangan dan tidak melibatkan diri dalam majlis keramaian atau perhimpunan. Sebagai implikasi daripada langkah saling menasihati ini, saya dan ahli keluarga menjadi lebih berwaspada. Maka, jelaslah bahawa langkah menasihati ahli keluarga sangat efektif bagi membantu untuk memutuskan rantaian Covid-19.

Selanjutnya, saya akan melaksanakan ujian saringan jika mengalami simptom atau terdedah dengan mereka yang disahkan positif. Perkara ini dikatakan demikian kerana ujian saringan akan dapat memastikan kesihatan saya sama ada dijangkiti atau tidak dijangkiti virus COVID-19. Misalnya, saya akan segera melakukan ujian saringan COVID-19 di klinik atau tempat yang telah ditetapkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah apabila diminta. Melalui ujian saringan yang dijalankan, saya dapat mengurangkan risiko mendedahkan virus COVID-19 kepada orang lain jika didapati positif. Pendek kata, saya akan melakukan ujian saringan COVID-19 bagi mempamerkan sikap rakyat yang bertanggungjawab untuk memerangi wabak ini.

Sebagai kesimpulannya, terdapat beberapa usaha yang perlu saya lakukan untuk memutuskan rantaian pandemik Covid-19. Sehubungan dengan itu, rakyat dan kerajaan perlu bersama-sama bagaikan hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah bagi memerangi ancaman wabak ini. Saya berharap segala langkah yang saya laksanakan untuk memutuskan wabak COVID-19 akan menjadi sumbangan kecil saya terhadap negara yang tercinta. Saya berdoa semoga negara kita dapat memenangi perang dengan COVID-19 tidak lama lagi.

Komunikasi secara berkesan antara guru dengan murid sering dianggap mencabar dan terhad dalam pembelajaran secara maya. Namun begitu, keadaan ini bukan alasan untuk tidak meneruskan pengajaran dan pembelajaran seperti biasa. Sebenarnya, jika diteroka, banyak aplikasi dalam talian yang memudahkan guru dan murid berinteraksi, berkongsi idea dan bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain tentang sesuatu topik dalam pembelajaran secara maya yang semakin popular pada hari ini.

(Dipetik dan diubah suai daripada Berita Harian *Online*, 7 April 2020)

Sumber di atas menjelaskan bahawa pembelajaran secara maya telah diperkenalkan dan banyak dilaksanakan di sekolah serta institusi pengajian tinggi.

Bincangkan kelebihan-kelebihan pembelajaran secara maya.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Pendidikan</i>	T
ISU	<i>Pembelajaran secara maya</i>	I
KEHENDAK	<i>Kelebihan pembelajaran secara maya</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Pendidikan yang sempurna sangat penting kepada setiap insan.</i>	T
H uraian Tema	<i>Kejayaan seseorang itu amat bergantung pada kualiti pendidikan yang diterimanya.</i>	H
I su	<i>Namun begitu, mulai pertengahan tahun 2020, sekolah-sekolah telah ditutup berikutan daripada penularan wabak COVID-19 yang semakin serius.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Sebagai natijah, pihak kerajaan telah mengambil langkah dengan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang telah menggunakan kaedah pembelajaran secara maya untuk menggantikan pembelajaran secara bersemuka.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Walaupun segelintir pihak beranggapan bahawa pembelajaran dalam talian ini kurang berkesan, tetapi terdapat banyak juga kelebihan pembelajaran secara maya ini kepada murid, guru dan ibu bapa.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Pendidikan yang sempurna sangat penting kepada setiap insan. Kejayaan seseorang itu amat bergantung pada kualiti pendidikan yang diterimanya. Namun begitu, mulai pertengahan tahun 2020, sekolah-sekolah telah ditutup berikutan daripada penularan wabak COVID-19 yang semakin serius. Sebagai natijah, pihak kerajaan telah mengambil langkah dengan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang telah menggunakan kaedah pembelajaran secara maya untuk menggantikan pembelajaran secara bersemuka. Walaupun segelintir pihak beranggapan bahawa pembelajaran dalam talian ini kurang berkesan, tetapi terdapat banyak juga kelebihan pembelajaran secara maya ini kepada murid, guru dan ibu bapa.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1
(TO)**Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Pembelajaran secara maya memudahkan para guru dan murid untuk mencari maklumat dengan pantasnya.*

To

Ayat 2
(HU)**Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Semasa proses pembelajaran berjalan, guru atau murid boleh mendapatkan maklumat tentang sesuatu topik mata pelajaran dengan hanya melayari Internet melalui komputer atau telefon pintar.*

Hu

Ayat 3
(CO)**Ayat Contoh***Jika murid ingin mendapat maklumat mengenai sejarah kemerdekaan negara, mereka boleh menggunakan enjin pencari Google, Microsoft Edge atau Yahoo. Jika murid ingin menggunakan kamus, mereka boleh menggunakan aplikasi Kamus Dewan atau melayari portal Pusat Rujukan Persuratan Melayu.*

Co

Ayat 4
(KE)**Ayat Kesan***Proses pembelajaran diperkaya dan masa pembelajaran dijimatkan..*

Ke

Ayat 5
(P)**Ayat Penegas***Pembelajaran secara maya memudahkan para pendidik dan murid untuk mencari pelbagai maklumat.*

P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Pembelajaran secara maya memudahkan para guru dan murid untuk mencari maklumat dengan pantasnya. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa proses pembelajaran berjalan, guru atau murid boleh mendapatkan maklumat tentang sesuatu topik mata pelajaran dengan hanya melayari Internet melalui komputer atau telefon pintar. Sebagai contoh, jika murid ingin mendapat maklumat mengenai sejarah kemerdekaan negara, mereka boleh menggunakan enjin pencari *Google, Microsoft Edge* atau *Yahoo*. Jika murid ingin menggunakan kamus, mereka boleh menggunakan aplikasi Kamus Dewan atau melayari portal Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Sebagai impak, proses pembelajaran diperkaya dan masa pembelajaran dijimatkan. Jelaslah bahawa pembelajaran secara maya memudahkan para pendidik dan murid untuk mencari pelbagai maklumat.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP

Ayat 1 (TO)	Ayat Topik (gabungkan soalan dan isi pertama) <i>Kelebihan pembelajaran secara maya ialah mod pembelajaran ini memudahkan guru serta murid untuk berinteraksi, berkongsi idea dan bertukar-tukar pendapat.</i>	To
Ayat 2 (HU)	Ayat Huraian (mengapa/sebab) <i>Terdapat segelintir murid yang berasa malu dan kurang berkeyakinan untuk bercakap di dalam kelas.</i>	Hu
Ayat 3 (CO)	Ayat Contoh <i>Murid akan lebih yakin dan berani untuk memberikan pendapat atau berinteraksi semasa menggunakan ruangan sembang dalam Google Meet atau Zoom dan kefahaman murid dapat ditaksir melalui aplikasi maya seperti Padlet, Quizizz, Kahoot, dan Classkick.</i>	Co
Ayat 4 (KE)	Ayat Kesan <i>Perkongsian idea menjadi lebih interaktif dan murid digalakkan untuk berfikir secara kritis dan analitis.</i>	Ke
Ayat 5 (P)	Ayat Penegas <i>Pembelajaran secara maya memudahkan guru dan murid untuk berinteraksi, berkongsi idea dan bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain.</i>	P

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain itu, kelebihan pembelajaran secara maya ialah mod pembelajaran ini memudahkan guru serta murid untuk berinteraksi, berkongsi idea dan bertukar-tukar pendapat. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat segelintir murid yang berasa malu dan kurang berkeyakinan untuk bercakap di dalam kelas. Sebagai contoh, murid akan lebih yakin dan berani untuk memberikan pendapat atau berinteraksi semasa menggunakan ruangan sembang dalam *Google Meet* atau *Zoom* dan kefahaman murid dapat ditaksir melalui aplikasi maya seperti *Padlet*, *Quizizz*, *Kahoot*, dan *Classkick*. Sebagai impak, perkongsian idea menjadi lebih interaktif dan murid digalakkan untuk berfikir secara kritis dan analitis. Maka sudah terang lagi bersuluh bahawa pembelajaran secara maya memudahkan guru dan murid untuk berinteraksi, berkongsi idea dan bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Kelebihan pembelajaran secara maya ialah ibu bapa dapat memantau pembelajaran dan disiplin anak-anak.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Proses pembelajaran berlaku di rumah.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Ibu bapa yang berada di rumah dapat membantu anak-anak membuat persediaan ketika belajar serta memantau perkembangan mereka.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Ibu bapa tidak lagi berasa risau tentang masalah disiplin malah mereka lebih memahami peranan untuk membantu anak-anak dalam pembelajaran.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Pembelajaran secara maya meningkatkan pelibatan ibu bapa untuk membantu anak dari segi akademik dan sahsiah.***P**

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Seterusnya, kelebihan pembelajaran secara maya ialah ibu bapa dapat memantau pembelajaran dan disiplin anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana proses pembelajaran berlaku di rumah. Misalnya, ibu bapa yang berada di rumah dapat membantu anak-anak membuat persediaan ketika belajar serta memantau perkembangan mereka. Kesannya, ibu bapa tidak lagi berasa risau tentang masalah disiplin malah mereka lebih memahami peranan untuk membantu anak-anak dalam pembelajaran. Maka, benarlah bahawa pembelajaran secara maya meningkatkan pelibatan ibu bapa untuk membantu anak dari segi akademik dan sahsiah.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)**

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)
Kelebihan pembelajaran secara maya ialah pembelajaran ini dapat menjimatkan wang.

To**Ayat 2
(HU)**

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)
Penjimatan perbelanjaan harian murid serta guru.

Hu**Ayat 3
(CO)**

Ayat **C**ontoh
Murid tidak lagi memerlukan wang saku untuk berbelanja di kantin dan tidak perlu membayar tambang bas atau perbelanjaan petrol kereta.

Co**Ayat 4
(KE)**

Ayat **K**esan
Wang tersebut dapat digunakan oleh ibu bapa untuk tujuan lain yang lebih bermanfaat demi kepentingan pendidikan anak-anak.

Ke**Ayat 5
(P)**

Ayat **P**enegas
Pembelajaran secara maya membawa penjimatan dari segi kewangan.

P**SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Sementara itu, kelebihan pembelajaran secara maya ialah pembelajaran ini dapat menjimatkan wang. Hal ini dikaitkan dengan penjimatan perbelanjaan harian murid serta guru. Misalnya, murid tidak lagi memerlukan wang saku untuk berbelanja di kantin dan tidak perlu membayar tambang bas atau perbelanjaan petrol kereta. Kesannya, wang tersebut dapat digunakan oleh ibu bapa untuk tujuan lain yang lebih bermanfaat demi kepentingan pendidikan anak-anak. Tegasnya, pembelajaran secara maya membawa penjimatan dari segi kewangan.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Kesimpulannya, pembelajaran secara maya memberikan banyak kelebihan kepada warga pendidik, murid-murid dan ibu bapa pada ketika negara mengalami pandemik Covid-19.</i>
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Pihak kerajaan, ibu bapa dan guru-guru mesti menggembelng tenaga untuk memastikan pembelajaran secara maya dapat dimanfaatkan secara optimum untuk menjamin kecemerlangan pendidikan generasi muda.</i>
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Kita berharap agar semua pihak bersedia menerima perubahan-perubahan dalam bidang pendidikan dengan hati yang terbuka dan membetulkan tanggapan negatif tentang pembelajaran secara maya supaya negara terus berjaya melahirkan murid yang cemerlang dalam aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek.</i>

Ke

Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, pembelajaran secara maya memberikan banyak kelebihan kepada warga pendidik, murid-murid dan ibu bapa pada ketika negara mengalami pandemik Covid-19. Pihak kerajaan, ibu bapa dan guru-guru mesti menggembelng tenaga untuk memastikan pembelajaran secara maya dapat dimanfaatkan secara optimum untuk menjamin kecemerlangan pendidikan generasi muda. Kita berharap agar semua pihak bersedia menerima perubahan-perubahan dalam bidang pendidikan dengan hati yang terbuka dan membetulkan tanggapan negatif tentang pembelajaran secara maya supaya negara terus berjaya melahirkan murid yang cemerlang dalam aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek.



Pendidikan yang sempurna sangat penting kepada setiap insan. Kejayaan seseorang itu amat bergantung pada kualiti pendidikan yang diterimanya. Namun begitu, mulai pertengahan tahun 2020, sekolah-sekolah telah ditutup berikutan daripada penularan wabak COVID-19 yang semakin serius. Sebagai natijah, pihak kerajaan telah mengambil langkah dengan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang telah menggunakan kaedah pembelajaran secara maya untuk menggantikan pembelajaran secara bersemuka. Walaupun segelintir pihak beranggapan bahawa pembelajaran dalam talian ini kurang berkesan, tetapi terdapat banyak juga kelebihan pembelajaran secara maya ini kepada murid, guru dan ibu bapa.

Pembelajaran secara maya memudahkan para guru dan murid untuk mencari maklumat dengan pantas. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa proses pembelajaran berjalan, guru atau murid boleh mendapatkan maklumat tentang sesuatu topik mata pelajaran dengan hanya melayari Internet melalui komputer atau telefon pintar. Sebagai contoh, jika murid ingin mendapat maklumat mengenai sejarah kemerdekaan negara, mereka boleh menggunakan enjin pencari *Google*, *Microsoft Edge* atau *Yahoo*. Jika murid ingin menggunakan kamus, mereka boleh menggunakan aplikasi Kamus Dewan atau melayari portal Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Sebagai impak, proses pembelajaran diperkaya dan masa pembelajaran dijimatkan. Jelaslah bahawa pembelajaran secara maya memudahkan para pendidik dan murid untuk mencari pelbagai maklumat.

Selain itu, kelebihan pembelajaran secara maya ialah mod pembelajaran ini memudahkan guru serta murid untuk berinteraksi, berkongsi idea dan bertukar-tukar pendapat. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat segelintir murid yang berasa malu dan kurang berkeyakinan untuk bercakap di dalam kelas. Sebagai contoh, murid akan lebih yakin dan berani untuk memberikan pendapat atau berinteraksi semasa menggunakan ruangan sembang dalam *Google Meet* atau *Zoom* dan kefahaman murid dapat ditaksir melalui aplikasi maya seperti *Padlet*, *Quizizz*, *Kahoot*, dan *Classkick*. Sebagai impak, perkongsian idea menjadi lebih interaktif dan murid digalakkan untuk berfikir secara kritis dan analitis. Maka sudah terang lagi bersuluh bahawa pembelajaran secara maya memudahkan guru dan murid untuk berinteraksi, berkongsi idea dan bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain.

Seterusnya, kelebihan pembelajaran secara maya ialah ibu bapa dapat memantau pembelajaran dan disiplin anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana proses pembelajaran berlaku di rumah. Misalnya, ibu bapa yang berada di rumah dapat membantu anak-anak membuat persediaan ketika belajar serta memantau perkembangan mereka. Kesannya, ibu bapa tidak lagi berasa risau tentang masalah disiplin malah mereka lebih memahami peranan untuk membantu anak-anak dalam pembelajaran. Maka, benarlah bahawa pembelajaran secara maya meningkatkan pelibatan ibu bapa untuk membantu anak dari segi akademik dan sahsiah.

Sementara itu, kelebihan pembelajaran secara maya ialah pembelajaran ini dapat menjimatkan wang. Hal ini dikaitkan dengan penjimatan perbelanjaan harian murid serta guru. Misalnya, murid tidak lagi memerlukan wang saku untuk berbelanja di kantin dan tidak perlu membayar tambang bas atau perbelanjaan petrol kereta. Kesannya, wang tersebut dapat digunakan oleh ibu bapa untuk tujuan lain yang lebih bermanfaat demi kepentingan pendidikan anak-anak. Tegasnya, pembelajaran secara maya membawa penjimatan dari segi kewangan.

Kesimpulannya, pembelajaran secara maya memberikan banyak kelebihan kepada warga pendidik, murid-murid dan ibu bapa pada ketika negara mengalami pandemik Covid-19. Pihak kerajaan, ibu bapa dan guru-guru mesti menggembleng tenaga untuk memastikan pembelajaran secara maya dapat dimanfaatkan secara optimum untuk menjamin kecemerlangan pendidikan generasi muda. Kita berharap agar semua pihak bersedia menerima perubahan-perubahan dalam bidang pendidikan dengan hati yang terbuka dan membetulkan tanggapan negatif tentang pembelajaran secara maya supaya negara terus berjaya melahirkan murid yang cemerlang dalam aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek.

Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 memberikan peluang kepada peladang, penternak dan nelayan untuk mempelajari teknologi baharu dalam pertanian, mencari ruang pasaran, serta mempamerkan dan mempromosikan produk masing-masing. Penganjuran HPPNK 2019 juga diharapkan dapat menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang pertanian.

(Sumber : Nafas.com.my)

Usaha untuk menarik minat belia dalam sektor pertanian masih perlu dipergiat kerana bidang ini berpotensi untuk menghasilkan pulangan yang lumayan. Golongan ini perlu sedar akan ciri-ciri petani yang berjaya supaya dapat memotivasikan mereka.

Huraikan ciri-ciri seorang petani yang berjaya.

CADANGAN ISI PENTING



Langkah 1 : Analisis KEHENDAK SOALAN menggunakan teknik TIK

TEMA	<i>Kerjaya</i>	T
ISU	<i>Petani yang berjaya.</i>	I
KEHENDAK	<i>Ciri-ciri petani yang berjaya</i>	K

Langkah 2 : Bina ISI PENDAHULUAN menggunakan teknik THINK

PENJELASAN	AYAT	
T ema	<i>Kerjaya masa depan perlu dititikberatkan oleh generasi muda.</i>	T
H uraian Tema	<i>Hal ini dikatakan demikian kerana kerjaya yang baik dapat menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan seseorang itu.</i>	H
I su	<i>Namun begitu, segelintir individu terutamanya generasi muda didapati masih memandang rendah kerjaya tertentu khususnya bidang pertanian.</i>	I
Huraian (Perspektif/ Kesan N egatif)	<i>Mereka tidak memahami potensi sektor pertanian serta pendapatan lumayan yang dapat dijanakan seandainya menceburi bidang pertanian.</i>	N
K ehendak soalan	<i>Oleh sebab itu, amat penting untuk golongan ini memahami ciri-ciri petani yang berjaya supaya tanggapan negatif ini dapat dibetulkan.</i>	K

SP:3.4.2

Contoh Pendahuluan Lengkap

Kerjaya masa depan perlu dititikberatkan oleh generasi muda. Hal ini dikatakan demikian kerana kerjaya yang baik dapat menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan seseorang itu. Namun begitu, segelintir individu terutamanya generasi muda didapati masih memandang rendah kerjaya tertentu khususnya bidang pertanian. Mereka tidak memahami potensi sektor pertanian serta pendapatan lumayan yang dapat dijanakan seandainya menceburi bidang pertanian. Oleh sebab itu, amat penting untuk golongan ini memahami ciri-ciri petani yang berjaya supaya tanggapan negatif ini dapat dibetulkan.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Ciri utama petani yang berjaya ialah seorang yang mempunyai minat yang mendalam tentang bidang pertanian.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Minat dan kecenderungan dalam bidang pertanian akan menjadi daya penggerak untuk memotivasikan seseorang petani pada setiap masa.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Seorang belia yang berminat dalam bidang pertanian akan memberikan komitmen dan gigih berusaha sesuatu projek pertanian kerana kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Individu yang menceburi bidang pertanian ini akan berusaha sehingga berjaya dan bersemangat dalam apa-apa jua bidang yang dilakukannya.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Seseorang yang mempunyai minat dalam bidang pertanian ialah ciri petani yang berjaya.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Ciri utama petani yang berjaya ialah seorang yang mempunyai minat yang mendalam tentang bidang pertanian. Minat dan kecenderungan dalam bidang pertanian akan menjadi daya penggerak untuk memotivasikan seseorang petani pada setiap masa. Sebagai contoh, seorang belia yang berminat dalam bidang pertanian akan memberikan komitmen dan gigih berusaha sesuatu projek pertanian kerana kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Sebagai kesan daripada ciri tersebut, individu yang menceburi bidang pertanian ini akan berusaha sehingga berjaya dan bersemangat dalam apa-apa jua bidang yang dilakukannya. Maka, jelaslah bahawa seseorang yang mempunyai minat dalam bidang pertanian ialah ciri petani yang berjaya.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Petani yang berjaya mempunyai perancangan yang teliti dalam bidang pertanian.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Bidang pertanian ialah bidang yang meliputi banyak perkara penting dan seseorang petani itu mesti bijak membuat perancangan.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Seorang petani perlu memikirkan aspek tanah atau kawasan yang sesuai untuk dijalankan aktiviti pertanian. Petani juga perlu memikirkan soal modal atau bantuan kewangan serta khidmat nasihat.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Segala tindakan yang dilakukan oleh para petani pasti akan berjaya dan tidaklah seperti hangat-hangat tahi ayam.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Maka, sudah terang lagi bersuluh bahawa seseorang yang mempunyai perancangan yang teliti akan menjadi petani yang berjaya.***P**

SP:3.4.3

Contoh Perenggan Isi

Selain itu, petani yang berjaya mempunyai perancangan yang teliti dalam bidang pertanian. Hal ini penting kerana bidang pertanian ialah bidang yang meliputi banyak perkara penting dan seseorang petani itu mesti bijak membuat perancangan. Sebagai contoh, seorang petani perlu memikirkan aspek tanah atau kawasan yang sesuai untuk dijalankan aktiviti pertanian. Petani juga perlu memikirkan soal modal atau bantuan kewangan serta khidmat nasihat. Sebagai impak daripada ciri tersebut, segala tindakan yang dilakukan oleh para petani pasti akan berjaya dan tidaklah seperti hangat-hangat tahi ayam. Maka, sudah terang lagi bersuluh bahawa seseorang yang mempunyai perancangan yang teliti akan menjadi petani yang berjaya.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Ciri petani yang berjaya ialah seorang yang inovatif serta peka tentang perkembangan teknologi terkini.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Ciri ini penting kerana petani perlu belajar dan menguasai pengetahuan dalam bidang teknologi yang semakin hari semakin canggih.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Petani moden yang berjaya selalu melakukan inovasi dalam proses penanaman sayur-sayuran dan mengutip hasil pertanian tersebut di samping mahir memanfaatkan teknologi.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Para petani akan dapat mengurangkan kos dan menambahkan hasil pengeluaran pertanian.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Kepekaan pada teknologi ialah ciri petani yang berjaya.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Seterusnya, ciri petani yang berjaya ialah seorang yang inovatif serta peka tentang perkembangan teknologi terkini. Ciri ini penting kerana petani perlu belajar dan menguasai pengetahuan dalam bidang teknologi yang semakin hari semakin canggih. Misalnya, petani moden yang berjaya selalu melakukan inovasi dalam proses penanaman sayur-sayuran dan mengutip hasil pertanian tersebut di samping mahir memanfaatkan teknologi. Kesannya, para petani akan dapat mengurangkan kos dan menambahkan hasil pengeluaran pertanian. Maka, benarlah bahawa kepekaan pada teknologi ialah ciri petani yang berjaya.

Langkah 3 : Bina 4 perenggan ISI menggunakan teknik TOHUCOKEP**Ayat 1
(TO)****Ayat Topik** (gabungkan soalan dan isi pertama)*Petani yang berjaya sentiasa berdaya saing serta tidak mudah berputus asa.***To****Ayat 2
(HU)****Ayat Huraian** (mengapa/sebab)*Seseorang petani bukan sahaja perlu bersedia dari segi fizikal tetapi juga dari segi mental dan emosi perlu.***Hu****Ayat 3
(CO)****Ayat Contoh***Jika hasil tanaman tidak menjadi, petani perlu bersedia dengan perancangan yang lain. Petani perlu menukar baja atau mencuba tanaman yang lain.***Co****Ayat 4
(KE)****Ayat Kesan***Para petani tidak mengalami kerugian dan dapat mengatasi segala cabaran atau masalah dengan tenang.***Ke****Ayat 5
(P)****Ayat Penegas***Seorang yang berdaya saing dan tidak mudah putus asa ialah ciri seorang petani yang berjaya.***P****SP:3.4.3***Contoh Perenggan Isi*

Akhir sekali, petani yang berjaya sentiasa berdaya saing serta tidak mudah berputus asa. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang petani bukan sahaja perlu bersedia dari segi fizikal tetapi juga dari segi mental dan emosi perlu. Misalnya, jika hasil tanaman tidak menjadi, petani perlu bersedia dengan perancangan yang lain. Petani perlu menukar baja atau mencuba tanaman yang lain. Sebagai kesannya, para petani tidak mengalami kerugian dan dapat mengatasi segala cabaran atau masalah dengan tenang. Pendek kata, seorang yang berdaya saing dan tidak mudah putus asa ialah ciri seorang petani yang berjaya.

Langkah 4 : Bina perenggan PENUTUP menggunakan teknik KECAHA

PENJELASAN	AYAT CONTOH
Kesimpulan (Tip: rujuk Ayat Kehendak)	<i>Kesimpulannya, kerjaya sebagai petani wajar diberi pengiktirafan dan penghargaan oleh masyarakat kerana sektor inidapat membantu negara dalam usaha membekalkan sumber makanan yang mencukupi.</i>
Cadangan (Tip: Gunakan kata bantu seperti “mestilah”, “haruslah” dll)	<i>Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlu menyediakan bantuan pinjaman, modal, peralatan dan khidmat nasihat khusus kepada para petani yang baru menceburi bidang pertanian ini.</i>
Harapan (Tip: Gunakan frasa seperti “berharap agar”, “berdoa semoga”, “Mudah-mudahan” dll)	<i>Mudah-mudahan lebih banyak petani moden dapat dilahirkan demi kesejahteraan dan kemakmuran negara.</i>

Ke

Ca

Ha

SP:3.4.4

Contoh Perenggan Penutup

Kesimpulannya, kerjaya sebagai petani wajar diberi pengiktirafan dan penghargaan oleh masyarakat kerana sektor ini dapat membantu negara dalam usaha membekalkan sumber makanan yang mencukupi. Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlu menyediakan bantuan pinjaman, modal, peralatan dan khidmat nasihat khusus kepada para petani yang baru menceburi bidang pertanian ini. Mudah-mudahan lebih banyak petani moden dapat dilahirkan demi kesejahteraan dan kemakmuran negara.



Kerjaya masa depan perlu dititikberatkan oleh generasi muda. Hal ini dikatakan demikian kerana kerjaya yang baik dapat menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan seseorang itu. Namun begitu, segelintir individu terutamanya generasi muda didapati masih memandang rendah kerjaya tertentu khususnya bidang pertanian. Mereka tidak memahami potensi sektor pertanian serta pendapatan lumayan yang dapat dijanakan seandainya menceburi bidang pertanian. Oleh sebab itu, amat penting untuk golongan ini memahami ciri-ciri petani yang berjaya supaya tanggapan negatif ini dapat dibetulkan.

Ciri utama petani yang berjaya ialah seorang yang mempunyai minat yang mendalam tentang bidang pertanian. Minat dan kecenderungan dalam bidang pertanian akan menjadi daya penggerak untuk memotivasikan seseorang petani pada setiap masa. Sebagai contoh, seorang belia yang berminat dalam bidang pertanian akan memberikan komitmen dan gigih berusaha sesuatu projek pertanian kerana kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Sebagai kesan daripada ciri tersebut, individu yang menceburi bidang pertanian ini akan berusaha sehingga berjaya dan bersemangat dalam apa-apa jua bidang yang dilakukannya. Maka, jelaslah bahawa seseorang yang mempunyai minat dalam bidang pertanian ialah ciri petani yang berjaya.

Selain itu, petani yang berjaya mempunyai perancangan yang teliti dalam bidang pertanian. Hal ini penting kerana bidang pertanian ialah bidang yang meliputi banyak perkara penting dan seseorang petani itu mesti bijak membuat perancangan. Sebagai contoh, seorang petani perlu memikirkan aspek tanah atau kawasan yang sesuai untuk dijalankan aktiviti pertanian. Petani juga perlu memikirkan soal modal atau bantuan kewangan serta khidmat nasihat. Sebagai impak daripada ciri tersebut, segala tindakan yang dilakukan oleh para petani pasti akan berjaya dan tidaklah seperti hangat-hangat tahi ayam. Maka, sudah terang lagi bersuluh bahawa seseorang yang mempunyai perancangan yang teliti akan menjadi petani yang berjaya.

Seterusnya, ciri petani yang berjaya ialah seorang yang inovatif serta peka tentang perkembangan teknologi terkini. Ciri ini penting kerana petani perlu belajar dan menguasai pengetahuan dalam bidang teknologi yang semakin hari semakin canggih. Misalnya, petani moden yang berjaya selalu melakukan inovasi dalam proses penanaman sayur-sayuran dan mengutip hasil pertanian tersebut di samping mahir memanfaatkan teknologi. Kesannya, para petani akan dapat mengurangkan kos dan menambahkan hasil pengeluaran pertanian. Maka, benarlah bahawa kepekaan pada teknologi ialah ciri petani yang berjaya.

Akhir sekali, petani yang berjaya sentiasa berdaya saing serta tidak mudah berputus asa. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang petani bukan sahaja perlu bersedia dari segi fizikal tetapi juga dari segi mental dan emosi perlu. Misalnya, jika hasil tanaman tidak menjadi, petani perlu bersedia dengan perancangan yang lain. Petani perlu menukar baja atau mencuba tanaman yang lain. Sebagai kesannya, para petani tidak mengalami kerugian dan dapat mengatasi segala cabaran atau masalah dengan tenang. Pendek kata, seorang yang berdaya saing dan tidak mudah putus asa ialah ciri seorang petani yang berjaya.

Kesimpulannya, kerjaya sebagai petani wajar diberi pengiktirafan dan penghargaan oleh masyarakat kerana sektor ini dapat membantu negara dalam usaha membekalkan sumber makanan yang mencukupi. Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlu menyediakan bantuan pinjaman, modal, peralatan dan khidmat nasihat khusus kepada para petani yang baru menceburi bidang pertanian ini. Mudah-mudahan lebih banyak petani moden dapat dilahirkan demi kesejahteraan dan kemakmuran negara.